



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENG GAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

---

Bil. 10

Isnin

21 September 2020

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri	(Halaman 33)
- Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pemilih di Bawah P.M. 70	(Halaman 33)
Waktu Mesyuarat dan Urusan	(Halaman 80)
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 80)
Usul Penangguhan	(Halaman 176)
- Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 15(3)	(Halaman 176)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020	(Halaman 35)
Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020	(Halaman 81)
Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020	(Halaman 129)

**UCAPAN PENANGGUHAN**

Penukaran Mata Pelajaran Umum Universiti- Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), dan Hubungan Etnik, Kepada Mata Pelajaran Baharu Berasaskan Falsafah	(Halaman 177)
- <i>Puan Asmak binti Husin</i>	(Halaman 177)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Hali bin Abd. Samad
3. " Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. " Tuan Adrian Banie Lasimbang
5. " Tuan Ahmad bin Yahaya (Lantikan DUN Kedah)
6. " Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
7. " Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Alam Sekitar]
8. " Tuan Alan Ling Sie Kiong
9. " Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. " Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan
11. " Datuk Haji Bashir bin Haji Alias
12. " Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. " Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
14. " Datuk Haji Husam bin Musa
15. " Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
16. " Tuan Idris bin Haji Ahmad
17. " Dato' Isa bin Ab. Hamid
18. " Datuk Haji Ismail bin Ibrahim
19. " Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
20. " Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan
21. " Datuk John Ambrose
21. " Tuan Kamarudin bin Abdun (Perlis)
22. " Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
23. " Datuk Lee Tian Sing
24. " Tuan Liew Chin Tong
25. " Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
26. " Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
27. " Datuk Lim Pay Hen
28. " Tuan Manolan bin Mohamad
29. " Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya
30. " Ir. Md. Nasir bin Hashim

31. Yang Berhormat Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad (Sarawak)
32. " Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad (Lantikan DUN Kelantan)
33. " Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid
34. " Datuk Mohan A/L Thangarasu
35. " Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad
36. " Dr. Radzi bin Jidin [Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi]
37. " Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I]
38. " Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
39. " Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip
40. " Datuk Ng Chiang Chin
41. " Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
42. " Dr. Nuing Jeluing
43. " Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
44. " Dato' Wira Othman bin Aziz (Lantikan DUN Kedah)
45. " Datuk Paul Igai
46. " Puan Raj Munni binti Sabu
47. " Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi
48. " Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah
49. " Datuk Razali bin Idris
50. " Puan Rita Sarimah A/K Patrick Insol
51. " Tuan Robert Lau Hui Yew
52. " Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
53. " Puan Siti Fatimah binti Yahaya [Pahang]
54. " Tuan Suresh Singh A/L Rashpal Singh (Selangor)
55. " Puan Susan Chemerai Anding
56. " Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
57. " Datuk Theodore Douglas Lind
58. " Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
59. " Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu (Lantikan Agong)
60. " Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]
61. " Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy
62. " Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)

63. Yang Berhormat Datuk Haji Yakubah Khan
64. " Datuk Ir. Yong Wui Chung
65. " Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
66. " YM Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]
67. " Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Kamis bin Samin

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin @Mt Zain  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraiddah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Faraliza binti Murad @Nordin Alli  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nurul Atikah binti Basaruddin  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @Haji Sika'ri

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggis bin Juarah  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Maryam binti Azinuddin  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

**Isnin, 21 September 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan setiap warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dalam keadaan yang selamat semasa tempoh penularan COVID-19.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan juga kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling kerana menanyakan soalan berkaitan dengan rakyat kita di luar negara dalam musim penularan COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri melalui perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa mengutamakan kebajikan dan keselamatan rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Perwakilan-perwakilan Malaysia bertindak sebagai *frontliners* secara langsung dalam memastikan rakyat Malaysia yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19, diberikan bantuan yang sewajarnya termasuk daripada segi mendapatkan rawatan serta memudah cara perjalanan pulang ke tanah air.

Selain itu, perwakilan-perwakilan Malaysia turut mencari alternatif bagi membawa pulang rakyat Malaysia yang terkandas dengan kerjasama pelbagai pihak seperti agensi-agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, persatuan pelajar, syarikat penerbangan serta pihak swasta serta negara-negara asing.

Perwakilan Malaysia juga sentiasa berhubung rapat dengan komuniti-komuniti Malaysia yang menetap di luar negara. Ini penting bagi menyampaikan maklumat-maklumat terkini yang diterima daripada pihak berkuasa tempatan mahupun Kerajaan Malaysia dalam membendung

penularan pandemik COVID-19. Media yang digunakan termasuklah melalui aplikasi seperti WhatsApp, media sosial dan juga portal perwakilan Malaysia yang berkenaan.

Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara terus beroperasi seperti biasa. Ini termasuklah Kedutaan Besar Malaysia di Tehran yang terpaksa menangguhkan operasinya mulai 22 Mac 2020 hingga 22 Ogos 2020. Walau bagaimanapun, Kedutaan Malaysia di Tehran telah mula kembali beroperasi seperti biasa bermula 23 Ogos 2020.

Sukacita juga dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua bahawa sehingga hari ini, Kementerian Luar Negeri telah memudahcara seramai 26,572 orang rakyat Malaysia melalui 528 penerbangan untuk kembali ke tanah air daripada 94 buah negara ekoran penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia. Ini termasuklah 20 orang lagi anggota jemaah tabligh yang ditahan dan dibawa ke mahkamah di India yang baru pulang ke Malaysia tiga hari yang lalu.

Daripada jumlah yang terkandas ini, sekarang hanya tinggal seramai 56 orang yang dilaporkan masih terkandas di luar negara sementara menunggu lapangan terbang dibuka semula dan penerbangan komersial kembali beroperasi seperti biasa. Seramai 12 orang pegawai Kementerian Luar Negeri telah pulang ke tanah air melalui misi repatriasi ekoran penularan pandemik COVID-19 juga akan kembali ke tempat masing-masing setelah keadaan di negara penempatan mereka bertambah baik.

Kementerian Luar Negeri menganggarkan terdapat seramai 457 ribu orang rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Walau bagaimanapun, Kementerian Luar Negeri tidak dapat memuktamadkan bilangan sebenar warganegara Malaysia di luar negara kerana tidak semua rakyat Malaysia yang menetap atau berada di luar negara berdaftar dengan perwakilan Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa menasihatkan supaya warganegara Malaysia yang menetap atau yang akan mengadakan perjalanan ke luar negara untuk mendaftar dengan perwakilan Malaysia yang terdekat dengan mengambi visa yang betul.

Kementerian juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dengan kerjasama yang diberikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang terperinci yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Luar Negeri.

Pertama sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada kementerian atas usaha gigih sempena pandemik ini telah memberi nasihat, tunjuk ajar serta segala bantuan dan perlindungan kepada hampir 500 ribu orang rakyat Malaysia yang di luar negara.

Soalan saya sekarang adalah khususnya kepada mereka yang memegang *working permit*, dengan izin khususnya di Brunei ataupun Singapura. Di kawasan saya di Sarawak, ramai yang bekerja di Brunei, dari Limbang, Lawas dan Miri, sebenarnya sebelum COVID-19 mereka berulang-alik setiap hari. Akan tetapi oleh sebab COVID-19, maka oleh sebab tempoh kuarantin yang dikenakan adalah 14 hari oleh kedua-dua negara. Di Brunei, 14 hari, di Malaysia 14 hari dan itu telah menimbulkan masalah untuk mereka berulang-alik. Saya harap mungkin Kementerian Luar Negeri boleh merangka satu mekanisme untuk satu tempoh kuarantin yang lebih pendek supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Warga kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat. Tepat.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Warga kita boleh berulang-alik dengan satu mekanisme yang lebih mudah. Sekian, terima kasih.

#### ■1010

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Alan. Kami ada maklumat berkaitan dengan lebih kurang ratusan rakyat Malaysia yang berulang alik daripada beberapa bandar di Sarawak ke Brunei setiap hari untuk kerja. Setakat ini, hubungan kita dengan negara-negara jiran, di antara yang kita berikan permerhatian ialah tentang bagaimana hendak memudahkan perjalanan keluar masuk, khususnya bagi negeri-negeri dan negara-negara yang terlibat.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, walaupun perhubungan sedang berjalan tetapi belum dapat lagi apa-apa keputusan yang jelas daripada negara-negara jiran kita berkaitan dengan kesediaan mereka untuk membuka sempadan mereka dan untuk tidak memberikan proses yang ketat seperti kuarantin yang disebutkan itu. Ini melibatkan negara Brunei.

Saya boleh sebutkan ada negara jiran satu lagi yang melibatkan 250 ribu orang rakyat kita yang bekerja harian pun belum dapat diusahakan lagi. Ini sentiasa dalam perhatian kementerian kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Ahmad.

**Tuan Haji Idris bin Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

*Buah amra buah pala;  
Dapat dibeli di Pekan Sungai Dua;  
Nasib rakyat mesti dibela;  
Soalan saya nombor dua.*

2. **Tuan Haji Idris bin Ahmad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, usaha pihak kementerian untuk meningkatkan sambutan dan partisipasi rakyat yang dilihat kurang memberangsangkan dalam menyertai skim-skim latihan kemahiran yang disediakan kerajaan.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa berusaha dalam menggalakkan dan meningkatkan sambutan belia untuk menyertai bidang latihan kemahiran atau lebih dikenali sebagai *technical vocational educational and training* (TVET), dengan izin, yang dilaksanakan di seluruh.

Terdapat 32 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia terdiri daripada 23 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP), lapan buah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan sebuah *Malaysia-Japan Technical Institute* di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, ia terbuka kepada semua golongan belia daripada lepasan SPM dan pekerja untuk menyertai latihan kemahiran atau meningkatkan kemahiran bagi mengikuti kursus sepenuh masa atau separuh masa.

Pelbagai aktiviti promosi diadakan untuk meningkatkan partisipasi rakyat menyertai latihan kemahiran. Aktiviti promosi tersebut merangkumi penyertaan di pelbagai karnival di peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh pelbagai kementerian yang berkaitan dengan latihan kemahiran seperti Karnival *Jom Masuk U*, anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dan Karnival Ekspo Kemahiran Kebangsaan anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui JTM turut menganjurkan program promosi atau *outreach* kepada belia-belia Malaysia terutama anak-anak muda di kawasan luar bandar dan juga ke industri-industri yang berdekatan dengan institusi-institusi kami bagi memperkenalkan kursus-kursus yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, program-program promosi yang dilaksanakan ini bertujuan untuk membuat pengambilan pelajar, memberi pendedahan kepada golongan sasar mengenai program pembelajaran sepanjang hayat dan memberi kesedaran kepada mereka mengenai peluang-peluang menyertai latihan kemahiran yang disediakan.

Hasil promosi yang telah dilaksanakan, Kementerian Sumber Manusia telah menerima permohonan untuk mengikuti latihan yang begitu menggalakkan daripada belia lepasan sekolah. Setiap tahun kapasiti latihan di semua institut latihan kemahiran bagi kursus sepenuh masa hampir dipenuhi. Pada tahun 2019, Jabatan Tenaga Manusia telah melatih seramai 17,040 orang pelajar bagi kursus sepenuh masa dan 55,182 orang peserta bagi kursus separuh masa. Manakala pada tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, sehingga Julai 2020, enrolmen kursus sepenuh

masa adalah sebanyak 18,788 orang pelajar dan separuh masa adalah seramai 10,792 orang peserta bagi kursus separuh masa. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan kepada Dewan ini.

Oleh kerana skim latihan yang diumumkan oleh pihak kementerian memang amat memerlukan kerjasama yang rapat terutamanya dengan syarikat-syarikat swasta dalam memastikan kejayaan skim yang dianjurkan, soalan saya ialah apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahwasanya kerjasama ini terus berlaku dan akan dapat dimanfaatkan oleh rakyat keseluruhannya?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas keprihatinan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini bukan sahaja negara kita, malah seluruh dunia menghadapi kelembapan ekonomi dan kadar pengangguran sedang meningkat. Kalau kita lihat di Malaysia, pada bulan Mei, kadar pengangguran diumumkan sebanyak 5.3 peratus. Akan tetapi di dalam masa terdekat, dalam masa dua hingga tiga bulan, dengan usaha-usaha kerajaan dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita dapat mengurangkan kadar pengangguran daripada 5.3 peratus ke *below* 5.3 peratus.

Satu usaha adalah hubungan kementerian melalui agensi-agensi dengan sektor-sektor industri. Bagi merealisasikan aspirasi Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja mengadakan Penjana Kerjaya melalui *MYFutureJobs* di seluruh negara melibatkan sektor-sektor ini tetapi pada masa yang sama, kita juga memperbaharui program-program sedia ada supaya menarik minat lebih ramai golongan belia untuk menyertai program-program seperti ini untuk menampung keperluan semasa.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, setakat ini, ILP-ILP yang menjalani pembaharuan adalah di Pasir Gudang, di Ipoh, ADTEC Shah Alam, I-City dan sebagainya. Terima kasih.

**3. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah graduan perubatan yang sedang menunggu untuk penempatan bagi *houseman* sehingga Julai 2020, dan adakah Pegawai Perubatan di hospital kerajaan mencukupi.

**Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator, bilangan graduan perubatan yang masih menunggu penempatan adalah seramai 635 orang yang terdiri daripada mereka yang telah

berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan lulus tapisan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Mereka akan ditawarkan pelantikan seterusnya bagi sesi pengambilan keenam tahun 2020 ini yang dijadualkan pada 26 Oktober 2020 tertakluk kepada kekosongan slot latihan siswazah sedia ada.

Sehingga 30 Jun 2020, terdapat seramai 33,536 orang pegawai perubatan tetap yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Secara keseluruhannya, Malaysia berkeperluan untuk meningkatkan bilangan doktor di sektor awam bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan semasa dan akan datang. Ini juga adalah selari dengan matlamat kerajaan agar doktor diberi akses kepada latihan kepakaran bagi memastikan perkhidmatan kesihatan khususnya bidang kepakaran dapat lebih berkembang setanding dengan negara-negara maju. Terima kasih.

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah nisbah doktor dan pesakit di Malaysia, dan adakah ia mencapai taraf antarabangsa?

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Terima kasih ke atas soalan Yang Berhormat. Memang daripada segi nisbah ini, kita selalu membuat angka-angka nisbah doktor kepada jumlah penduduk. Kalau mengikut pesakit sekarang ini, kita belum ada data yang mengatakan seorang doktor dapat nilai ataupun nisbah kepada pesakit. Tidak ada.

Jadi, kita sentiasa- kalau kita melihat dari segi nisbah doktor kepada pesakit- mengikut negara pada jumlah *population*. Kalau Malaysia, setakat ini satu kepada 482 orang penduduk. Kalau kita melihat negara yang sudah maju macam *United Kingdom*, satu doktor kepada 272 orang penduduk. Australia, satu doktor kepada 223 orang penduduk. Kita sekarang ini setanding dengan negara-negara seperti Turki, China dan *Mexico* dalam lingkungan kurang daripada satu kepada 500 orang penduduk. Terima kasih.

#### ■1020

4. **Tuan Kamarudin bin Abdun** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah pihak kastam melaksanakan operasi di pintu sempadan terutamanya di Padang Besar dan Wang Kelian dengan lebih efisien, serta jujur tanpa memilih kasih sebagai contoh kenderaan awam dari Thailand tidak diperiksa semasa memasuki ke Malaysia dan kenderaan dari Malaysia diperiksa sepenuhnya.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan dilakukan oleh pihak kastam terhadap semua kenderaan yang melalui pintu masuk dan keluar sempadan tanpa sebarang

pengecualian. Bagi memastikan kelancaran pergerakan keluar masuk kenderaan di pintu-pintu sempadan, pemeriksaan rapi akan dilakukan berdasarkan penilaian risiko, latar belakang penumpang atau kenderaan, maklumat awam dan maklumat risikan sama ada daripada bahagian penguatkuasaan kastam atau agensi lain.

Operasi khas Yang Berhormat, operasi berkala dan pemeriksaan mengejut turut dilaksanakan dari semasa ke semasa bersama agensi lain yang berkaitan seperti PDRM berdasarkan maklumat risikan dan maklumat yang diterima. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai dakwaan yang mengatakan terdapat pegawai kastam yang telah melaksanakan tugas secara pilih kasih, tidak jujur dan sebagainya, boleh dilaporkan secara terperinci kepada pihak kastam supaya siasatan dapat dijalankan.

*Insya-Allah* Yang Berhormat, pihak kastam akan terus berusaha sedaya upaya bagi memastikan misi jabatan dalam memungut hasil dan memberi fasiliti perdagangan melalui penguat kuasa dan pematuhan undang-undang dapat dilaksanakan pada tahap yang tertinggi tanpa berbelah bahagi. Terima kasih.

**Tuan Kamarudin bin Abdun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan. Apa yang jelas, pihak kastam negara jiran begitu tegas bagi memeriksa kenderaan-kenderaan Malaysia adalah kerana mereka yakin dengan berbuat begitu mereka dapat menghindar penyeludupan kenderaan dan juga daun-daun ketum.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya memandangkan Malaysia begitu terdedah kepada penyeludupan senjata api dan dadah, tidakkah pihak kerajaan perlu mengambil tindakan segera bagi membekalkan kepada kompleks-kompleks kastam di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran itu dibekalkan dengan mesin scanner. Itu sahaja soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan sebentar tadi. Saya akui Yang Berhormat Senator amat mengetahui tentang apa yang sedang berlaku. Saya yakin segala pandangan Yang Berhormat dari segi Akta Kastam Diraja Malaysia 1967 jelas menunjukkan bahawasanya di bawah seksyen 111, seksyen 135, dan seksyen 137 telah memberi satu kuasa yang luas kepada pihak penguat kuasa untuk mengambil tindakan.

Akan tetapi, soalan yang Yang Berhormat bangkitkan tadi adalah berkaitan teknologi dan keupayaan penguatkuasaan hanya bukan tertakluk kepada integriti individu terbabit tetapi juga kelengkapan. *Insya-Allah* Yang Berhormat, perkara ini kita akan lakukan dan untuk makluman Yang Berhormat, pada awal bulan hadapan saya sendiri akan turun ke Wang Kelian untuk adakan

satu Konsultasi Bajet 2021 berkaitan operasi sempadan. *Insya-Allah*, sekiranya Yang Berhormat berminat, saya akan jemput Yang Berhormat untuk turut bersama dalam konsultasi bajet tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

**5. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) apakah tindakan SKMM sekiranya ada profil media sosial menggunakan akaun palsu dan berapakah jumlah laporan yang dibuat dengan SKMM secara terus atau melalui jabatan lain berkenaan kes penggunaan profil palsu di media sosial bagi tahun 2019 hingga kini; dan
- (b) adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji atau menggubal suatu undang-undang bagi mengawal kes buli menggunakan sosial media.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin oleh sebab ini kali pertama saya tampil di depan Tuan Yang di-Pertua sejak dilantik menjadi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, sempat bersua muka kita di Dewan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan bangga kerana Tuan Yang di-Pertua pernah dua kali memegang jawatan Menteri di kementerian ini, Kementerian Penerangan pada tahun 1984 sehingga tahun 1986 dan KKMM tahun 2009 hingga tahun 2013.

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, antara tahun 2019 sehingga Ogos 2020, sejumlah 3,224 akaun yang menyamar atau akaun palsu telah disusuli tindakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia atau SKMM. Daripada jumlah tersebut, 80 peratus daripadanya telah dipadamkan dengan kerjasama pihak penyedia platform media sosial selaras dengan terma-terma dan syarat platform masing-masing.

Kandungan-kandungan lain adalah berkenaan kandungan yang berunsur buli siber, kandungan berunsur kebencian dan sebagainya di mana sejumlah 3,638 pautan atau URL bagi akaun dan kandungan telah dirujuk untuk perhatian dan tindakan lanjut penyedia platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Google*, *Instagram*, *YouTube*, dan sebagainya. sebanyak 60 peratus daripadanya telah dipadamkan berdasarkan pelanggaran terma dan syarat perkhidmatan serta piawaian komuniti penyedia platform yang berkenaan.

Selain maklumat daripada pengguna media sosial, pihak penyedia platform media sosial seperti *Facebook* juga turut memantau kandungan serta akaun yang terdapat di platform mereka dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya kandungan atau akaun yang dimuat naik

bertentangan dengan terma dan syarat serta piawaian komuniti yang ditetapkan oleh pihak mereka.

Berkaitan dengan bahagian kedua soalan Yang Berhormat, terdapat beberapa undang-undang yang sedia ada yang boleh diguna pakai untuk menangani kes buli siber menggunakan media sosial. Contohnya ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Kanun Keseksaan. Undang-undang ini boleh digunakan oleh pihak penguat kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan bersama undang-undang sedia ada yang lain termasuk di bawah perundangan sivil tertakluk kepada fakta kes. Undang-undang secara umumnya tertakluk kepada semakan secara berterusan termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Sekiranya undang-undang sedia ada didapati tidak memadai untuk menangani permasalahan buli siber, undang-undang tersebut boleh dipinda dengan sewajarnya. Dalam membuat pindaan atau membuat perundangan baharu sekiranya perlu, konsultasi awam dan konsultasi dengan pihak berkepentingan akan diadakan bagi memastikan pindaan atau perundangan baharu yang dibuat adalah wajar dan berkesan.

Dalam hal ini, pihak kementerian sedang menjalankan kerjasama dengan Universiti Multimedia menjalankan penyelidikan berkaitan keperluan undang-undang khusus berkaitan anti-buli siber. Sesi libat urus dan perbincangan sedang dijalankan dalam mencari jalan dan membangunkan rangka kerja sesuai berhubung mekanisme terbaik dalam menangani isu siber buli ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair mengemukakan dua soalan, pilihan untuk menambah lagi saya hadkan.

**Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair:** Ya, ya. Itu pun saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua. Ya, terima kasih.

**6. Datuk Paul Igai** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, adakah kementerian bekerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia dan sentiasa mengambil tindakan berjaga-jaga dalam usaha menganalisis bahan-bahan yang terkandung di dalam makanan dan minuman demi memastikan kesihatan rakyat terjaga.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Okey, maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya juga Tuan Yang di-Pertua pertama kali di hadapan Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini, izinkan saya sukacita mengucapkan setinggi-setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini. Ya, ini jawapan dia.

Kerajaan tidak berkompromi terutamanya di dalam aspek yang boleh menjelaskan kesihatan pengguna dan sentiasa memastikan bahawa kesejahteraan pengguna terus terpelihara. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia dalam tindakan penguatkuasaan yang memerlukan penghantaran sampel barang kes seperti produk petroleum dan barangan kawalan lain di bawah Akta Kawalan Bekalan 1972, minuman beralkohol yang melibatkan barang tiruan di bawah Akta Cap Dagangan 2019 serta sampel makanan yang secara khususnya terdapat ruang kecil bagi peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

■1030

Peranan dan kerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia sangat penting dalam memastikan kesihatan sesuatu kandungan makanan tersebut serta sebagai keterangan yang akan digunakan oleh pegawai penyiasat dalam mengambil tindakan pendakwaan dan seterusnya memastikan pengguna dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, perkara yang biasanya disiasat adalah berkaitan perihal dagangan palsu di bawah seksyen 5, dan seksyen 6 akta. Antara contoh siasatan yang dibuat adalah berkaitan tularnya telur ayam yang didakwa telur tiruan serta beras atau beras pulut yang dikatakan plastik. Sampel barangan tiruan yang berkaitan minuman keras juga di hantar kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk mengesahkan bahawa minuman yang disita mengandungi alkohol.

Selain daripada itu, sampel makanan yang dihantar juga melibatkan siasatan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 iaitu siasatan yang melibatkan aspek halal dalam makanan. Sampel akan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi mengesahkan sama ada sesuatu makanan tersebut mengandungi bahan yang tidak halal dimakan oleh orang Islam seperti alkohol dan daging khinzir. Sekian, terima kasih.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri kawan sekampung saya dari Kapit yang sudah menjawab dengan teliti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah pakat lah ini.

**Datuk Paul Igai:** Soalan saya, apakah bidang kuasa kementerian dalam pengawalseliaan penjualan, spesifiknya air mineral di pasaran kita? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator yang bertanya. Air mineral seperti barang yang lain juga. Pertama, untuk memastikan, peniaga hendaklah memastikan tanda harga dipamerkan dengan jelas. Itu kawalan.

Kedua, pengilang memastikan label yang dipamerkan mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Pemborong) 1980.

Ketiga, memastikan pengilang menggunakan hanya Logo Halal yang diberikan kebenaran oleh JAKIM. Keempat, pengeluar tidak menggunakan cap dagangan palsu atau perihal palsu.

Jadi, untuk kualitinya itu adalah dalam- ataupun kualiti bagaimana bahan air minuman itu boleh diminum atau tidak. Itu bidang Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

**7. Datuk Lee Tian Sing** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, senarai seni dan budaya tempatan yang dikategorikan sebagai *intangible heritage* dan bagaimana kementerian telah mempromosikan seni dan budaya tersebut sebagai daya tarikan pelancong ke negara ini.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Bukan gelam sebarang gelam;  
Gelam tua kukus sekali;  
Bukan salam sebarang salam;  
Salam mesra setulus hati.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ataupun MOTAC menerusi Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mewartakan sejumlah 548 butiran di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang dikategorikan sebagai warisan tidak ketara yang meliputi:

- (i) bahasa dan persuratan seperti karya Pendeta Za'ba, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, dan pantun;
- (ii) adat dan budaya seperti adat Mandi Anak Iban, silat dan baulu;
- (iii) seni persembahan seperti Mak Yong, Dondang Sayang serta Wangkang; dan
- (iv) seni halus, seperti songket, tikar dan busana Cik Siti Wan Kembang.

Tuan Yang di-Pertua, senarai penuh tersebut boleh dirujuk melalui Buku Daftar di Bahagian Daftar Warisan JWN, dan juga boleh diakses di laman sesawang JWN iaitu [www.heritage.gov.my](http://www.heritage.gov.my). Apa yang ada bersama saya hari ini sehingga 2018... [Menunjukkan senaskhah dokumen]

Di samping itu, MOTAC juga sentiasa berusaha mengangkat seni dan budaya negara agar dikenali global serta mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Malaysia melalui MOTAC telah berjaya memperoleh pengiktirafan ke atas Mak Yong pada tahun 2005, Dondang Sayang pada tahun 2018 dan silat pada tahun 2019 di bawah *The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* di bawah *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*, atau lebih dikenali sebagai UNESCO iaitu sebuah agensi khas di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu *United Nations*. Ia juga yang mempromosikan keamanan dan keselamatan dunia melalui kerjasama antarabangsa dalam pendidikan sains dan kebudayaan.

Sementara itu pada tahun 2020 iaitu tahun ini, terdapat dua warisan kebudayaan tidak ketara Malaysia dalam proses penilaian untuk penyenaraian di bawah *The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity*, UNESCO. Pencalonan pertama ialah pantun yang merupakan pencalonan secara bersama dengan Indonesia. Pencalonan kedua ialah upacara Wangkang melibatkan pencalonan bersama Republik Rakyat China.

Pada masa yang sama, usaha mencalonkan warisan kebudayaan tidak ketara di bawah *UNESCO 2003 Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage*, dengan izin, diteruskan dengan pencalonan songket dan Mek Mulung. Pengiktirafan yang diperoleh daripada pihak UNESCO ini bukan sahaja membolehkannya terus segar dihidupkan oleh generasi pada hari ini. Malah secara tidak langsung ia dapat mempromosikan seni, budaya dan warisan sebagai salah satu produk tarikan pelancongan.

Beberapa program turut diadakan bagi mempromosikan warisan tidak ketara seperti pertandingan sayembara dendangan syair, demonstrasi warisan, persembahan Dondang Sayang, pameran Warisan Malaysia di UNESCO Paris, Perancis dan penghasilan video silat, songket dan Mek Mulung serta penerbitan buku seperti Warisan Masakan Lenggong.

Kementerian ini juga Tuan Yang di-Pertua melalui Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN) telah mengadakan Festival Seni Hidup atau juga dikenali sebagai *Living Arts Cultural Festival*, dengan izin, dan Panggung Seni Tradisional sebagai salah satu usaha mendedahkan seni budaya negara kepada masyarakat tempatan serta menarik para pelancong untuk menyaksikan sendiri keunikan seni, budaya dan warisan Malaysia.

Usaha-usaha untuk mempromosikan warisan tidak ketara turut dilaksanakan kementerian ini melalui *Tourism Malaysia* di peringkat antarabangsa melalui penyertaan ke pameran antarabangsa seperti *World Travel Market* (WTM) di London, *International Tourismus Borse* (ITB) Berlin, *Arabian Travel Mart* (ATM) Dubai, *South Indian Travel and Tourism Exhibition* (SATTE) New Delhi, dan *ASEAN Tourism Forum* (ATF).

Keunikan budaya masyarakat Malaysia dipertontonkan melalui persembahan kebudayaan kepada ribuan peserta dan pelawat pameran serta pengamal media dari serata dunia. Kepelbagaiannya budaya Malaysia di terjemah dan dipersembahkan melalui gerak tari dan pakaian tradisional semasa persembahan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Puan Siti Fatimah binti Yahya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

**[Soalan No.8 – Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahya tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Beliau tiada. Saya meneruskan kepada soalan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah...

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon maaf sebab yang berkenaan tidak hadir. Jadi, berehatlah nampaknya Yang Berhormat Menteri dengan penuh keselesaan *[Ketawa]* Terima kasih.

Sila Yang Berhormat Senator.

#### ■1040

**9. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk membina lebih banyak rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat pasca COVID-19 dan adakah kementerian akan mengurangkan harga rumah akibat daripada gangguan pendapatan isi rumah selepas wabak COVID-19 ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Mutalib]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam kita-jaga-kita.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah atas soalan yang kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited dalam penyediaan lebih banyak rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat bukan sahaja pasca COVID-19, malah bagi menghadapi pertumbuhan pembangunan negara, peningkatan bilangan penduduk dan keperluan rakyat negara ini di masa hadapan. Ia dilakukan melalui pembinaan perumahan di bawah program-program berikut:

- (i) Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (ii) Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);

- (iii) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- (iv) Rumah Transit dan Rumah Transit Belia;
- (v) Perumahan PR1MA; dan
- (vi) Program Perumahan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga secara umumnya penentuan harga rumah adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya:

- (i) lokasi rumah dibina;
- (ii) harga tanah;
- (iii) kos bahan binaan;
- (iv) kos bahan mentah;
- (v) kos pematuhan seperti caj premium tanah;
- (vi) caj sumbangan utiliti yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan utiliti seperti air, api dan sebagainya; serta
- (vii) kadar keuntungan yang diambil oleh pemaju.

Selain itu, penentuan harga rumah adalah mengikut pasaran terbuka dan tertakluk kepada permintaan dan juga bekalan. Buat masa ini, KPKT tiada maklumat yang tepat mengenai sejauh manakah pandemik COVID-19 mempengaruhi harga pasaran semasa kerana laporan pasaran harta tanah separuh tahun pertama 2020 dan Indeks Harga Rumah Malaysia bagi suku tahun pertama 2020 masih belum dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) di bawah Kementerian Kewangan untuk dibuat perbandingan harga kesan berikutan pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah melaksanakan kempen pemilikan rumah *Home Ownership Campaign 2020* (HOC 2020), dengan izin. Di mana insentif oleh kerajaan diberikan melalui pengecualian duti setem dan insentif oleh pemaju perumahan diberikan melalui diskaun harga jualan sekurang-kurangnya 10 peratus dan seterusnya dapat mengurangkan harga belian rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah sasaran terkini pembinaan dan pemilikan rumah mampu milik oleh Kerajaan PN? Bagaimanakah kementerian melihat ia mampu dicapai akibat kekangan PKPP sehingga Disember 2020?

Kedua, apakah bentuk program bantuan dan perumahan kerjasama KPKT dengan kerajaan negeri yang dirancang bagi memastikan setiap negeri mempunyai rumah mampu milik

terutamanya di kawasan pusat bandar agar golongan muda mampu memiliki rumah? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, di samping KPKT menyediakan program-program perumahan seperti mana yang saya sebutkan tadi, pihak kerajaan negeri bahkan swasta juga bertanggungjawab membina rumah-rumah mampu milik.

Kalau mengikut sasaran yang kita buat, pembinaan rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun iaitu 2018 hingga 2028 iaitu sejumlah satu juta rumah, di mana- saya ambil contoh KPKT sahaja merancang membina 71,778 unit rumah, di bawah PR1MA sebanyak 44,029 dan 68,397 unit di bawah SPNB. Sementara itu, kerajaan negeri juga tidak kurang merancang dan membina rumah-rumah mampu milik ini. Umpama contoh, sehingga Mac 2020, sejumlah 18,113 telah siap dibina oleh kerajaan negeri dan 2,071 oleh pemaju swasta. Detilnya Tuan Yang di-Pertua, boleh saya berikan.

Namun demikian, dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini, saya kira banyak kelonggaran telah diberikan oleh kerajaan, bantuan bagi meringankan beban dihadapi oleh rakyat terutamanya pemilik-pemilik perumahan mampu milik ini. Antara program di bawah PENJANA umpamanya Tuan Yang di-Pertua, ialah kempen pemilikan rumah *Home Ownership Campaign*.

Melalui kempen pemilikan rumah, insentif kerajaan diberikan melalui pengecualian duti setem dan insentif oleh pemaju perumahan yang memberikan diskaun harga jualan sekurang-kurangnya 10 peratus. Di samping itu juga, pengecualian cukai bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan pada 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021, dan disetemkan di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pengecualian duti setem juga 100 peratus ke atas keseluruhan perjanjian perumahan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah pengecualian cukai keuntungan harta tanah di mana kalau biasanya harga perumahan, pengecualian cukai harta tanah ini diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2021. Pengecualian dihadkan kepada tiga unit rumah kediaman sahaja bagi satu-biasanya pada tahun pertama, kedua, ketiga ialah 30 peratus, tahun keempat diberikan 20 peratus kadar pengecualian, dan tahun kelima 15 peratus, tahun keenam ialah lima peratus. Akan tetapi di bawah skim PENJANA ini, dari 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2021 dihadkan bagi pelupusan tiga unit rumah ialah dikecualikan cukai harta tanah.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, had pembiayaan bagi pinjaman perumahan. Kalau dulu pihak bank, pemberi pinjaman memberikan pinjaman hingga 70 peratus tetapi sehingga kini di

bawah PENJANA ini bagi membantu rakyat menghadapi pandemik COVID-19, tiada had semasa tempoh HOC bagi harga rumah RM600 ribu ke atas tertakluk kepada pengurusan risiko. Maknanya, tiada had diberikan. Dulu 70 peratus sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan bagi membantu golongan rendah termasuklah penjawat awam dan kakitangan bawahan, kita juga mengadakan seperti mana yang saya sebutkan, Rumah Transit dan juga Rumah Transit Belia. Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Yusop:**

*Dalam kelam mohon untuk bersuluh;  
Soalan saya nombor sepuluh.*

**10. Tuan Ismail bin Yusop** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah ada program atau kerjasama kementerian dalam memupuk kesedaran terhadap bahaya memandu di bawah pengaruh alkohol dan jika ada, senaraikan program dan kerjasama tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan menerusi agensi-agensinya seperti Jabatan MIROS dan JPJ sentiasa secara berterusan melaksanakan program-program dan kerjasama berkaitan kesedaran keselamatan jalan raya di Malaysia secara keseluruhannya termasuklah berkaitan dengan aspek memandu di bawah pengaruh alkohol.

Salah satu program yang utama yang telah dilaksanakan oleh kementerian adalah program Tiada Minggu Tanpa Advokasi (TMTA) yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2004 hingga sekarang. Berdasarkan rekod, sehingga kini, sejumlah 1,866 program TMTA telah dilaksanakan yang merangkumi seluruh kategori advokasi kempen keselamatan jalan raya.

Antara aktiviti utama di bawah TMTA adalah mengadakan sesi libat urus dan kerjasama dengan pihak premis jualan makanan, pengilang dan pusat hiburan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan tanggungjawab dan tindakan pihak berkenaan termasuk dalam meningkatkan kesedaran berkaitan kesalahan memandu dalam keadaan mabuk.

**■1050**

Program Advokasi Khas Keselamatan Jalan Raya berkenaan bahaya memandu di bawah pengaruh alkohol juga telah diadakan di restoran-restoran dan bar di sekitar Lembah Klang pada setiap minggu yang dilaksanakan berselang seli dengan program keselamatan jalan raya yang lain seperti kepentingan menggunakan tali pinggang keledar dan sebagainya. Program Kempen *Don't Drink and Drive* juga sentiasa dilaksanakan dan program terbaru adalah pada 17 Julai 2020

mulai pukul 5 sehingga 11 malam di premis restoran dan premis menjual minuman keras di sekitar Bandar Kajang dan Semenyih, Petaling Jaya dan juga Puchong.

Program yang sama juga secara berterusan diadakan di seluruh negara termasuk di Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu. Selain itu, pihak kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk berbincang bersama pihak pengusaha atau pengilang minuman beralkohol untuk meminta pihak pengilang meletakkan label amaran bahaya pemanduan di bawah pengaruh alkohol. Pihak kementerian juga telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak penyedia kenderaan perkhidmatan awam *e-hailing* bagi menyediakan perkhidmatan kepada individu yang telah mengambil minuman beralkohol.

Sebelum wujudnya alkohol kita menggunakan *radio-taxi*, dengan izin. Perkara ini bertujuan mengubah minda individu berkenaan untuk tidak memandu selepas mengambil minuman beralkohol sebaliknya menggunakan kenderaan perkhidmatan awam. Kementerian Pengangkutan dan semua agensi-agensi utamanya akan terus menggiatkan lagi advokasi dan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya. Dalam melaksanakan program-program sebegini, Kementerian Pengangkutan menyeru semua pihak yang berkepentingan termasuk NGO, pengusaha premis minuman, makanan, pengendali perkhidmatan pengangkutan awam dan lain-lain untuk bekerjasama dengan kementerian.

Bagi menjayakan usaha ini ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat Malaysia, pelbagai program kemudahan inisiatif boleh diadakan dengan jayanya dengan sokongan dan penglibatan semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ringkas sahaja. Ia isu pemanduan atau memandu dalam keadaan mabuk ini merupakan isu sikap dan amalan sosial kehidupan seseorang individu. Dalam program-program yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, soalan saya ialah ada atau tidak melibatkan khidmat nasihat daripada kaunselor profesional oleh sebab isu ini berkaitan dengan masalah peribadi individu yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Dalam rekod saya yang secara terperinci memang saya tidak ada rekod yang berkaitan dengan di mana menghantar pesalah-pesalah ataupun yang ditahan di bawah memandu di bawah pengaruh alkohol ini yang telah berapa orang ataupun berapa jumlah yang dihantar kepada profesional kaunselor, dengan izin, *I don't have the record, insya-Allah I will try to get the record* untuk ini. Akan tetapi, program sebegini lebih kepada khidmat nasihat yang disediakan oleh KKM memang ada untuk secara berterusan kepada mereka-mereka yang apabila ada di antaranya yang ditahan semasa Ops Bersepadu. Ada juga.

Walaupun Ops Bersepadu ini dibuat oleh polis, PDRM, AADK, Jabatan Imigresen dan juga pihak berkuasa tempatan ada juga yang dijumpai, ditahan sebab pengaruh alkohol dan mereka ini ada yang dihantar kepada KKM untuk *dicheck* dan mungkin ada di antaranya pula yang dihantar, yang dikendalikan oleh KKM untuk diberi khidmat nasihat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang soal Senator kita tadi tentang kaunseling itu?

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** *This one, the counseling I don't have the detail here just now, I don't have the detail* tetapi yang ada dalam makluman kita ialah yang dihantar kepada KKM untuk mendapat khidmat ini, program khidmat nasihat yang disediakan oleh KKM secara berterusan. Itu ada yang profesional *I don't have the record. I will check and give you the answer*, dengan izin, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih. Yang Berhormat Puan Nuridah binti Mohd Salleh kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**11. Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan, pertimbangan kerajaan untuk penguatkuasaan khusus bagi menangani gerakan anti vaksin yang mempengaruhi masyarakat menolak perubatan moden terutamanya dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Vaksin merupakan satu langkah pencegahan penyakit yang berkesan dan selamat serta telah terbukti penyumbang kepada kejayaan menghapuskan penyakit cacar ataupun *smallpox* di seluruh dunia pada tahun 1980. Di Malaysia, vaksin-vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan sejak tahun 1950-an telah berjaya menurunkan bilangan kes dan kematian akibat penyakit pencegahan vaksin atau *vaccine preventable diseases*.

Namun sejak teknologi maklumat bertambah canggih dengan kemudahan Internet tanpa sempadan, kes penolakan vaksin akibat dipengaruhi oleh lambakan maklumat semakin berleluasa bukan sahaja di Malaysia, malah turut berlaku di negara-negara lain. Gerakan anti vaksin yang memburuk-burukkan vaksin di Malaysia didalangi oleh individu-individu yang bukan pakar dalam bidang vaksin.

Mesej yang menggunakan unsur emosi digunakan bagi menakut-nakutkan masyarakat terutama ibu bapa sehingga timbul keraguan seterusnya menyebabkan penolakan vaksin. Bagi memastikan ibu bapa bersetuju agar anak mereka diberikan suntikan vaksin, pendekatan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah bersifat advokasi dan *promotive* untuk meningkatkan

kesedaran, kebaikan dan kepentingan vaksin di kalangan ibu bapa serta menghapuskan stigma negatif terhadap vaksin.

Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan pelbagai langkah untuk memastikan penerimaan vaksin yang tinggi oleh ibu bapa dan antaranya adalah:

- (i) pendidikan kesihatan mengenai kepentingan imunisasi diberikan seawal semasa ibu mengandung;
- (ii) menyediakan kit info imunisasi untuk golongan advokasi yang mengandungi informasi sesuai untuk orang awam dan juga anggota kesihatan;
- (iii) menyediakan maklumat yang sahih, fakta-fakta dan informasi tentang vaksin dalam rasmi kementerian iaitu di web portal MyHEALTH dan platform media sosial Kementerian Kesihatan;
- (iv) mengadakan aktiviti-aktiviti publisiti dan menyebarkan maklumat berkaitan vaksin dan imunisasi seperti kempen semasa Sambutan Hari Imunisasi Sedunia pada 24 ke 30 April setiap tahun dan meningkatkan fakta-fakta berkaitan vaksin imunisasi secara insentif melalui media sosial, siaran TV, radio dan sebagainya;
- (v) mengadakan kerjasama pintar dengan NGO seperti Immunise4Life dan juga mengadakan kerjasama dengan JAKIM dan pejabat mufti untuk memperbetulkan pandangan masyarakat terutamanya tentang hukum dan fatwa berkaitan dengan imunisasi; dan
- (vi) meningkatkan latihan kepada anggota kesihatan di lapangan agar mereka berpengetahuan dan mahir dalam memberi penerangan mengenai vaksin dan imunisasi.

Untuk jawapan bahagian dua dalam tempoh penularan pandemik COVID-19, penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan kepada penerima vaksin secara keseluruhan disebabkan penurunan kedatangan bayi ke fasiliti kesihatan dan penutupan sekolah. Kementerian Kesihatan telah pun membuat kenyataan rasmi supaya ibu bapa berhubung dengan fasiliti kesihatan berdekatan untuk penjadualan semula suntikan vaksin kepada kanak-kanak.

Perkhidmatan imunisasi di sekolah telah diteruskan dalam tempoh PKP dengan memberi vaksin di fasiliti kesihatan kerajaan yang berdekatan dan kini telah dilaksanakan semula di sekolah mengikut SOP yang ditetapkan. Anggota kesihatan juga sedang menjalankan usaha untuk mengesan kanak-kanak yang telah tercicir imunisasi tersebut untuk dijadualkan suntikan vaksin. Sekian, terima kasih.

■1100

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan seterusnya ialah sejauh manakah pihak KKM menghasilkan kajian bagi mendapat vaksin sendirilah untuk tidak bergantung kepada produk luar negara? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Terima kasih atas soalan tersebut. Memang Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk mendapat vaksin sendiri dan selama ini pun, semasa COVID-19 ini kita pun telah bekerjasama dengan MOSTI untuk menghasilkan vaksin untuk COVID-19 dan juga yang dahulu walaupun kebanyakan vaksin yang kita ada adalah untuk yang juga dihasilkan oleh negara-negara lain. Akan tetapi, kita juga berusaha setiap kes, memang kita juga berusaha untuk sama-sama untuk mendapatkan vaksin. Terima kasih.

**12. Puan Raj Munni binti Sabu** minta Menteri Pendidikan menyatakan, inisiatif yang diambil oleh kementerian untuk memastikan pelajar selain Tingkatan 5, dan 6 tidak tercincir dalam pelajaran mereka akibat PKPP.

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab menyediakan akses pendidikan yang seragam kepada semua murid sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuklah untuk murid-murid di kawasan yang mempunyai capaian Internet yang rendah.

Pelbagai platform Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sama ada secara dalam talian-*online*, mahupun di luar talian disediakan oleh KPM untuk meningkatkan kebolehcapaian-*accessibility*, semua murid termasuk murid-murid Tingkatan 5, dan Tingkatan 6. Bagi tujuan PdP secara dalam talian, murid-murid dan guru-guru boleh menggunakan pelantar pembelajaran digital iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang membolehkan mereka mengakses pelbagai aplikasi buku teks digital, video PdP, kuiz, video dan permainan pembelajaran selain daripada pelantar EduwebTV, CikgoTUBE dan kelas digital.

KPM dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah memperkenalkan semula rancangan Televisyen Pendidikan di saluran TV Okey bermula 6 April 2020 dan ASTRO Tutor TV di saluran 601 dan saluran 603 mulai 4 Mei 2020. Liputan yang

meluas menerusi penggunaan televisyen ini memberikan faedah kepada murid-murid di kawasan luar bandar termasuklah di kawasan pendalaman Sabah dan Sarawak.

Rancangan radio pendidikan pula telah dilaksanakan di beberapa negeri seperti di Kedah, Terengganu dan Johor. Bagi kumpulan murid yang tidak mempunyai alatan teknologi di rumah, PdP dilaksanakan melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid melalui perkhidmatan pos. Bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan Kaunter Pandu Lalu di sekolah termasuk melalui faksimile kepada sekolah untuk dicetak dan diedarkan kepada murid.

Semua langkah ini membuktikan pihak KPM peka terhadap keperluan murid dalam menentukan aktiviti yang sesuai berdasarkan analisis keperluan dari segi persekitaran, intelek, emosi dan jasmani murid. Terima kasih.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Ada soalan Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan ketika COVID-19 sebenarnya telah mendedahkan kepada suasana di mana jurang digital yang sangat besar dan kronik dalam negara kita berlaku dalam kalangan entiti akademik. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah kerajaan bagi merapatkan jurang digital ini?

Saya mengambil maklum, jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi akan tetapi jurang digital itu memang berlaku. Lalu, apakah langkah segera yang mungkin kementerian ambil untuk merapatkan jurang digital ini khususnya sebenarnya pada masa kita perlu bersedia menghadapi Revolusi Industri 4.0? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Dr. Mah Hang Soon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi adalah benar bahawa memang wujud jurang yang agak besar di antara bandar dengan luar bandar dan walaupun dalam bandar pun sendiri terwujud jurang tersebut. Itu yang pertama.

Kedua, ingin juga saya maklumkan di sini disebabkan oleh ataupun akibat daripada PKP ini, penggunaan aplikasi digital semakin meningkat dan untuk itu, ingin saya laporkan di sini bahawa penggunaan, pendedahan murid-murid dan guru-guru kepada alat-alat digital, penggunaan PdP secara digital telah meningkat dengan begitu mendadak sekali iaitu berdasarkan kepada data pada 11 Julai 2020. Sebanyak 93.4 peratus populasi guru di Malaysia telah menggunakan DELIMa dan selain daripada itu sebanyak 62.4 peratus populasi murid di Malaysia juga telah menggunakan platform tersebut.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita di KPM tengah berusaha untuk merangka satu cara dan tengah mengkaji untuk cuba dan membekalkan alat-alat peranti khususnya kepada golongan B40. Terima kasih.

**13. Puan Asmak binti Husin** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, pelan tindakan kerajaan untuk mempersiapkan IPTA yang berdepan dengan revolusi pembelajaran IR 4.0 di peringkat antarabangsa yang mula memasuki pasaran pengajian tinggi di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha mendepani ledakan Revolusi Industri 4.0 yang turut mempengaruhi sektor pengajian tinggi, kementerian menumpukan kepada usaha untuk menyediakan sumber manusia yang lebih inovatif, berkemahiran tinggi dan mempunyai literasi berkaitan dengan teknologi terkini selaras hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Revolusi Perindustrian Keempat.

Antara usaha yang telah dilaksanakan kementerian adalah melalui penghasilan dokumen, dengan izin, *Framing Malaysian Higher Education 4.0: Future-Proof Talents* yang menggariskan empat strategi iaitu:

- (i) kurikulum tersedia masa hadapan;
- (ii) tadbir urus yang tangkas;
- (iii) penyelidikan dan inovasi; serta
- (iv) perancangan bakat.

Bagi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pula, kementerian telah menerbitkan Rangka Kerja TVET 4.0 sebagai garis panduan kepada institusi TVET di bawah seliaan kementerian termasuk politeknik dan kolej komuniti serta *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang terdiri daripada empat universiti awam iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang membekalkan tenaga kerja TVET yang berkemahiran tinggi, kreatif dan memenuhi keperluan industri. Rangka Kerja TVET 4.0 ini menggariskan enam teras yang meliputi:

- (i) transformasi sistem pendidikan;
- (ii) penghasilan graduan TVET berkualiti;
- (iii) pengayaan bakat didorong teknologi;
- (iv) memperkuuh kolaborasi industri dan komuniti;
- (v) pemantapan *governance* yang responsif dan mampan; serta
- (vi) membudayakan pendidikan gunaan dan inovasi.

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- (i) menambahkan baik program pengajian ke arah Revolusi Industri Keempat menerusi peningkatan penglibatan industri di dalam mekanisme penyampaian;

- (ii) memperbanyakkan program pengajian berbentuk *work base*, dengan izin, *work base learning*;
- (iii) meningkatkan pelaksanaan kursus-kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi mewujudkan komuniti pintar; dan
- (iv) membangunkan set kemahiran bakat yang berupaya memaksimumkan potensi sumber manusia sesuai dengan perubahan teknologi.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut mewujudkan, dengan izin, *4IR Competence Center* baharu serta menaik taraf *competence center* sedia ada di universiti awam selaras dengan elemen-elemen pemangkinan teknologi seperti *additive manufacturing, artificial intelligence, big data analytic, advance material, and cyber security*.

#### ■110

*4IR Competence Centre* ini berfungsi sebagai pusat kerjasama universiti-universiti dalam memastikan Malaysia bukan sahaja menjadi pengguna kepada teknologi baharu malah menjadi antara *creator ekonomi* baharu *4IR*, dengan izin.

Kementerian bersama-sama dengan Kementerian Sumber Manusia juga bertindak selaku penggerusi bersama dengan pihak industri dalam Jawatankuasa Kerja Permohonan Kemahiran dan Bakat di bawah Dasar Industry4WARD yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui TWGs kementerian melaksanakan program *Training of Trainers (ToT)* kepada pensyarah universiti awam, politeknik dan kolej komuniti untuk mempersiapkan mereka dengan teknologi *4IR* seiring dengan perkembangan terkini bagi melaksanakan pedagogi dan penilaian yang lebih efektif dan berkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, bila saya melihat kepada perkembangan pengajian tinggi pada hari ini, saya tertarik dengan satu penubuhan sekolah *coding- coding school* yang dilancarkan di Perancis dan mula memasuki pasaran di Malaysia dan turut dilancarkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia iaitu Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah tadi. Sekolah ini tidak ada *tuition fees*, tidak ada kelas, tidak ada guru dan yang paling penting tidak perlu mengikuti mata pelajaran umum seperti IPT biasa iaitu seperti subjek kenegaraan dan lain-lain.

Jadi soalan saya, apakah persediaan di peringkat pengajian tinggi sendiri untuk menghadapi perkembangan revolusi fakulti seperti ini? Sekarang ia memberi cabaran kepada fakulti teknologi maklumat, kemungkinan akan datang akan menghadapi cabaran pula adalah

fakulti bahasa, fakulti sastera dan fakulti pengajian Islam, contohnya. Apakah langkah-langkah efektif menghadapi suasana prasarana IPT seperti ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada dua aspek yang disediakan oleh pihak kementerian. Satu, berkenaan dengan kesediaan infrastruktur di institusi-institusi sendiri. Keduanya ialah berkenaan kesediaan pensyarah itu sendiri.

Berkenaan dengan kesediaan institusi pendidikan, KPT sedang melaksanakan kajian kesediaan institusi pendidikan dalam mendepani Revolusi Perindustrian 4.0 ini bagi menilai tahap kesediaan institusi pendidikan dari segi infrastruktur, kurikulum, kemahiran tenaga pengajar dan ekosistem. Hasil dapatan kajian akan menentukan kedudukan institusi dan tindakan susulan yang wajar diambil bagi memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang meliputi serta menggunakan teknologi di bawah 4IR ini dapat disampaikan dengan jayanya.

Kajian ini merupakan inisiatif awal di bawah Pelan Tindakan IR 4.0 KPT yang akan menggariskan inisiatif dan juga program dan tindakan dalam memastikan penerapan elemen 4IR merentas KPT dan agensi serta institusi pendidikan tinggi dapat dilaksanakan melalui perancangan yang lebih teliti lagi.

Manakala kesediaan tenaga pengajar pula, kementerian sentiasa melaksanakan program *Training of Trainers* (ToT) kepada pensyarah universiti awam, politeknik dan juga kolej komuniti untuk mempersiapkan mereka dengan teknologi 4IR seiring dengan perkembangan terkini bagi melaksanakan pedagogi dan penilaian yang lebih efektif dan berkesan.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon pengesahan, boleh? Daripada soalan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa spesifik elemen yang hendak ditegur itu?

**Puan Asmak binti Husin:** Apa yang saya bangkitkan tadi, kewujudan fakulti tanpa guru, tanpa kelas, tanpa *tuition fees* sekarang dan tanpa perlu mengikuti mata pelajaran umum. Jadi bagaimana kita hendak menghadapi suasana yang ini yang lebih menarik minat pelajar. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya sebutkan tadi. Soalan ini agak spesifik tetapi untuk menjawab soalan itu, itu yang kita katakan yang KPT mengambil tindakan dan dua langkah ini. Satu, kesediaan infrastruktur- jadi mengambil kira apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Apa-apa sahaja keperluan infrastruktur yang berkaitan dengan apa yang dibangkitkan tadi akan dipertimbangkan.

Keduanya ialah kesediaan tenaga-tenaga pengajar itu sendiri. Itu yang sedang dilaksanakan dan sedang dirancang oleh pihak kementerian bagi berdepan dengan perkembangan industri yang sentiasa berubah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**14. Tuan Manolan bin Mohamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, untuk memohon peruntukan khas kepada masyarakat Orang Asli yang telah diberhentikan kerja dan hilang punca pendapatan disebabkan pandemik COVID-19 seperti yang telah dilaksanakan oleh Australia dan Amerika.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator sebanyak RM20.9 juta peruntukan melibatkan seramai 391,357 orang penerima yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli bagi bantuan kepada masyarakat Orang Asli yang terjejas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan pandemik COVID-19.

Pihak kementerian menerusi JAKOA telah melaksanakan bantuan sepanjang tempoh PKP yang merangkumi tiga fasa, mulai bulan Mac hingga Mei 2020. Bantuan ini melibatkan penyaluran bantuan asas bakul makanan dan sabun antibakteria bagi setiap keluarga, susu tepung kepada anak-anak Orang Asli serta pelitup muka dan cecair sanitasi kepada Tok Batin dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli yang terlibat dengan pengagihan bantuan bagi mencegah penularan COVID-19.

Bagi memastikan pelan pemulihan pasca pandemik COVID-19 dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli terjamin, sebanyak RM2 juta diperuntukkan oleh JAKOA kepada usahawan Orang Asli pada tahun 2020. Peruntukan ini digunakan untuk pemberian geran bantuan kepada usahawan Orang Asli dan koperasi Orang Asli dari segi peralatan, premis dan program.

Tambahan kepada itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar turut membantu JAKOA dalam pelaksanaan program-program usahawan termasuk usahawan Orang Asli pasca COVID-19. Di antara program pasca COVID-19 yang dilaksanakan oleh KPLB adalah seperti Program Desa Mall di mana produk-produk usahawan Orang Asli akan dipasarkan dalam platform digital melalui bantuan kementerian atau jabatan. Selain itu, Program *Rural Business Outlet* (RBO) yang dilaksanakan oleh KPLB turut dipanjangkan kepada usahawan Orang Asli bagi memastikan manfaat program turut dinikmati oleh usahawan Orang Asli. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya mahu pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan peruntukan RM20.9 juta tadi. Penerima ada 390 ribu orang,

sedangkan penduduk Orang Asli sekitar dalam 280 ribu orang. Jadi saya hendak tahu bagaimana orang itu lebih ramai daripada jumlah- penerima lebih ramai daripada jumlah populasi Orang Asli.

Soalan saya seterusnya adalah berkenaan dengan apakah dana ataupun sumbangan bantuan yang boleh diberikan kepada Orang Asli? Apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri disebut tadi adalah kepada usahawan dan koperasi Orang Asli. Akan tetapi soalan saya di sini lebih tertumpu kepada yang telah dibuang kerja dan yang tidak bekerja. Kebanyakan- ramai Orang Asli ini yang bekerja hanya mendapat upah harian, bayaran harian. Akan tetapi mereka diberhentikan kerja dan mereka bekerja biasanya bukan *direct* daripada syarikat tersebut tetapi mereka bekerja daripada *company* yang mengambil upah daripada syarikat tersebut. Jadi mereka tidak ada EPF dan sebagainya. Mereka- ramai yang mengambil upah seperti bekerja *housekeeping* di hotel, *cleaner* dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat?

■1120

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Jadi, soalan saya, bagaimana pihak kementerian untuk mengenal pasti masyarakat Orang Asli ini yang diberhentikan kerja dan bagaimana untuk mereka ditempatkan di syarikat-syarikat yang berpadanan dengan kemahiran mereka? Sekian, terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Bagi pihak kementerian KPLB dan agensi di bawahnya seperti JAKOA, memang pun kita dalam keadaan sekarang ini ingin membantu pihak-pihak yang terkesan dengan COVID ini dengan pelbagai usaha khususnya bagi mereka yang diberhentikan kerja ini. Apa yang pihak KPLB dan JAKOA ingin lakukan iaitu untuk memberikan kursus dan latihan kepada golongan ini supaya apabila mendapat kursus dan latihan, mereka bolehlah mencari kerja di mana-mana.

Tidak semestinya pihak KPLB yang mencari ataupun secara *direct* membantu mereka ini. Dengan adanya kursus dan latihan ini, mereka boleh mencari kerja di mana-mana selain daripada mendapat bantuan seperti apa yang saya sebutkan tadi bantuan dari segi keusahawanan dan lain-lain.

Di bawah kementerian juga, agensi yang mempunyai program-program yang dapat membantu khususnya masyarakat Orang Asli adalah seperti MARA, INFRA dan banyak lagi ya. Saya rasa ini akan kita lakukan. Baik, terima kasih.

**15. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, sejauh mana peniaga kecil terjejas akibat daripada COVID-19 khususnya di Johor Baharu setelah sempadan di antara Malaysia-Singapura ditutup bermula 18 Mac 2020 sehingga dibuka semula pada bulan Jun 2020.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam. Nasib baik ada soalan lagi satu. Kalau tidak, saya memang tidak berkesempatan untuk bangun pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan sejak daripada bulan Mac sampai Jun 2020, sememangnya peniaga kecil di seluruh negara terkesan dan juga menghadapi masalah dari segi operasi perniagaan mereka. Disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 ini juga telah pun memberikan limitasi dalam mereka membuat operasi perniagaan yang dijalankan. Oleh yang demikian, peniaga-peniaga kecil berhadapan dengan penurunan dari segi jualan dan juga operasi perniagaan mereka. Maksudnya daripada jualan harian mereka juga turut terjejas.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat juga, bagaimana mereka terpaksa berhadapan dengan SOP yang baharu dalam norma yang baharu dalam mereka menyedia ataupun membuat operasi perniagaan mereka, maka sedikit sebanyak juga telah pun memberi kesan dalam mereka menyediakan keperluan bagi mengikuti norma baharu perniagaan tersebut. Sudah pasti peniaga kecil di Johor termasuklah di Johor Bahru juga turut terjejas akibat pandemik ini.

Berdasarkan semakan kementerian dengan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, rata-rata operasi perniagaan peniaga di negeri Johor juga terjejas kerana mereka perlu untuk menutup operasi perniagaan pada peringkat awal PKP dan seterusnya mematuhi garis panduan PKPB. Walau bagaimanapun, operasi perniagaan yang dibuka semula pada tempoh PKPB ini sedikit sebanyak telah membantu peniaga kecil ini untuk menjalankan perniagaan mereka.

Pihak Kerajaan Negeri Johor juga melalui Perbadanan Usahawan Johor telah mengadakan tinjauan tempoh PKPB dan telah menerima maklum balas. Daripada 98,150 tinjauan dibuat terhadap 642 responden mendapat 29.5 responden menyatakan bahawa kesan COVID menyebabkan jumlah pelanggan mereka kurang. Seterusnya, 36.8 peratus responden menyatakan bahawa jumlah jualan mereka menurun akibat COVID. Sebanyak 20.2 peratus memaklumkan bahawa operasi perniagaan mereka terganggu dan 6.1 peratus menyatakan rantaian sumber bahan mentah juga terganggu dan akhirnya, 1.5 peratus menyatakan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan logistik terhenti.

Jadi, kementerian merakamkan penghargaan terhadap Kerajaan Negeri Johor di atas inisiatif kajian yang dibuat. Kementerian berharap dengan kajian yang dilaksanakan dapat

membantu pihak kementerian dalam merangka perancangan yang lebih teliti untuk kita mengharungi krisis COVID yang masih lagi melanda negara kita. Pihak kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membela golongan peniaga kecil ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya. Adakah kerajaan memberi bantuan khas kepada mereka yang terjejas akibat daripada COVID-19 serta apakah bentuk bantuan yang diberikan? Sekian.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kita telah pun membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang lebih kurang mempunyai 29 jangka pendek dan juga sederhana di bawah enam strategi yang mana untuk kita sama-sama meningkatkan keyakinan rakyat.

Kedua, memperkasakan keupayaan dan juga kapasiti, meningkatkan akses dan juga bantuan pembiayaan bersama kita meningkatkan lagi penggunaan teknologi. Sebab, masa COVID itu yang banyak daripada yang *offline* dia terus kepada atas talian, banyak meningkatkan di atas talian. Kita memperluaskan lagi pasaran. Dan strategi yang keenam, menyampaikan perkhidmatan secara berkesan.

Manakala di bawah kementerian melalui agensi-agensi, kita telah pun memberi pembiayaan sebagaimana di bawah TEKUN Nasional, kita ada bentuk *TEKUN Business Recovery Scheme* (TBRS) yang baharu, sebelum ini CBRM. Di bawah TEKUN Nasional juga kita mengenakan *interest* kosong peratus yang maksimumnya terhadap peniaga RM10 ribu tanpa sebarang *interest* yang mana ini adalah sebahagian untuk membantu.

Selain daripada itu juga, melalui bantuan PENJANA, ada sebanyak tambahan kepada TEKUN Nasional juga terutama penjaja kecil banyak mendapat bantuan daripada ini. Hanya 3.5 peratus dikenakan, maksimum kepada RM10 ribu juga di bawah TEKUN Nasional untuk membantu selain daripada Geran Khas Prihatin sebanyak RM3,000 yang kerajaan umumkan kepada pengusaha PKS mikro, pengusaha pasar malam, penjaja dan sebagainya yang telah memanfaatkan lebih kurang 700 ribu PKS mikro dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2.1 bilion termasuklah Subsidi Upah selama tiga bulan kepada pekerja tempatan. Selain daripada memansuhkan kadar dua peratus kepada kosong peratus untuk skim kredit mikro berjumlah RM500 juta di bawah Bank Simpanan Nasional. Sekian, terima kasih.

**[Soalan No. 16 – YB. Dato' Haji Husain bin Awang tidak hadir]**

**17.** **Tuan Liew Chin Tong** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah pihak kementerian akan menggunakan Harga Rujukan Eksternal (ERP) dalam memastikan harga ubatan setimpal dan tidak melebihi tanda aras negara-negara tertentu. Sejauh manakah Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan KPDNHEP untuk menentukan paras harga siling bekalan ubat-ubatan untuk meringankan beban rakyat.

**Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah bekerjasama sejak tahun 2018 melibatkan pemberian kuasa kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melaksanakan kawalan harga ubat di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Mekanisme harga yang dicadangkan sesuai dilaksanakan di Malaysia dalam meringankan beban rakyat adalah penetapan harga siling pada dua peringkat iaitu peringkat harga borong dan harga runcit.

Penetapan harga borong siling dibuat berdasarkan perbandingan Harga Rujukan Eksternal (ERP) iaitu perbandingan harga dengan negara-negara Komanwel, negara serantau dan negara yang mempunyai keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang hampir sama digunakan sebagai tanda aras dan rundingan. Ia bagi memastikan harga ubat di Malaysia adalah setaraf dengan negara-negara berpendapatan menengah atas- *upper middle income country*, dengan izin, yang lain dan tidak melebihi harga ubat di negara-negara berpendapatan tinggi- *high income country*.

Seterusnya, penetapan harga runcit siling yang ditentukan berdasarkan aras tokokan secara regresif- *regressive mark up*, mengikut harga borong siling. Terima kasih.

■1130

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah usaha KKM dalam melaksanakan ketelusan harga ubat bagi memastikan pengguna mendapat harga berpatutan termasuk ketelusan mengenai kos kajian dan penyelidikan R&D seperti yang dicadangkan oleh *72nd World Health Assembly* (WHA) pada bulan Jun 2019 serta pelan strategik kerajaan membendung isu kenaikan harga ubatan. Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian Kesihatan memang mengawal dan memastikan harga perolehan ubat adalah rendah untuk sektor awam menerusi prosedur, garis panduan dan arahan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu perolehan secara tender terbuka, konsesi, sebut harga dan pembelian terus.

Kita juga melaksanakan perolehan secara pukal, kita membeli *in bulk* bagi ubat-ubat di antara untuk hospital-hospital kita dan lebih-lebih lagi untuk hospital universiti, hospital tentera

dan juga Kementerian Pertahanan Malaysia. Harga-harga ubat ini adalah berpandu kepada harga panduan pengguna di mana ianya tertera di dalam sesawang ataupun portal perubatan perkhidmatan farmasi yang kita dapat di portal-portal farmasi Kementerian Kesihatan yang boleh didapati di Internet.

Mekanisme untuk pendaftaran ubat ini memang ketat di Kementerian Kesihatan dan kita mempunyai bahagian *regulatory pharmacy*. Semua ini adalah untuk menjaga ataupun menetapkan harga ubat-ubatan ini untuk kegunaan rakyat kita khususnya kepada mereka yang kurang berpendapatan, B40. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sesi soal jawab berakhir, setiausaha.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sesi soal jawab berakhir.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan usul pada pagi ini, izinkan saya untuk bercakap sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Pertamanya ini adalah kali pertama saya hadir ke Dewan ini selepas saya mengemukakan usul untuk melantik Yang Berhormat Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua pada tarikh yang lepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rakamkan terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Bagi pihak kerajaan terutamanya saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Pihak kerajaan berasaskan bahawa Tuan Yang di-Pertua adalah seorang yang paling layak untuk mengendalikan Dewan yang mulia ini dengan pengalaman-pengalaman. Saya dapat buat kajian sedikit, Tuan Yang di-Pertua telah menjadi Wakil Rakyat sejak tahun 1978, sebagai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahun 1974.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tahun 1974 lagi? Ya, lebih awal lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah usang Yang Berhormat [Ketawa]

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya. Menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan tahun 1978 ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya, saya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Sehingga tahun 1982.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Menteri Kabinet bermula pada tahun 1982 sehingga terakhirnya tahun 2009 saya difahamkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahun 2013.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tahun 2013, Menteri Luar Negeri. Terima kasih, ini lebih advance daripada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Sebagaimana pepatah Melayu berkata, "Belut pulang ke lumpur, ikan pulang ke lubuk." Inilah ibarat Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan juga merasakan Tuan Yang di-Pertua seorang yang arif dengan perkara yang dirundingkan, seorang yang rajin, ada PhD sejak tahun 1994 ya Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahun 1991.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tahun 1991? [Ketawa] Lagi advance. Kajian saya tidak begitu advance. Dengan satu tesis yang bertajuk, "*Freedom Under Executive Power in Malaysia: A Study of Executive Supremacy.*" Saya rasa lebih kurang begitulah lebih kurang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Benar Yang Berhormat, terima kasihlah sekutu itu ada.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Jadi pepatah Melayu kata, "Belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang." Itulah ibarat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak.

## USUL

### USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

#### PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M 70

11.35 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 70, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim (Pengerusi) [Yang di-Pertua Dewan Negara];
  - (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Haji Abd. Samad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara];
  - (iii) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Ahmad;
  - (iv) Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding;
  - (v) Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying
- Dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.”

Selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 72, Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilih memanggil orang hadir di hadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.

Demikianlah usul yang saya ingin kemukakan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diucapkan terima kasih, menyokong?

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]:** Saya menyokong usul yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ialah usul Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri biasanya tidak ada perbahasan tetapi kita mohon kalau sekiranya ada diberi peluang tersebut. Yang Berhormat Menteri, tak ada nampaknya. Sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Oleh kerana tidak ada perbahasan, maka tidak ada jawapan di pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana tidak ada jawapan apa yang dimukadimahkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi saya ambil ruang dan peluang sedikit untuk menzahirkan rasa terima kasih kepada beliau dan juga pihak-pihak yang telah pun secaraikhlas mengemukakan apa yang telah kita redai terima tempoh hari.

Lantaran kita di Dewan sebegini rupa, saya ingin merakamkan penghargaan oleh kerana Yang Berhormat Menteri datang sendiri untuk mengemukakan usul ini apatah lagi beliau sebagai pengendali antara kerajaan dengan Dewan yang mulia ini, kami di sini *insya-Allah* akan terus hargai dan menerima apa-apa pandangan dari Yang Berhormat Menteri agar urusan bina negara kita dapat diteruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 70 itu tadi hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Setiausaha.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2019) 2020**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.39 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukkan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2019 ini dibentangkan menurut Perkara 100, dan 101 Perlembagaan Persekutuan bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau diperuntukkan sepenuhnya dalam Bajet 2019 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2019 yang dibentangkan adalah berjumlah RM7,005.7 juta untuk membiayai perbelanjaan bekalan.

**■1140**

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2, rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM7,005.7 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Sebanyak RM1,071.8 juta adalah untuk pindahan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan Tahun 2019 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 – Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Berkunun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan [Akta 61] dan bukanlah perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada Kumpulan Kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2019 yang berjumlah RM54,173.2 juta. Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman.

Sebanyak RM778.6 juta adalah bagi merangkup semula jumlah yang didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangkaan tahun 2019 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 tahun 2020.

Sebanyak RM5,155.3 juta adalah merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian atau jabatan yang telah diberikan kebenaran berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang terlibat dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kewangan sebanyak RM3,628.8 juta;
- (ii) Kementerian Kesihatan sebanyak RM1,179.9 juta;
- (iii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM635.9 juta;
- (iv) Kementerian Pendidikan sebanyak RM623.7 juta;
- (v) Kementerian Pertahanan sebanyak RM362.9 juta;
- (vi) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM313.2 juta;
- (vii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM77.1 juta;
- (viii) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebanyak RM58.2 juta;
- (ix) Kementerian Industri Utama sebanyak RM40.3 juta;
- (x) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebanyak RM39.4 juta;
- (xi) Kementerian Kerja Raya sebanyak RM16.1 juta;
- (xii) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM15.6 juta;
- (xiii) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM13.9 juta; dan
- (xiv) Kementerian Pengangkutan sebanyak RM50.

***[Timbalan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan 2009 adalah seperti dalam Penyata Anggaran

Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1/2020, dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A/2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila, ada yang Yang Berhormat Menteri menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]:** Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Menyokong ya. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sila pembahas utama, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dipersilakan.

#### 11.42 pg.

**Datuk Razali bin Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang untuk berbahas Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (2019) 2020 di Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang hendak saya bahaskan ialah Butiran 10 – Perbendaharaan yang diperuntukkan sejumlah RM762,944,600. Di sini saya hendak menyentuh perkara Pembangunan Bandar Malaysia yang dilihat akan meningkatkan perniagaan di semua sektor kerana ia akan menjadi hab kepada syarikat tempatan dan antarabangsa. Soalnya sekarang ialah, apakah sebenarnya status terkini pembangunan yang dilaksanakan di Bandar Malaysia? Ini kerana, sebelum ini dikatakan telah di berhenti oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Jadi, setakat mana pula kebenaran yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang melihat aspek pelaburan dalam Bandar Malaysia ini memberi kesan berganda kepada ekonomi Malaysia? Umpamanya Bandar Malaysia ini dikatakan mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM140 bilion. Ia akan menjadi pembangunan terbesar seumpamanya di Malaysia dan bagaimana pula dengan penglibatan negara China? Jadi, kita perlu perincian berhubung dengan perkara berkenaan.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua yang hendak saya bangkitkan ialah maksud Butiran 15 – Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang melibatkan sejumlah wang sebanyak RM39,426,600.

Di sini, saya pernah membangkitkan persoalan dan pertanyaan di sesi soalan lisan sebelum ini. Secara prinsipnya saya menyokong apa jua kepentingan Melayu bumiputera yang bukan sahaja membantu sosioekonomi bumiputera malah peningkatan kemakmuran bumiputera akan turut sama dinikmati oleh kaum-kaum lain dalam kepelbagaian sektor ekonomi termasuklah soal kepenggunaan pembelian dan juga penjualan.

Namun, masih lagi ada beberapa kemesyikan yang memperlihatkan ada kelompongan besar dalam kalangan bumiputera sedangkan Dasar Ekonomi Baru dahulu bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi termasuk soal pendapatan, pendidikan, penguasaan perniagaan dan juga ekuiti serta pelaburan. Jadi, saya hendak bertanya, apakah sebenarnya peranan TERAJU yang saya fikir tidak melaksanakan sepenuhnya tanggungjawab dan tidak dapat mengenal pasti komuniti ekonomi bumiputera.

Sebaliknya, apatah lagi pendedahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berhubung pemilikan ekuiti Bumiputera ketika ini berada pada tahap sebanyak 16 peratus, jumlah yang semakin merosot. TERAJU telah ditubuhkan pada 2011. Apakah yang mereka laksanakan dalam tempoh sebanyak sembilan tahun kebelakangan ini? Saya fikir perlu ada pemutihan. Pohon penjelasan terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga di bawah Butiran 42 – Kementerian Kesihatan yang diperuntukkan sebanyak RM1,179,976.200 yang mana kita masih melihat Kementerian Kesihatan terus menerus bertungkus-lumus menjadi *frontliner*, dengan izin, mendepani COVID-19. Saya melihat kadar kes COVID-19 masih berterusan dan telah pun melepas kes kumulatif lebih sebanyak 10 ribu kes. Kes yang sedang dirawat kira-kira sebanyak 674 berdasarkan 17 September, laporan tahun 2020 yang lalu.

Persoalan saya ialah, setakat mana saringan yang telah dilaksanakan setakat ini? Apakah pintu masuk negara telah dibuka kepada rakyat asing? Saya melihat kes-kes import yang juga agak tinggi yang datangnya daripada India, Pakistan, Bangladesh, Indonesia dan sebagainya. Ini agak membimbangkan kita kerana ia boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dalam kalangan rakyat kita sendiri. Jadi, saya perlukan penjelasan dalam hal sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir, perkara yang keempat sekali lagi di bawah Butiran 43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya hendak bertanya mengenai dasar kerajaan yang membina 1 juta rumah mampu milik yang bukan setakat kepada golongan B40, tetapi juga golongan M40 dan belia. Saya melihat harga rumah masih terlalu mahal.

Soalan saya, apakah kawalan harga itu dipantau secara teliti oleh kerajaan. Seperkara lagi, saya melihat bagi meningkatkan kualiti perumahan negara, kerajaan perlu menentukan maksud mencukupi dan sesuai dalam masyarakat Malaysia. Apakah sebenarnya yang mencukupi dan sesuai bagi rakyat Malaysia untuk memiliki kediaman tersebut. Saya juga hendak tahu setakat mana sebenarnya keupayaan kerajaan tempatan untuk menganggarkan dengan tepat jenis perumahan yang diperlukan oleh penduduk tempatan dan adakah jurang data sedia ada dapat membantu ke arah itu.

Satu lagi persoalan besar adalah jurang antara harga dengan kos pembinaan yang memerlukan penjelasan dari pihak kerajaan. Data daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan menunjukkan bahawa harga rumah di Malaysia telah meningkat hampir dua kali ganda sejak tahun 2018. Manakala, kos pembinaan seperti buruh, bahan dan mesin serta kelengkapan meningkat sedikit sahaja dalam tempoh yang sama.

Peningkatan harga dan kos ini tidak seimbang menunjukkan terdapatnya peningkatan sama ada dalam margin keuntungan dengan izin harga tanah atau kos kawal selia. Sejauh manakah kebenaran itu kerana kalau kita lihat sekarang harga rumah melampau-lampau tetapi kualitinya tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, adakah perumahan-perumahan yang dibina oleh kerajaan di bawah kawal selia dan pemantauan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara dan disokong dengan penggunaan teknologi dan kaedah-kaedah baru seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), *Building Information Modeling* (BIM), dan juga *big data*. Ini pohon penjelasan daripada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang bercakap lebih kurang 12 minit. Padat dan bagus. Minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bercakap kalau boleh 10 minit tiap-tiap seorang ahli sebab ramai yang hendak bercakap. Minta kerjasama Ahli Parlimen Senator kita dapat beri masa 10 minit dan berapa ramai yang hendak bercakap. Terima kasih banyak.

Kedua ialah Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong. Dipersilakan.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan sentuh dua butiran. Butiran 4 berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya dan juga Butiran 60 Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 yang menurunkan had umur pengundi dari umur 21 tahun kepada 18 tahun dan ini telah dilaksanakan dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019. Pindaan ini penting dan ada kesan kepada pilihan raya yang akan datang.

Pertama sekali, saya rasa kerajaan tidak harus bubar Parlimen sebelum dilaksanakan undi 18 bersama dengan pendaftaran automatik. Ini saya rasa adalah satu asas kerana mereka telah terjamin di bawah pindaan Perlembagaan pada tahun 2019. Maka, mereka yang telah diberikan peluang untuk mengundi oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara harus diberikan peluang untuk undi dalam pilihan raya yang akan datang.

Poin kedua ialah bahawa kerana pindaan telah dibuat, saya cadang walaupun pendaftaran automatik belum boleh dilaksanakan dan kita dimaklumkan bahawa pendaftaran automatik hanya boleh disempurnakan pada bulan Julai 2021. Saya cadang kerajaan supaya pendaftaran pengundi dibuka kepada semua yang melebihi umur 18 iaitu sekarang ini sebenarnya mereka yang melebihi umur 18 telah diberikan hak untuk mengundi di bawah Perlembagaan.

Maka, walaupun belum dilaksanakan pendaftaran automatik, tetapi mereka yang melebihi umur 18 harus diberi peluang untuk mendaftar kerana sekarang ini masih pendaftaran melebihi umur 21. So, ini saya rasa saya harap kerajaan menghormati keputusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada bulan Julai 2019 dan juga menghormati keputusan ataupun pindaan Perlembagaan yang kita buat di sini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pertahanan. Walaupun peruntukan ini dibuat pada 2019 dan saya masa itu saya bersama dengan mantan Menteri Pertahanan adalah Menteri dan Timbalan di kementerian. Saya rasa saya hendak bangkit isu ini ialah dari segi strategik dari segi jangka panjang. Kita mengalami masalah. Saya bicarakan isu ini secara *bipartisan*. Apabila berkenaan dengan isu pertahanan, saya rasa kita perlukan sikap dan kerangka politik yang *bipartisan* tidak kira parti. Itu juga sikap bila kami di Kementerian Pertahanan, kami bentangkan Kertas Putih Pertahanan atas semangat *bipartisan*.

Satu isu jangka panjang untuk Kementerian Pertahanan ialah kita perlukan Pelan Pembangunan Keupayaan Bersepadu atau *Joint Capability Plan*. Ini adalah sangat penting untuk tempoh masa yang akan datang kerana kita tidak boleh hanya menumpukan satu bidang sahaja

ataupun satu perkhidmatan. Kita perlukan *joiners* ataupun operasi bersepada yang lebih ketat dan juga kita perlukan *interoperable planning* dalam perkhidmatan kita. Dari segi penyelenggaraan, aset-aset kita, kita perlukan *economy of scale* supaya kita ada *planning* ataupun perancangan yang lebih baik.

Sekarang ini banyak aset sebenarnya tidak sehaluan. Perkara ini sememangnya merupakan perancangan Kementerian Pertahanan dahulu dan dalam Kertas Putih Pertahanan kita tekankan enam teras iaitu:

- (i) Peningkatan Kesiagaan dan Keupayaan Pertahanan;
- (ii) Pengukuhan Kapasiti Pertahanan yang Kompeten;
- (iii) Pelestarian Kesejahteraan Warga dan Veteran ATM;
- (iv) Pengukuhan Kerjasama Awam Tentera. *Civil Military Cooperation (CIMIC)*;
- (v) Pembangunan Sains Teknologi dan Industri Pertahanan; dan
- (vi) Pengukuhan Kerjasama Antarabangsa.

Keenam-enam teras ini akan dilaksanakan berdasarkan beberapa prinsip rentas isu iaitu perubahan berdasarkan impak misi, penekanan kepada integriti, dan *good governance*, menjadi pemangkin untuk perubahan dan inovasi, penggunaan kaedah berdasarkan data dan juga mengamalkan pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat. Kita perlukan sikap *whole of government*, dan *whole of society* untuk melaksanakan isu-isu dan pelan strategik pertahanan.

Saya rasa ini adalah kerangka yang penting dan saya baru baca pandangan ataupun penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Datuk Ismail Sabri berkenaan dengan isu Sabah, isu keupayaan pertahanan di Sabah. Cadangan baru-baru ini oleh kerajaan untuk menubuhkan beberapa unit seperti berikut. Satu Briged Sempadan di Sabah, tiga Batalion Infantri di Sabah, satu Rejimen Armor, tiga Rejimen Artilleri dan satu Skuadron Pasukan Unit Tentera Darat dan juga unit-unit tersebut akan ditempatkan di sekitar lapan kem baharu yang turut akan ditubuhkan.

## ■1200

Ini cadangan yang baik untuk mengukuhkan pertahanan di Sabah. Akan tetapi, ini hanyalah perancangan darat. Apa yang diperlukan di Sabah, selain daripada perancangan darat adalah perancangan secara keseluruhan, *joiness* dan juga mengambil kira bahawa Sabah adalah kawasan maritim dan cabaran di Sabah ialah cabaran maritim. Bukan saja cabaran di darat. Walaupun pentingnya kita mengukuhkan pelan strategi di Sabah secara dari segi darat, tetapi darat tidak boleh selesaikan semua masalah dan masalah di Sabah ialah kita perlukan secara keseluruhan kerana *coastline* Sabah sepanjang 1,700 kilometer. Sini ke Bukit Kayu Hitam 800 kilometer, 900 kilometer dari Johor Bharu ke Bukit Kayu Hitam.

Akan tetapi *coastline* di Sabah sepanjang 1,700 kilometer dan ini sebenarnya saya rasa kerajaan perlukan pemikiran secara keseluruhan dan bukan saja ada pelan darat saja untuk Sabah dan saya belum dapat kesan bahawa kerajaan ataupun Kementerian Pertahanan ataupun Menteri Kanan dari segi *security* ataupun keselamatan ada pelan strategik untuk Sabah yang secara menyeluruh dan saya harap kementerian boleh jawab dan berikan hala tuju berkenaan dengan keselamatan Sabah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong. Masa tepat, terima kasih.

Dan sekarang, nombor tiga pula saya minta Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Dipersilakan.

#### **12.02 tgh.**

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya cuma hendak ambil empat kementerian sahaja yang saya hendak sentuh. Iaitu pertama sekali iaitu Kementerian Kesihatan di mana kerajaan telah memberi peruntukan tambahan sebanyak RM1.17 bilion. Buat masa sekarang, Kementerian Kesihatan ini merupakan pemain penting barisan hadapan yang mempunyai kakitangan seramai 78,266 orang petugas untuk kesihatan awam berbanding 153,412 orang yang bertugas untuk perubatan. Baru-baru ini Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) telah menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia supaya mengkaji secara terperinci sistem syif baharu di semua klinik kerajaan sebelum melaksanakannya.

Hal ini kerana klinik kerajaan yang kini dibuka dari jam 8 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat terlampaui sesak sehingga kekurangan petugas khususnya semasa waktu puncak. Jadi saya mohon pihak kerajaan untuk mengkaji semula sistem syif yang akan dilaksanakan kelak. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah jumlah petugas di seluruh klinik dan juga hospital kerajaan pada waktu ini mencukupi? Jika tidak, apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi mengatasi kekurangan bekalan darah di negara ini? Hal ini kerana pada bulan Jun 2020, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah telah menyatakan bahawa jumlah darah di Pusat Darah Negara masih mencukupi. Namun, bekalan perlu dipastikan sentiasa ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap sikit berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi sebab saya tengok tidak ada peruntukan tambahan. Cuma, saya hendak bertanya berkenaan dengan penangguhan bayaran balik untuk para peminjam PTPTN yang berkuat kuasa mulai 19 Mac 2020 hingga Disember 2020 seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pada Ogos 2020 yang lalu.

Saya amat menyokong inisiatif ini dan saya mengalu-alukan inisiatif ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, persediaan yang mencukupi dan perancangan yang teliti adalah amat diperlukan untuk memastikan kedudukan kewangan PTPTN dan juga bakal peminjam baru tidak akan terjejas pada masa akan datang.

Secara purata PTPTN perlu menyediakan dana sebanyak RM3.7 bilion hingga RM4.3 bilion setahun untuk membiayai pinjaman kepada seramai 180 ribu orang peminjam baharu setiap tahun dan juga seramai 420 ribu orang peminjam sedia ada. Sasaran kutipan setahun untuk PTPTN adalah sebanyak RM2 bilion setahun ataupun bersamaan dengan RM167 juta sebulan.

Jadi, saya ingin tahu berapakah kutipan sekiranya ada setakat ini? Oleh sebab penangguhan selama 10 bulan ini, bermakna PTPTN hilanglah kutipan sebanyak RM1.7 bilion. Untuk makluman semua, pinjaman ataupun Sukuk daripada institusi kewangan merupakan sumber kewangan utama bagi PTPTN. Pinjaman dari institusi kewangan setakat tahun 2019 adalah sebanyak RM54.2 bilion dan bayaran kepada institusi kewangan hanyalah RM16.9 bilion.

Sejak tahun 2003, tiap-tiap tahun PTPTN perlulah mengumpul dana melalui pinjaman ataupun Sukuk. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah berapakah bayaran yang perlu dibuat oleh PTPTN kepada institusi kewangan pada tahun 2020, 2021 dan juga tahun 2022?

Selain daripada itu adakah kerajaan akan membuat pinjaman baharu kepada institusi kewangan memandangkan bahawa kita sekarang telah menangguhkan bayaran balik daripada peminjam-peminjam PTPTN. Berapakah anggaran pinjaman perlu dibuat untuk PTPTN pada tahun ini dan juga pada tahun 2021 dan 2022?

Saya hendak menyentuh sikit berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya melihat tidak ada peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan dalam Perbekalan Tambahan ini. Adakah kerana perbelanjaan KBS sudah mencukupi untuk tahun 2020 ataupun peruntukan yang diberikan dalam bajet 2020 tidak dapat dihabiskan oleh kementerian terbabit. Dalam isu Kementerian Belia dan Sukan ini, saya ingin menyentuh berhubung isu pengangguran yang sangat kritikal pada masa ini. Setiap tahun pada anggarannya graduan yang akan keluar daripada

universiti adalah sekitar 250 ribu hingga 300 ribu di mana mereka ini telah menghabiskan pengajian di semua peringkat sama ada di luar dan di dalam negara.

Dalam keadaan situasi peluang pekerjaan yang semakin berkurangan ini, ke manakah mereka ini akan dibawa atau ke manakah mereka ini akan pergi untuk meneruskan kehidupan mereka. Ini satu perkara yang perlu diperhatikan dengan serius oleh pihak kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya satu lagi isu yang terakhir berkenaan dengan isu-isu kepada Kementerian Pendidikan iaitu saya akan berbicara berkaitan isu kekurangan guru di seluruh negara. Setakat Januari 2020, Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia telah mengalami kekurangan guru sebanyak 5,800 orang dan juga sekolah rendah kekurangan guru setakat Januari 2020 adalah sebanyak 6,721 orang.

Di sini, saya ingin memohon kepada JPA supaya mengkaji semula dasar-dasar pengambilan guru di seluruh negara. Di sekolah, setiap guru ada tanggungjawab yang sangat spesifik. Seorang guru pada waktu ini mengajar sebanyak 30 sampailah 33 kelas dalam satu minggu. Jadi 30 hingga- sampailah 33 *period* dalam seminggu.

Jadi, kekurangan- walaupun seorang guru akan menjelaskan tanggungjawab guru dan juga akan membebankan mereka. Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan untuk mengkaji semula dasar ini untuk memastikan setiap sekolah sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah dapat guru yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya yakin peruntukan perbelanjaan tambahan bagi tahun ini. Saya berharap agar perkara-perkara yang dirancang oleh pihak Kerajaan Perikatan Nasional dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Terima kasih banyak telah berucap dengan padat dan baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, dipersilakan.

■1210

**12.10 tgh.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Waalaikumsalam.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** [Membaca sepotong doa]

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu selesa apabila rang undang-undang ini dibentangkan kerana saya berpendapat walaupun ia dibenarkan oleh Perlembagaan tetapi saya

lihat kementerian-kementerian telah melanggar beberapa peraturan seperti yang digariskan di dalam Akta 61, *Financial Procedure Act 1957*.

Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, siapakah harus dipertanggungjawabkan apabila kementerian-kementerian berbelanja lebih daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2019?

Oleh kerana berbelanja melebihi peruntukan adalah merupakan satu kesalahan, ia boleh dipertanggungjawabkan kepada kementerian sama ada Menteri ataupun *controlling officer* sebagaimana ditulis dalam Akta 61. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan Kementerian Kewangan supaya lebih serius dalam mengawal peruntukan negara khususnya kepada kementerian-kementerian yang begitu mudah berbelanja lebih daripada peruntukan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Bajet 2019.

Dalam hal ini saya ingin menjemput agar Kementerian Kewangan supaya merujuk kepada akta *Financial Procedure Act 1957* berhubung dengan *controlling officer*. Oleh kerana akta ini memang di dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan sahaja dalam bahasa Inggeris, “*Controlling officers. The Minister or the Menteri Besar or Chief Minister as the case may be, may appoint, in respect of each purpose of expenditure provided for any financial year in the estimates, a controlling officer to control...*” dan seterusnya.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, menjadi tanda tanya kepada saya dalam akta ini tidak mendefinisikan siapakah *controlling officer* ini. Jika Menteri tidak melantik *controlling officer* dalam hal ini, saya beranggapan Menteri kementerian tersebut bertanggungjawab atas perbelanjaan melebihi peruntukan yang berlaku pada tahun 2019. Perkara ini telah saya bangkitkan dua tiga kali, saya kata walaupun Perlembagaan meluluskan tetapi saya mohon supaya Kementerian Kewangan lebih serius dan mengambil tindakan kepada kementerian-kementerian yang kerap berbelanja melebihi peruntukan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Kementerian Pertahanan. Kementerian Pertahanan pada tahun 2019 telah diperuntukkan sebanyak RM10.27 bilion peruntukan mengurus dan RM3 bilion untuk peruntukan pembangunan. Dalam ini, saya ingin tahu apakah sebanyak RM362,962,900 telah dibelanjakan walaupun ini untuk peruntukan perbelanjaan mengurus sebagaimana yang dibentangkan oleh rang undang-undang ini.

Saya ingin mendapat maklumat berhubung peruntukan-peruntukan lain yang digunakan untuk pertama pembinaan LCS. Saya ingin mohon status terkini daripada kementerian berkenaan, peruntukan LCS dan status pembangunan *littoral combat ship* yang sedang dalam pembinaan yang memang menjadi topik hangat di dalam Dewan Rakyat tempoh hari dan juga saya bangkitkan di dalam Dewan Negara ini. Saya mohon maklumat terkini. Apakah status

ataupun jawapan kepada cadangan Persatuan Veteran TLDM berhubung pembinaan *littoral combat ship* ini?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya mohon status kedudukan pembinaan kenderaan AV8-8x8 *wheel vehicle* tentera darat yang dibina oleh *Defence Technologies*. Kerajaan memesan sebanyak 257 buah kenderaan ini dan saya ingin tahu status pembekalan kenderaan ini kepada Angkatan Tentera Darat khususnya. Bilakah pembekalan ini boleh diselesaikan?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga membangkitkan isu perolehan helikopter untuk Tentera Laut Diraja Malaysia. Apakah statusnya dan kalau boleh dimaklumkan bila akan diserahkan kepada TLDM?

Saya mohon kepada Kementerian Kewangan sekiranya ada permohonan baru untuk tahun ini apabila Tentera Udara Diraja Malaysia ataupun Tentera Laut Diraja Malaysia memohon peruntukan untuk penyewaan helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia oleh kerana ini untuk memenuhi Operasi Benteng (Ops Benteng) Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita tahu kita nak halang pembawa-pembawa virus Korona ini dan saya harap Kementerian Kewangan tidak teragak-agak untuk meluluskan oleh kerana TLDM menghadapi sedikit masalah helikopter kerana dua buah helikopter yang diperoleh di dalam urusan selenggaraan. Maka sebab itu perlu sewaan.

Kepada Tentera Udara Diraja Malaysia, mereka memerlukan pesawat untuk latihan. Untuk melayakkan seorang warga TUDM menjadi pilot yang berwibawa, maka memerlukan penyewaan pesawat untuk latihan. Maka dengan usaha-usaha itu kita harap kedudukan negara akan lebih baik. Saya mohon sekali lagi kepada Kementerian Kewangan supaya lebih tegas dalam urusan kewangan khususnya ke atas kementerian yang kerap berbelanja lebih dari peruntukan.

Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan lebih yang dilakukan dalam tahun 2019 dibentangkan tahun 2019 dan diluluskan dan seterusnya perbelanjaan boleh dilakukan. Sekian daripada saya Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid. Terima kasih ya, itu ucapan yang padat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, dipersilakan.

**12.18 tgh.**

**Dr. Yaakob bin Sapari:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang ini.

Saya melihat trend belanja mengurus negara ini terus meningkat. Saya pernah bacakan statistik ini dalam ucapan yang lepas. Kalau dibandingkan daripada 2010 sampai 2020, peningkatannya sekitar 40 peratus. Tahun 2010, RM138.279 bilion meningkat kepada RM259.850 bilion pada tahun 2019. Sepatutnya kerajaan hendaklah cuba untuk mengurangkan belanja mengurus dengan menjadikan kerajaan lebih efisien dengan memodenkan pengurusannya. Akan tetapi hari ini kerajaan minta dalam Dewan ini untuk meningkatkan belanja mengurus.

Saya dapati ada sebahagian perbelanjaan yang saya rasa tidak perlu. Contohnya menambah bilangan Menteri, ada kementerian sampai dua timbalannya. Sudah pasti ini bagi saya satu pertambahan yang tidak perlu, patutnya kerajaan berusaha untuk mengurangkan kos belanja mengurus dan meningkatkan belanja pembangunan. Dalam keadaan ekonomi yang terjejas teruk kerana virus COVID-19 ini, sepatutnya kerajaan memfokuskan kepada belanja pembangunan berbanding meningkatkan belanja mengurus iaitu kecekapan kerajaan perlu ditingkatkan.

Ada soalan saya tanyakan fasal berapa peratus belanja pembangunan telah dibelanjakan setakat September ini sebab pada bulan Mac hingga Jun adalah kerana COVID, pasti tidak banyak tender-tender dikeluarkan. Sejauh mana telah dibelanjakan dan patutnya kerajaan akan menambah peruntukan untuk pembangunan bagi merangsang ekonomi.

## ■1220

Satu perkara saya hendak bangkitkan ialah jalan yang menuju ke Pelabuhan Klang yang sangat sesak, tiap-tiap hari dengan treler, kereta dan motor yang jumlah *accident* meningkat, jalan itu rosak teruk. Cari peruntukan pembangunan untuk jalan-jalan JKR ini yang di bawah pelabuhan itu tidak ada di sini dan banyak kali dibangkitkan supaya ada peruntukan khas untuk meningkatkan tahap jalan-jalan di kawasan Pelabuhan Klang.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang dibangkitkan dalam kempen di Sabah ialah kerana ketidakseimbangan di antara pembangunan di Sabah dengan Semenanjung. Ramai pimpinan-pimpinan di Sabah membangkitkan kenapa pembangunan di Sabah dan juga di Semenanjung tidak seimbang seolah-olah ada macam satu ketidakadilan dalam pembangunan ini.

Oleh sebab itu Kementerian Pembangunan Luar Bandar saya lihatkan sepatutnya fokus untuk membangunkan supaya kawasan di Malaysia ini dibangunkan dengan sebaik-baiknya iaitu mempunyai infrastruktur jalan yang baik, bekalan air yang bersih yang mencukupi, kemudian seperti kemudahan Internet dan sebagainya. Akan tetapi, ini tidak seimbang. Ini menjadikan pimpinan-pimpinan di Sabah membangkitkan ketidakpuasan mereka soal pembangunan tidak seimbang, seolah-olah hasil Sabah telah dibawa ke Putrajaya dan tidak diberi secara adil kepada rakyat Sabah. Saya rasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepatutnya *pick up* isu-isu begini dan memastikan pembangunan lebih seimbang.

Saya melihat sendiri kawasan jelapang padi di Kota Belud antara kawasan jelapang padi terbesar di Sabah. Keluasannya hampir sama keluasan di Selangor tetapi hasilnya sangat rendah. Kalau di Selangor purata sampai ke lapan tan dan ada yang 10 tan tetapi di Kota Belud sekitar dua tan hingga tiga tan per hektar hasilnya. Apabila saya membuat semakan, saya dapat kemudahan sistem pengairannya sangat daif sekali.

Jadi kita kena berusaha untuk meningkatkan pendapatan hasil rakyat dengan meningkatkan pendapatan hasil mereka dengan memperbaiki sistem pengairan dan pengalirannya supaya lebih teratur. Peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang diminta ialah sejumlah RM313 juta ini, adakah peruntukan diberi untuk meningkatkan sistem perparitan, sistem pengairan di kawasan sawah.

Oleh sebab itu ramai mereka yang telah meninggalkan sawah-sawah ini menyebabkan sawah-sawah terbiar dan sebab itu penghasilan padi untuk negara menurun. Kalau jelapang ini dipertingkatkan, saya rasa sasaran kita untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi adalah agak boleh dipertingkatkan. Akan tetapi kawasan infrastrukturnya sangat rendah dan saya rasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sepatutnya *pick up* untuk meningkatkan kawasan jelapang padi di kawasan Kota Belud.

Saya tengok Kelantan pun teruk juga sebenarnya. Kalau Kelantan susun semula [Ketawa] Jadi di Kelantan juga banyak sawah yang terbiar. Saya pernah pergi Terengganu satu kawasan tiga ekar lebih, kawasan jelapang padi terbiar langsung sebab tidak ada sistem pengairannya yang teratur. Oleh sebab itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kena diberi peruntukan yang sewajarnya untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk memodenkan dan melengkapkan infrastruktur yang ada.

Satu perkara lagi ialah dalam bajet negara kita ini, selama 20 tahun kita mengamalkan bajet defisit. Maknanya negara berhutang sepanjang 20 tahun. Ini menjadikan hutang negara mencecah RM800 bilion lebih dan dijangka akan terus meningkat. Saya rasa untuk sebuah negara seperti di Malaysia ini, ini tidak sihat. Kita kena berusaha untuk mengurangkan defisit

negara ini supaya keadaan negara lebih stabil dan menaikkan rizab. Rizab ini digunakan ketika berlaku krisis ekonomi seperti hari ini.

Jadi saya rasa itulah daripada saya untuk kita lihat supaya bajet pembangunan patut dipertingkatkan berbanding bajet pengurusan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob Sapari. Terima kasih banyak.

Sekarang dipersilakan pula Yang Berhormat Senator SR. Mohd Apandi bin Mohamad, dipersilakan.

### **12.25 tgh.**

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator semua.

Bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, saya ingin merujuk kepada firman Allah SWT dalam Surah Al-Furqan, ayat 67 yang berbunyi... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Ayat 67, Surah Al-Furqan yang maksudnya berbunyi, “Di antara hamba-hamba Allah yang baik, yang bagus ialah mereka apabila mereka berbelanja mereka tidak terlalu boros dan tidak terlalu kikir. Mereka itu adalah pertengahan di antara kedua-duanya.”

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator semua, kita manusia, kita merancang sekadar kemampuan dan keupayaan kita. Kita tahu bahawa masa membentangkan bajet kita merancang untuk di tahun hadapan. Segala pendapatan itu adalah ramalan umpamanya, daripada yang di taklimat oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ekonomi. Untuk bajet pada tahun hadapan, dia meletakkan harga petroleum pada kadar USD73 setong. Walhal realitinya pada semasa ini harga minyak bahan api tersebut pada sekitar harga USD43.

Jadi di situ sudah melihatkan kelompongan kerana kita kena ingat Petronas paling minimum tiap-tiap tahun memberi kepada kerajaan tidak kurang daripada RM80 bilion. Sedangkan Petronas pada kali ini, pada satu tempoh yang lama telah membentangkan separuh penggal pendapatan, untung rugi dan ruginya di luar jangkaan RM21.6 bilion kali pertama. Bayangkanlah kita dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini, punca utama kita yang berbelanja dan memberi kepada bajet kerajaan tidak kurang daripada RM80 bilion, tiba-tiba mengalami kerugian.

Oleh sebab itu, kita faham kerajaan dalam apa juu keadaan mereka merancang, manusia tidak pernah tepat merancang. Hanya Allah SWT sahaja yang tepat dari segi merancang. Maka sudah tentu bajet-bajet tambahan ini merupakan satu lumrah bagi mana-mana kerajaan. Sehebat

mana kerajaan dunia ini, saya rasa saya tidak pernah terbaca lagilah mana-mana kerajaan dunia yang tidak meletakkan bajet tambahan sama ada satu kali atau dua kali.

Akan tetapi untuk mencerminkan sebuah kerajaan yang sihat dan hebat, janganlah penambahan itu, bajet tambahan itu berulang kali. Mungkin cukup satu kali sudah memadai. Akan tetapi kalau beberapa kali menampakkan kelemahan dan terlalu dangkal dari sudut ramalan pendapatan kerajaan.

Adapun perbelanjaan, banyak perbelanjaan yang sudah pasti perlu dibelanjakan umpamanya pengurusan yang saya kira kerajaan meletakkan pengurusan ini sekitar lebih kurang RM100 bilion dalam kos semua. Akan tetapi pembangunan, kalau kita tengok pembangunan dalam 10 tahun yang ke belakang ini mungkin Timbalan Menteri Kewangan boleh melihat pembangunan kita tidak meningkat.

Dalam masa saya rasa lima ke tujuh tahun ini sebanyak RM50 bilion tiap-tiap tahun, daripada dulu RM20 bilion. Sedangkan hasrat negara memerlukan lebih banyak untuk peruntukan pembangunan tapi pembangunan dalam tempoh tujuh tahun ini masih lagi mendatar sebanyak RM20 bilion, walaupun untuk pengurusan sentiasa dinaikkan kerana mungkin kenaikan gaji-gaji pegawai, dan untuk *repair maintenance*, dan sebagainya, dengan izin.

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua saya macam ini sahaja, saya senang sahaja. Negeri Kelantan satu tempoh yang lama, 30 tahun dipinggirkan. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri daripada Jeli beritahu dalam TV, dua malam sudah antara negeri-negeri yang paling miskin Sarawak, kemudian Sabah dan di Semenanjung Kelantan. Walaupun saya, dengan izin, agak *dispute*, saya *insya-Allah*, kalau dipanggil oleh TV, saya berani *dispute*, Kelantan duduk nombor berapa.

Apa *yardstick* yang ia pakai? Kita mesti tahu. Umpamanya di Kelantan Tuan Yang di-Pertua, dengan gaji pendapatan RM1,500 kita sudah boleh hidup dengan baik. Di Kuala Lumpur sebanyak RM3,000 tidak boleh duduk dengan baik lagi. Jadi *yardstick* yang sama rata bagi seluruh negara adalah *yardstick* yang para *academician*, dengan izin, sudah tidak pakai lagi.

## ■1230

Orang tidak pakai sudah lagi *yardstick* macam ini. *Yardstick*-nya mesti, dengan izin, *purchases per parity*. Tempat itu- misal di kampung saya, Jeli. Kalau kamu ada RM1,000 sebulan, rumah sudah ada, *insya-Allah*, saya rasa mencukupi walaupun tidak mewah. Di Kuala Lumpur, rumah sewa. Di Kelantan, nasi berlauk RM3, di KL RM6. Di Kelantan, rumah sewa RM250, di KL RM1,500. Itu satu perbandingan. Misal kata kalau kita kata di Jepun, pendapatan RM10 ribu lagi masih miskin. Oleh sebab itu, kerajaan mesti lebih ikhlas menceritakan tentang *yardstick* berdasarkan kepada *purchase per parity*.

Oleh sebab itu, saya bagi mewakili rakyat Kelantan dan juga Kerajaan Negeri Kelantan mengharapkan- kita orang Kelantan ini sikapnya sangat pemaaf, sangat bertimbang rasa dan sangat bijaksana orang Kelantan ini. Sebab itulah saya mewakili orang Kelantan memohon supaya 30 tahun yang dipinggirkan daripada tahun 1990 sehingga 2020, kita bukan hendak minta sekali gus gantian itu tetapi kalau boleh nisbahnya dibesarkan sedikit berbanding negeri-negeri lain yang mana akhirnya dalam tempoh 20 tahun boleh diselaraskan balik, dengan izin, *readjustment*. Barulah rakyat Kelantan melihat kesungguhan Kerajaan Perikatan Nasional prihatin kepada semua negeri khususnya negeri-negeri yang dikatakan tertinggal.

Walau bagaimanapun, kita kena mengakui realiti rakyat Kelantan, kerajinannya luar biasa, kecerdikannya pun luar biasa. Ini kerana kita mesti mengakui- sahabat saya Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah, dia boleh mengakui berapa peratus anak-anak Kelantan yang berada di universiti. Kalau kita pergi ke luar negara, umpamanya di Mesir, 22 peratus anak Kelantan walaupun mereka bukan kaya. Orang Kelantan ini walaupun mereka tidak kaya tetapi mereka sanggup menghantar anak-anak mereka belajar di luar negara seperti di Indonesia, Mesir. Itu semua satu realiti yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak dalam negara kita.

Oleh sebab itu, saya memohonlah jasa baik semua. Kalau tadi sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob Sapari kata orang Sabah kompelin tetapi Sabah kompelin, dia dapat setiap tahun duit royalti dia. Sarawak sangat *happy*. Saya pun tahniah kepada Sarawak. Bukan setakat dapat RM2 bilion pada awal pentadbiran Perikatan Nasional bahkan baru-baru ini dia dapat *sales tax*, kalau tidak silap saya, RM2.9 bilion. Kita bersyukur dan berterima kasih, *alhamdulillah*. Walaupun bukan negeri saya, sama-sama kita Malaysia.

Akan tetapi Kelantan ini, beritahu terus-teranglah dalam Dewan ini. Saya memang dalam sudut ekonomi Kelantan ini, saya jawatankuasa paling lama yang ada dalam negeri Kelantan sekarang. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pembangunan Negeri. Bahkan pembangunan tepi sungai itu, itu idea saya kerana kita hendak *create job*. Itu idea saya pembangunan di tepi sungai. Itu idea saya pada tahun 2000, dan menjadi realiti sekarang ini. Nilai pembangunan tersebut sudah bernilai berbilion-bilion.

Cuma saya hendak beritahu, umpamanya sekarang ini, Kelantan setahu saya setakat apa yang saya diberitahu oleh kerajaan negeri, baru dua kali menerima wang yang tidak dinamakan royalti tetapi dinamakan wang ihsan. Saya mohonlah kerajaan yang ada ini kita tarik baliklah perkataan ihsan. Nampak maruah orang yang menerima itu hina sangat. Fasal hak dia. Kerana benda ini telah disahkan oleh Menteri kanan sendiri dalam jawapan yang telah diberikan pada 30 Oktober 2019 semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020, dia mengakui bahawa Kelantan layak menerima royalti.

Akan tetapi apa yang berlaku semasa zaman Perdana Menteri yang keenam, ada pernah bagi RM40 juta. RM20 juta kepada JBP, tidak *direct* kepada akaun negeri dan juga RM20 juta kepada Majlis Agama Islam Kelantan. Okey, tidak apalah kerana mungkin semasa itu kita tidak bersama lagi tetapi itulah kali pertama kita di Kelantan dapat. Jadi selepas daripada ini, kita minta, kita tukar perkataan ihsan kepada royalti seperti mana negeri-negeri lain.

Kalau boleh- kata Menteri Kanan Ekonomi, dia kata bahawa yang menjadi masalah sempadan laut antara Kelantan dan Terengganu itu belum lagi disahkan. Saya rasa ini alasan. Kita semua sekolah tinggi-tinggi belaka sudah. Apa yang penting kalau tidak boleh beri seperti mana pada *dispute value*, mesti ada satu asas. Okey, berapa persen dahulu? Berapa peratus dahulu? Kita katalah 40 persen kah, 50 persen. Jadi, setidak-tidaknya orang Kelantan kata ada sudah suasana meminang. Walau kahwin belum lagi, meminang sudah ada. Maknanya sudah ada satu inisiatif, kesungguhan daripada Kerajaan Perikatan Nasional di bawah Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga panggilan mesranya PM abah, satu nama yang cukup bagus abah ini.

Jadi, saya sebagai mewakili rakyat Kelantan dan kerajaan mengharapkan sangat- janji, baguslah sudah banyak kali janji. Pertemuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketujuh, yang kelapan, janji itu, *alhamdulillah*, baguslah sudah ada satu pengakuan bahawa itu hak Kelantan. Bahkan semasa pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketujuh dalam dua tiga siri pertemuan itu, memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketujuh mengakui dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kelapan juga mengakui. Jadi, *insya-Allah*.

Saya faham keadaan ekonomi sekarang, kita semua faham dalam satu tempoh yang lama aktiviti ekonomi tidak berkembang dengan baik dan kementerian pula menceritakan bahawa pada tahun ini KDNK kita mungkin menguncup kepada 5.5 peratus, jadi ini satu angka yang besar, Tuan Yang di-Pertua. Angka 5.5 peratus, negatif ini, kalau kita ibaratkan KDNK kita RM1 trilion- kita ini lebih kurang RM1.1 trilion KDNK Malaysia ini.

Dalam RM1.1 trilion, kalaulah menguncup 5.5 peratus, maknanya negara kehilangan secara agregatnya pendapatan RM55 bilion. RM55 bilion ini satu angka yang besar. Bayangkan berapa buah sekolah, berapa buah hospital. Jadi RM55 bilion, maknanya KDNK ini meliputi semua agregat aktiviti ekonomi. Mak Nab jual etak di Kelantan, Ah Chong jual tayar di Kuala Lumpur, Ramasamy jual susu getah di ladang- estet, semua campur. Agregat KDNK ini meliputi semua aktiviti ekonomi dan diagregatkan dan Malaysia lebih kurang RM1.1 trilion.

Jadi kalau KDNK kita menguncup 5.5 peratus, makna kita kekurangan RM55 bilion. Dan dijangkakan pada tahun 2021, ia akan berkembang kembali kepada RM5 bilion. RM5 bilion itu

bukan pada asas RM1.1 bilion. RM5 bilion itu tidak diasaskan kepada RM1.1 trillion sudah. Ia sudah diasaskan kepada RM1.045 trillion. Maknanya pada tahun 2021, ia belum lagi mencapai paras ukuran RM1.1 trillion. Makna kita hanya kembali pulih seperti mana sedia kala sebelum COVID-19 ini pada tahun 2022. Jadi dengan realiti tersebut, kita ambil maklum.

Akan tetapi pada masa yang sama kita kata, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Kita rakyat Kelantan faham. Kita tidak hendak kata tergesa-gesa. Kita kata hendak menekan, tidak. Cuma kita hendak nisbah agihan. Kalau katalah pada tahun ini agihan pembangunan RM20 bilion, maka daripada agihan RM20 bilion tersebut, kita hendak nisbah berdasarkan penduduk ataupun berdasarkan kepada apa? Kita sudah ada realiti. Kerajaan sudah mengiktiraf negeri-negeri miskin, Sarawak paling bawah, Sabah dan Kelantan.

Jadi sudah tentulah kita mesti berfokus. Maknanya kalau kita hendak angkat semua negeri kepada satu *level* walaupun tidak dalam satu tahun, dua tahun, lima tahun tetapi sudah tentulah *distribution*, dengan izin, agihan ini mesti dilebihkan untuk negeri-negeri yang disebutkan tadi. Bahkan...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon laluan...

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Sila, sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Boleh sedikit, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey, apabila bercerita tentang berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, dan juga isu berkaitan dengan royalti, saya ingat saya ingin membangkitkan juga dan mungkin bertanya pandangan Yang Berhormat Senator kerana lama dalam jawatankuasa pembangunan. Selain daripada royalti, sebenarnya kita ada Senarai Bersama antara negeri dengan Persekutuan yang saya pernah bangkitkan dalam ucapan penangguhan sebelum ini iaitu Senarai III.

## ■1240

Kalau kita tengok, kita di Kelantan sebelum ini pun mempunyai layanan yang kurang daripada sudut kuasa bersama. Saya juga bertanya, apakah ada di pihak Kementerian Kewangan, agensi atau indikator yang memastikan senarai kuasa bersama ini dipatuhi dan dapat dinikmati oleh negeri-negeri khususnya Kelantan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Asmak Husin, wanita hebatlah dari Kelantan ini, *insya-Allah*. Walaupun seorang ustazah tetapi mampu bercakap hal-hal ekonomi dan sebagainya. Tahniahlah Yang Berhormat Senator Asmak.

Cuma sekarang ini, saya tengok akhir-akhir ini kita akuilah bahawa satu perbincangan yang sangat positif antara kerajaan negeri dengan pentadbiran Putrajaya. *Insya-Allah*, janji-janji

tersebut telah mula diberikanlah. Kalau dulu, berbeda. Kita pun faham. Sekarang ini, *insya-Allah*, bermula daripada saya- terang-teranglah saya beritahu kerana saya jawatankuasa pembangunan ekonomi negeri. Sudah suatu tempoh yang lama. So angka-angka yang masuk ini *insya-Allah*, secara umumnya saya tahu. Saya akan diberitahu dan saya tahu.

Jadi umumnya, kita hendak maklumkan bahawa semasa Perdana Menteri ketujuh, *alhamdulillah*, satu suasana yang agak kondusif sudah berlaku dan banyak maknanya bidang kuasa bersama itu sudah mula dipatuhi. Bahkan tidak segan saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Perdana Menteri ketujuh telah melaksanakan satu tugas di mana telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM400 juta.

Cuma sekarang ini di peringkat negeri Kelantan, kita tidak tahu wang itu hendak dinamakan sebagai apa. Hendak dinamakan di bawah royalti kah, hendak namakan *one-off* kah, kita pun tidak tahu. Fasal masing-masing tidak boleh memberikan jawapan. Bila ditanya pegawai kewangan negeri pun, tidak tahu, tidak boleh hendak jelas. Jadi saya pun jadi- Dewan ini pun saya kena beritahu saya tidak jelas.

Cuma saya diberitahu, pada pertemuan yang kemudian ini, dinyatakan bahawa inilah kali pertama negeri Kelantan mendapat geran wajib mendahului waktu. Jadi seolah-olah RM400 juta itu bukan *special*, dengan izin, *special* punya- *I mean special* punya pemberian. Seolah-olah ia adalah hak Kelantan cuma diawalkan. Ini kali pertama kita negeri Kelantan mendapat awal dari tempoh. Selalunya lewatlah akhir-akhir tahun. Oleh sebab di negeri Kelantan, tiga tahun berturut-turut akhir-akhir ini, bajet kita surplus. Tahun 2017...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seminit lagi.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu bajet negeri Kelantan, tahun 2017 kita punya surplus lebih kurang dalam...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Sila, sila. Panjang sedikit sahaja.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Saya rasa kali ini Kelantan tidak boleh mengeluh lagi sebab Kelantan ada lima orang Menteri. Kalau lima orang Menteri tidak boleh tolong Kelantan, adakah Yang Berhormat setuju letak jawatan sahaja?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Boleh?

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Sila, sila, sila.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Boleh saya cadangkan duit RM400 juta yang diterima itu, ia boleh dikategorikan sebagai *public money* untuk pendapatan di Kelantan. Oleh kerana definisi dalam *Financial Act 1957* ini, *public money* itu *means revenue*,

*loans, trust and other monies and all bonds.* Other monies itu termasuklah itu RM400 juta agaknya. Boleh? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Sebelum itu saya hendak jawab soalan sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob dulu. Ya lah, kali pertama Kelantan ada lima orang Menteri. Kita pun doalah, *insya-Allah*, kelima-lima orang Menteri ini duduk baik-baik, bincang. Kalau tidak malulah, diri sendiri kena rasa malulah kalau zaman kita sendiri tidak boleh hendak bangunkan negeri sendiri.

Jadi *insya-Allah*, saya doa dan saya dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, *alhamdulillah*, pertemuan kelima-lima orang Menteri dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berlaku beberapa kali. *Insya-Allah*, hasrat bersama kelima-lima orang Menteri itu ada untuk meningkatkan kedudukan negeri Kelantan. Kita doa begitu, dan *insya-Allah*, kita rasa boleh berlaku begitu, *insya-Allah*.

Cuma jawapan daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Imran, ia duit itu, kita tidak *clear* lagi. Saya tidak boleh hendak jawab. Menteri mungkin boleh jawab. Apakah duit itu duit Kelantan. Memang Kelantan pendapatan per kapita dia pun, anugerah wajib dia pun tinggi kerana bajet Kelantan ini, *average* dia RM700 juta sahaja setahun. Tidak ada RM700 juta itu, tahun 2017 surplus lebih kurang RM13.8.

Kemudian, tahun 2018, RM38.7. Juta ini, saya sebut juta, bukan ribu. Kemudian, pada tahun 2019, lebihan kita, bajet surplus kita RM42.2 juta. Jadi lebihan ini kerana pentadbiran Putrajaya bayar lewat. Bila bayar lewat, kita pun tidak sempat hendak belanja, lima hari lagi hendak tutup akaun, mana hendak belanja. Jadi tiga tahun berturut-turut, Kerajaan Negeri Kelantan membentangkan bajet surplus. Maknanya lebih baik daripada Malaysia, kalau ikut logik. Malaysia dari tahun 1997 sehingga sekarang, tidak pernah positif, duduk garisan merah sahaja. Dari tahun 1997. Kalau Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob kata 20 tahun, lebih 20 tahun sudah. 23 tahun sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Jadi, *insya-Allah*, saya mohonlah kali ini kalau boleh Yang Berhormat Menteri kalau boleh *insya-Allah*, peluang inilah untuk kita mengheret negeri Kelantan biar berada bersama-sama dengan negeri-negeri yang lain kerana *insya-Allah*, pengakuan tersebut bukan saya yang buat walaupun saya *dispute*, dengan izin, tetapi *insya-Allah* kerana itu rasmi daripada kerajaan maka inilah peluang dan ruang untuk sama-sama mengangkat negeri Kelantan. *Wallahu alam. Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Memberi hujah yang baik iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Terima kasih.

Nombor tujuh tarik diri. Nombor lapan sekarang Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad. Dipersilakan.

#### **12.46 tgh.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak membincangkan berkenaan dengan Butiran 21 iaitu Kementerian Pertanian. Jadi satu perkara yang bermain di minda saya, kerana Malaysia ini kita lihat udaranya, iklimnya, tanahnya, suhunya, cukup baik. Akan tetapi timbul masalah kepada kita ialah kita terpaksa bergantung dengan untuk kita mengimport makanan kita dari setahun ke setahun meningkat. Pada tahun 2013, nilai import kita sebanyak RM43 bilion dan tahun 2018, meningkat kepada RM54 bilion.

Saya hendak minta penjelasan daripada Menteri, boleh atau tidak jelaskan item-item berkenaan dengan kadar import setiap item pertanian ini, berasnya berapa, sayurnya berapa, dagingnya berapa dan beberapa item yang penting untuk saya dan rakyat Malaysia tahu. Kenapa perkara-perkara yang kita import ini dari tempat lain, sedangkan Malaysia kita tahu memiliki macam yang saya sebutkan tadi, udaranya, iklimnya yang cukup baik. Di mana silap yang terjadi demikian? Walaupun kita ini hendak menuju kepada negara industri, jangan kita lupa untuk perkara-perkara *core business* kita yang sepatutnya kita kena jaga dan kita pertahankan iaitu berkenaan dengan soal sektor pertanian.

Kalau kita tengok di Turki misal katakan, mereka tidak bergantung kepada makanan hasil daripada import untuk ke negara mereka. Apa terjadi pun, mereka cukup untuk mereka *survive*, dengan izin, kalau apa pun terjadi kerana dalam keadaan mereka juga menuju kepada sebuah negara industri. Namun mereka tidak pernah alpa dalam konteks untuk memperbanyak dalam sektor perindustrian ini.

Tuan Yang di-Pertua, barang yang kita import ini, kita hendak tahu juga adakah di mana silapnya? Masalah tanah kah, masalah rakyat tidak minta kah ataupun masalah pemasaran? Ada juga ini pun kita kena fikir juga.

#### **■1250**

Kadang-kadang rakyat ini *give up*, dia sudah buat benda- tanam macam-macam, tiba-tiba hasilnya tidak boleh dipasarkan. Itu pun juga kena buat kajian kenapa jadi begitu. Akan tetapi, kita hendak tahu lah pihak kementerian sudah tentu lebih tahu daripada kita. Ini kerana, mereka

memiliki pegawai-pegawai yang hebat-hebat semua daripada mereka yang *top-top*, yang duduk di situ daripada *Cambridge University*, yang duduk di situ daripada *British Top University* (BTU) dan mereka yang hebat lah yang kita katakan, yang terdiri pakar-pakar hebat.

Akan tetapi, masalahnya kenapa daripada setahun ke setahun, nilai makanan kita ini diimport? Itu kita tidak bincang lagi soal sudut macam mana soal makanan ini ialah merupakan yang dijadikan sebagai *food security*. Macam saya sebut dahulu, kalau terjadi selepas berpanjangan COVID-19 ini kerana fenomena dunia, sudah tentu apabila berlaku terhadap negara mereka, mereka tidak akan eksport makanan kepada kita. Mereka akan utamakan kepada rakyat. Pada waktu itu apa yang kita hendak makan Tuan Yang di-Pertua?

Berkenaan dengan makanan asas contohnya. Beras kita masih bergantung sebanyak 70 peratus hanyalah dapat hasil kita, sebanyak 30 peratus lagi ialah diimport. Kita juga hendak bangkitkan soal berkenaan dengan isu benih padi, monopoli, berkenaan dengan soal baja dan pemasaran. Jadi, saya mencadangkan juga pihak kerajaan kena buat satu undang-undang supaya soal berkenaan dengan tanah-tanah pertanian hari ini, jangan lagi untuk *convert* untuk buat pembangunan. Jikalau untuk *survival*, masa depan ruji makanan asasi kita ini, perlu dilakukan.

Keduanya berkenaan dengan tanah terbiar. Kita mengharapkan supaya tanah terbiar ini dimajukan juga. Ini kerana kita yakin, kita ada pakar-pakar ekonomi yang boleh untuk membangunkan tanah terbiar supaya melahirkan petani-petani moden pada hari ini yang terdiri daripada siswazah-siswazah dengan sesuaikan dengan kaedah yang berteraskan Revolusi Industri 4.0 yang perlu kita lakukan.

Saya hendak sentuh juga berkenaan dengan durian kampung. Hari ini orang cakap Musang King yang agak masyhur apabila seluas 4,000 hektar tanah di Raub yang diteroka secara haram. Saya cuma hendak bercakap tentang hal durian kampung sebab kampung saya dan saya juga memiliki ladang durian kampung. Saya tidak lagi tanam untuk durian Musang King ataupun durian Kunyit.

Persoalannya ialah durian kampung ini memang, kita tengok dia tidak tahan lama durian kampung ini. Kebanyakan itulah yang ditanam oleh pekebun-pekebun kecil. Saya hendak supaya pihak kementerian ini dia kena lakukan tentang adanya *value added*, nilai tambah terhadap buah ini. Jangan hendak harapkan buah kampung itu dijual dalam bentuk biji sahaja. Sebaliknya kita minta adanya kilang pemprosesan. Saya amat sedih yang berlaku di tempat saya.

Di sana ada Pertubuhan Peladang dan sebagainya, sedangkan yang membangunkan satu kilang memproses isi durian ini terdiri daripada kilang swasta yang datang buat dekat kampung saya di Kampung Senduk untuk memproses. Di sana dapat memberi peluang

pekerjaan kepada orang kampung serta dia dapat beli buah durian itu secara berpanjangan ia diproses, difrozen dan dijual dengan harga yang agak menarik. Malangnya agensi-agensi kita pula tidak bertindak seagresif sedemikian rupa. Ini perkara yang perlu kita hendak harapkan supaya pihak kementerian dapat membela terhadap isu ini.

Begitu juga dalam soal berkenaan dengan hal yang berkaitan-tadi kita hendak supaya soal-kita juga terpaksa import sayur-sayuran dan sebagainya. Maka, kita hendak hapuskan terutamanya kartel-kartel yang dipegang oleh monopoli tauke-tauke besar yang menyebabkan kita tengok hasil pertanian daripada pekebun-pekebun kita ini tidak ke mana.

Kadang-kadang hasil mereka keluar, tetapi perkara itu dijerat oleh golongan-golongan konglomerat ataupun mereka yang memanggang monopoli ini sehingga gagal untuk menjadikan hasil mereka itu tidak jadi mahal dan tidak terbaik untuk mereka. Ini menyebabkan apa yang penting, mereka itu sudah *give up*, mereka tak nak lagi buat pertanian kerana hasil mereka itu tidak dapat untuk dipasarkan dengan baik.

Begitu juga masalah ayam. Ayam ini kita tengok kena buat kajian sebab kita lihat semua industri-industri *players*, dengan izin, *hat* yang duduk buat ayam ini secara persendirian, kita tengok mungkin dia buat sekali atau dua kali, selepas itu reban ayam tutup. Ini kena buat kajian daripada benihnya, daripada makanannya, daripada pemasarannya, kenapa jadi begitu? Benda ini kita harapkan pihak agensi yang ada perlu bertindak tangkas. Bagi kita hendak memastikan supaya mereka menjadi lintah darat ini yang menjerat ataupun menjerut mereka yang menternak ayam secara persendirian ini yang telah memonopoli akhirnya menyebabkan apa yang kita tengok berlakunya satu penindasan terhadap mereka yang melakukan bela ayam ini tadi.

Kemudian saya hendak senuh berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, berkenaan dengan Butiran B.42. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab, di Malaysia kita lihat *ratio* ialah satu doktor bersamaan dengan seramai 482 orang penduduk. Di UK seramai 272 orang, di Australia seorang doktor bersamaan dengan seramai 223 orang penduduk.

Jadi, hari ini persoalan dia ialah kenapa pada hari ini doktor, anak-anak kita yang *mengaji* hari ini, jawatan mereka berstatus kontrak. Bukan sahaja doktor, farmasi dan pergigian saya pelik. Jikalau kata kita tidak ada duit, ia soal tiga kementerian tidak boleh kompromi sebenarnya. Soal berkenaan dengan ini tidak boleh berkompromi dengan bajet iaitu pertahanan, pendidikan, kesihatan. Ini tidak boleh kompromi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, satu minit lagi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Satu minit lagi, sedikit Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebab itu kita harapkan supaya soal berkenaan dengan hal kebijakan doktor ini perlu dibawa. Saya pernah bawa di Parlimen dahulu, cadang di Parlimen kerana doktor ini bukan gred dia U41, sebaliknya

sepatutnya doktor itu *starting* dia gred U48. Ini kerana dia *mengaji* selama enam tahun. Kita tahu, dia *mengaji* susah, tidak berdunia dengan orang. Enam tahun itu diibaratkan 12 tahun, tidak berdunia dengan orang. Tiba-tiba gaji dia rendah. Sepatutnya pakar bagi JUSA. Itu sepatutnya diberi gred supaya mereka itu dapat meneruskan khidmat mereka yang baik kepada kerajaan.

Saya juga hendak tanya berkenaan dengan kes ada cadangan untuk menutup Klinik Komuniti Kemunting, Klinik Desa Pondok Tanjong, Klinik Desa Kuala Trong, Klinik Desa Padang Gajah di Larut, Matang. Saya hendak tanya kenapa ada cadangan seperti begitu? Sepatutnya orang banyakkan, tiba-tiba kita hendak tutup *pasai* apa?

Kemudian Maksud B.28, berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Jadi, saya harapkan supaya pihak JPJ ataupun polis mengawasi berkenaan dengan kemasukan treler, lori-lori besar, nak cari jalan pintas daripada pekan Jelutong mereka hendak pergi ke Trong, mereka melalui kampung saya Kampung Sungai Petai, Changkat Ibol kemudian keluar dekat dengan Kepala Bukit, ini berbahaya kepada kesihatan dan juga keselamatan.

Akhirnya KPKT Maksud B.43. Saya hendak tanya status pembinaan balai boma di pekan Trong yang katanya telah pun diluluskan tetapi sejauh mana *progress* untuk projek tersebut. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad membangkitkan banyak benda-benda penting dan padat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip, dipersilakan.

**12.59 tgh.**

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, segala puji bagi Allah, selawat dan salam kepada Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020 ini, saya suka menarik perhatian Dewan bahawa pada hari ini kita menerima berita sedih kembalinya ke Rahmatullah mantan Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Terengganu, Allahyarham Dato' Seri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Wan Ahmad, pada usia 88 tahun. Jadi, saya anjurkan kepada kita yang beragama Islam untuk membacakan surah Al-Fatiha, kita sedekahkan pahalanya. Mudah-mudahan Allahyarham ditempatkan di sisi para solihin... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

*[Ahli-ahli bangun bertafakur]*

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana sekali lagi diizinkannya untuk mengambil bahagian di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020 yang kita bahaskan pada tahun ini, tahun 2020. Ia bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan dan membelanjakan wang sebanyak RM7,265,753,850 yang melibatkan sebanyak 12 buah kementerian dan empat badan-badan lain. Daripada jumlah itu, sebanyak RM1,071,831,200 adalah jumlah lebih daripada Akaun Hasil Disatukan yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya setiap butir patah perkataan yang saya bangkitkan di dalam perbahasan ini adalah terbitnya daripada keinsafan diri. Ini kerana, kita sentiasa sedar bahawa ada tanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara yang terpikul di bahu kita. Bagi saya, sebaik sahaja mengangkat sumpah jawatan pada 16 Jun 2020 yang lalu, inilah tugas dan tanggungjawab kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator minta Yang Berhormat sambung selepas jam 2.30 petang *karang ya.*

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pukul jam 2.30 petang.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip:** Baik, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang jam sudah pukul 1 tengah hari, dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat hingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bersedia kita meneruskan perbahasan dan diminta Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip meneruskan ucapan.

**2.32 ptg.**

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan ucapan saya.

Saya bersyukur kepada hadrat Allah SWT kerana sekali lagi diizinkan-Nya untuk saya mengambil bahagian di Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2019 yang kita bahas pada tahun ini, tahun 2020. Bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan dan membelanjakan wang sejumlah RM7,265,753,850 yang melibatkan 12 kementerian dan empat badan-badan lain.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM1,071,831,200 adalah jumlah lebihan dari Akaun Hasil Disatukan yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Sesungguhnya setiap butir patah perkataan yang saya bangkitkan di dalam perbahasan ini adalah terbitnya daripada keinsafan diri. Ini kerana saya sentiasa sedar bahawa ada tanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara yang terpikul di atas batu jemala saya ini sebaik saya sahaja saya mengangkat sumpah jawatan pada 16 Jun 2020 yang lalu.

Sebagai tanda syukur atas kurniaan Allah SWT, saya ingin memulakan perbahasan kali ini dengan memetik firman-Nya dalam Surah Ibrahim Ayat 7, yang bermaksud, “Dan (ingatlah) tatkala Tuhanmu memaklumkan, sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah yakni nikmat kepadamu dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku amatlah pedih.” Sebagai hambanya di muka bumi kita wajib beriman dengan janji Allah. Semakin kita bersyukur dan menguruskan kurniaan-Nya dengan penuh tanggungjawab, maka semakin banyak dan semakin melimpah-ruahlah kurniaan Allah ke atas kita dan negara kita Malaysia, *insya-Allah*.

Namun firman itu juga hadir dengan peringatan Allah agar kita tidak cuai terutamanya dalam mengurus tadbir negara ini kerana jika demikian ia berlaku nescaya kita hanya mengundang kemurkaan Allah SWT. Saya bawakan firman ini daripada Surah Ibrahim ini kerana ia ada hubungan kait dengan isu yang hendak saya bangkitkan dalam perbahasan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh peruntukan tambahan kepada perkara B.43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta B.63 Kementerian Pendidikan. Bagi Maksud Perkara B.43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya meneliti memorandum perbendaharaan mengenai anggaran belanja mengurus tambahan pada tahun 2019 sebanyak RM611,028,900 yang diminta.

Bagi saya ia satu jumlah, suatu belanja mengurus tambahan yang cukup besar menokok dari anggaran hasil RM900 juta sebagai keperluan bagi membayar kepada syarikat konsesi SWCorp. Persoalannya, apakah rasional tambahan perbelanjaan sebegini besar dibuat? Mengapa perbelanjaan asal hanya diperuntukkan RM900 juta? Apa jaminan dengan tambahan yang sebegini besar akan mutu perkhidmatan pengurusan sistem pepejal di negara ini menjadi bertambah baik?

Kalau sekadar di takuk lama dan jika tiada jaminan mutu perkhidmatan bertambah baik, pada hemat saya, saya fikir tidak perlu kita luluskan. Jika ia melibatkan semata-mata bayaran konsesi sahaja, saya percaya pihak Kerajaan Pakatan Harapan dan Menteri Kewangan sebelum ini sepatutnya sudah membuat kajian terperinci lebih awal sebelum peruntukan asal diluluskan. Apa yang berlaku ini saya lihat seolah-olah berlaku ketidakcekapan dalam merancang sesuatu perbelanjaan.

Sehubungan itu, saya mohon perhatian, tindakan serta kebertanggungjawaban Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini iaitu perincian keseluruhan bayaran kontrak kepada syarikat konsesi dan mengikut negeri mana belanja ini dibuat. Sebagai contoh, negeri Wilayah Persekutuan, berapa belanjanya? Pulau Pinang, berapa belanjanya? Di Johor Bahru, berapa belanjanya? Itu maksud saya.

Pada masa yang sama, Dewan ini juga perlu diperjelaskan sejauh manakah prestasi dan kejayaan program pengasingan sisa di punca yang dikuatkuasakan sejak tahun 2016 berupaya memberi kesan positif dalam menyokong perbelanjaan besar pengurusan sisa pepejal negara. Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mesti memaklumkan kepada Dewan ini, bagaimanakah langkah-langkah baharu yang bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang yang wajib diambil serta dilaksanakan kerajaan agar perbelanjaan besar yang dibayar oleh syarikat konsesi dapat dijimatkan seiring dengan kempen kitar semula dan sikap rakyat dalam tata amalan pengasingan sisa pepejal dipunca.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.63 Kementerian Pendidikan pula, sebanyak RM261,882,700 tambahan peruntukan dipohon dalam rang undang-undang ini bagi membayar emolumen hospital pengajar, badan berkanun Persekutuan dan universiti awam. Daripada pertambahan peruntukan yang dipohon ini timbul persoalan kenapa dalam Bajet 2019 hanya RM3.78 juta sahaja diluluskan. Apa sebenarnya yang berlaku sehingga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan khususnya gagal menganjurkan bajet emolumen dalam anggaran perbelanjaan hospital mengajar, badan berkanun kendalian Kementerian Pendidikan dan universiti awam sebagaimana sepatutnya.

#### ■1440

Barangkali juga ini ada kaitan dengan keghairahan Kerajaan Pakatan Harapan pada ketika itu untuk mengurangkan jumlah kakitangan awam. Justeru, saya meminta agar diperincikan berapakah bajet mengikut setiap hospital pengajar, Badan Berkanun Persekutuan dan universiti awam yang diperlukan dalam peruntukan tambahan ini. Ini kerana Dewan ini perlu dimaklumkan secara komprehensif dan telus, rasional di sebalik bajet tambahan yang dipohon

ini kerana setiap daripada kita bertanggungjawab terhadap setiap sen duit rakyat yang ingin dibelanjakan.

Tidak sekadar itu, dalam soal bajet tambahan untuk Kementerian Pendidikan ini, Dewan ini juga perlu diberikan kefahaman sejauh mana langkah yang pihak Perbendaharaan dapat ambil agar tambahan bajet emolumen tidak lagi berlaku pada masa hadapan. Ini kerana kita bimbang jika perkara yang sama berulang, fungsi dan operasi hospital pengajar, badan berkanun serta universiti awam di negara ini pasti terjejas dan tergugat.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti kepada senario bajet tambahan berjumlah RM872,911,600 hampir mencecah RM1 bilion hanya baru membabitkan dua kementerian ini sahaja. Ia memberi gambaran kepada kita bahawa betapa Menteri Kewangan sebelum ini tidak cekap dan tidak kompeten dalam mengurus fiskal negara. Jika beliau seorang yang cekap dan kompeten, sudah pasti setiap unjuran awam perbelanjaan dapat dibuat dengan teliti dan cermat. Patutlah kredibiliti beliau sebagai Menteri Kewangan dipersoalkan banyak pihak kerana dalam Perkara B.43 dan Perkara B.63 sahaja, sudah cukup membuktikan beliau tidak peka terhadap urus tadbir berkesan anggaran perbelanjaan akaun awam dengan baik. Dalam hal ini, saya teringat kepada serangkap pantun.

*Tempurung basah tangkup-tangkupkan;  
Tempurung kering dibuat umpan;  
Pekung orang jangan singkapkan;  
Pekung sendiri berderet di badan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini dengan syarat, segala persoalan dan isu yang saya bangkitkan dijawab dengan jelas dan teratur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri menjawab.

## 2.42 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2019/2020 Dewan yang mulia ini. Kerajaan sangat menghargai akan cadangan,

pandangan dan teguran yang telah diberikan terhadap beberapa perkara yang telah dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut.

Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan dan ada di kalangan Yang Berhormat Senator memberi pandangan yang bernas dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara. Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh rang undang-undang yang dibentangkan ini. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan perhatian dan pertimbangan sewajarnya akan diberikan bagi menangani perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini seramai lapan orang, iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat; Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid; Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari; Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad; dan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab keadaan saya tidak mengizinkan hari ini, atas nasihat doktor, saya memohon untuk meneruskan penggulungan saya secara duduk, mohon izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menjawab satu persatu isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana segala pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan ambil makluman yang tinggi. Ini kerana setiap pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan satu pandangan atas suara yang disebut di peringkat akar umbi.

Saya ingin menyentuh yang pertama adalah berkaitan Ahli Yang Berhormat yang bangkitkan berkaitan cadangan Pelan Pertahanan Strategik untuk pertahanan di Sabah secara menyeluruh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam keadaan kita mengimbangi pertahanan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, sudah pastinya kerajaan hari ini Kerajaan Perikatan Nasional amat-amat memahami tentang bukan sahaja keselamatan rakyat yang berada di Semenanjung tetapi yang paling penting adalah rakyat yang berada di Sabah dan Sarawak. Ini merupakan satu agenda utama yang telah dibentangkan oleh kerajaan terdahulu di bawah Kertas Putih Pertahanan yang pastinya diteruskan oleh Kerajaan Perikatan Nasional pada hari ini.

Namun demikian, pendekatan secara menyeluruh perlu melihat kepada semua domain yang ada iaitu udara, laut dan darat dan juga kita juga bukan sahaja tertumpu kepada udara, laut dan darat tetapi juga kita mengambil kira dengan peningkatan teknologi seperti elektro magnetik yang memastikan supaya Angkatan Tentera Malaysia dapat beroperasi dengan lebih efisien di antara ketiga-tiga wilayah seperti mana yang telah saya sebutkan tadi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Oleh hal demikian, beberapa langkah telah diambil di bawah Kementerian Pertahanan termasuk menyusun semula pasukan di Sabah dan Sarawak berkaitan perolehan-perolehan aset seperti yang disebutkan tadi *littoral mission ship*, dan *light attachment helicopter* bagi meningkatkan kebolehpertahanan negara khususnya bagi memastikan keadaan di Sabah dan Sarawak sentiasa terjamin dan kita juga melakukan kerjasama-kerjasama di antara negara-negara jiran seperti *trilateral cooperative management* bersama Indonesia dan Filipina.

Sudah pasti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong tadi atas pengalaman beliau sebagai Menteri Pertahanan dalam kerajaan terdahulu amat-amat dialu-alukan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong juga membangkitkan tentang apakah pendekatan, *the whole of government* untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan mengadakan *engagement* secara berterusan dengan pihak-pihak berkepentingan.

Seperti mana Yang Berhormat telah sedia maklum, di kementerian dan agensi kerajaan melalui mesyuarat dan bengkel berkaitan bagi memastikan Kertas Putih yang seperti mana yang telah saya sebutkan tadi dikemukakan oleh kerajaan terdahulu diteruskan oleh kerajaan hari ini dalam memastikan Kertas Putih dapat dilaksanakan sebaik mungkin seperti mana hasrat rakyat Malaysia. Antaranya ialah kita juga sedang menyediakan dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas yang diterajui oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil kira segala pandangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Segala pandangan Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong berkaitan keselamatan dan bagaimana *joint forces* yang dibuat di antara ketiga-tiga domain udara, laut dan darat ini juga diambil kira. Pihak Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas pandangan dan pengalaman Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong.

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid membangkitkan tentang perkara-perkara yang agak spesifik. Namun, di Dewan yang mulia ini

izinkan saya membuat sedikit penjelasan berkaitan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana sebentar tadi.

Pertama, berkaitan perolehan helikopter baharu oleh TLDM. Bilakah boleh diserahkan? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Laksamana, perolehan tiga buah helikopter operasi maritim TLDM dianugerahkan kepada syarikat Galaxy Aerospace Malaysia Sdn. Berhad. Dengan kos sebanyak RM228 juta untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2020 hingga tahun 2025. SST telah dikeluarkan pada 2 September 2020, dan *insya-Allah* helikopter dijadualkan diterima secara berperingkat mulai Oktober 2020.

Yang Berhormat Senator Laksamana juga membangkitkan tentang adakah keseluruhan peruntukan tambahan untuk Kementerian Pertahanan sebanyak RM362.9 juta telah habis dibelanjakan dan dibelanjakan untuk apa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan telah membelanjakan keseluruhan peruntukan tambahan yang disalurkan antaranya untuk tujuan berikut:

- (i) penyelenggaraan pertahanan darat;
- (ii) penyelenggaraan pertahanan maritim; dan
- (iii) penyelenggaraan pertahanan udara yang melibatkan kos RM362.9 juta.

Selain itu, peruntukan tambahan ini juga digunakan untuk membiayai pembekalan alatan di Hospital Angkatan Tentera, dan pengoperasian Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazar Bangladesh. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat kepastian tentang jumlah yang telah di peruntukkan.

Yang Berhormat Senator Laksamana juga membangkitkan tentang isu status terkini perolehan kapal *littoral combat ship* (LCS) oleh TLDM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2020, kemajuan sebenar keseluruhan perolehan LCS yang sedang dalam pembinaan adalah 56.91 peratus, berbanding perancangan 88.5 peratus sejumlah RM6.08 bilion atau 66.61 peratus telah dibelanjakan daripada keseluruhan kos projek berjumlah RM9.12 bilion termasuk RM1.36 bilion atau 14.94 iaitu bayaran pendahuluan. Mengenai hala tuju perolehan LCS ini, Kementerian Pertahanan akan mengangkat memorandum Jemaah Menteri untuk pertimbangan pihak Kabinet.

#### ■1450

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid juga membangkitkan tentang status perbekalan kenderaan AV8. MinDef telah menerima 194 daripada 299 unit AV8.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk tahun 2020, hanya lima daripada tujuh unit sahaja telah diluluskan ujian *Final Acceptance Test* (FAT), dengan izin. Kelewatan FAT ini

disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan *insya-Allah* pembekalan selebihnya dijangka melangkau ke tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu-isu yang dibangkitkan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu apakah peranan TERAJU. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga membangkitkan apakah yang dibuat oleh TERAJU. Sudah sembilan tahun TERAJU diwujudkan, bagaimana keberkesanan TERAJU ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TERAJU berperanan bagi menerajui, memacu, menyelaras penyertaan bumiputera seperti mana Yang Berhormat nyatakan hasrat Yang Berhormat tadi. Cumanya ada dua program yang dibuat oleh TERAJU yang mungkin saya boleh memberi sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat. Pertamanya, berkaitan program Dana Teras yang diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Jangkaan KPI kepada program Dana Teras ini ialah 1,100.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 1,100, syarikat yang telah menyertai program ini adalah 1,090. Hanya berbaki 10 lagi syarikat dan jumlah dana yang telah disalurkan kepada syarikat-syarikat ini bagi memastikan mereka mempunyai kekuatan dari segi dana di bawah program Dana Teras ialah berjumlah RM2.63 bilion.

Manakala untuk usahawan muda Yang Berhormat, Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) yang diunjurkan supaya melibatkan 259 syarikat supaya menerima geran sehingga RM500 ribu bagi setiap syarikat dan dana yang telah diperuntukkan bagi program SUPERB ini berjumlah RM91.5 juta.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, betul kita akui ada sedikit pengurangan. Setakat hari ini, hanya 183 telah berjaya disalurkan. *Insya-Allah* dalam masa yang terdekat, pihak kementerian di bawah Jabatan Perdana Menteri akan melihat perkara-perkara yang melibatkan dasar bumiputera.

Sudah pasti apa pandangan dan hasrat Yang Berhormat berkaitan isu bumiputera ini juga akan diberi perhatian yang tinggi seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau berkaitan perkara yang telah Yang Berhormat nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong dan seperti mana Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong juga amat mengetahui bahwasanya keputusan untuk menurunkan had umur ini telah mendapat persetujuan yang tinggi di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Keputusan ini dibuat oleh kerajaan terdahulu tanpa kita mengambil

kira pandangan kerajaan ketika itu atau pembangkang ketika itu. Pada Julai 2019 seperti mana Yang Berhormat telah nyatakan tadi, telah diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ingin saya ingatkan kembali, pihak kerajaan terdahulu yang telah meletakkan satu *milestone* atau pembatuan supaya had umur ini kena diselesaikan secara automatik dalam tempoh 24 bulan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, 24 bulan ini bermula Julai 2019, akan berakhir pada Julai 2021. *Insya-Allah* dalam tempoh yang terdekat, kita sedang melakukan banyak perkara. Cumanya saya ingin memberi sedikit penjelasan di Dewan yang mulia ini, berkaitan libat urus bersama NGO, bersama parti-parti politik, agensi-agensi kerajaan yang terlibat, semuanya telah selesai.

Sekarang ini ada tiga peringkat yang kita sedang melakukan bagi memastikan *milestone* atau *timeline* 24 bulan ini tercapai. Kita sedang melakukan penyediaan pindaan kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Keduanya, kita sedang membangunkan SOP. Ketiga, yang paling penting ialah kita sedang membangunkan sistem dan infrastruktur yang berkaitan supaya keseluruhan anak-anak muda yang berumur 18 tahun ke atas dapat didaftarkan secara automatik.

Saya rasa itu perkara-perkara yang terkini berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi...

**Tuan Liew Chin Tong:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Sila.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju bahawa pilihan raya hanya harus diadakan selepas ‘Undi 18’ dilaksanakan? Sebelum pendaftaran automatik dilaksanakan, adakah kerajaan bersedia untuk bertimbang untuk mereka yang melebihi umur 18 tahun diberikan peluang untuk mendaftar diri? Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini kata pilihan raya mungkin akan berlaku dalam masa terdekat. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong merupakan satu perkara yang sepatutnya diberi penekanan berkaitan *timeline* yang telah ditentukan oleh kerajaan terdahulu. Sama ada berlaku awal atau tidak pilihan raya ini ialah bergantung di bawah bidang kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sudah pasti apa sahaja yang kita lakukan, kita akan memberi hak kepada anak-anak muda yang berumur 18 tahun atau 21 tahun ke atas untuk memastikan mereka juga mempunyai hak untuk menentukan hala tuju kerajaan pilihan mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui Kerajaan Perikatan Nasional hari ini, kita akan pastikan apa yang kita hasratkan dahulu kerana semasa kita membuat keputusan untuk menurunkan had umur, bukan

sahaja kerajaan ketika itu yang membuat keputusan. Ia juga mempunyai hasrat daripada ketika itu pihak pembangkang yang hari ini menjadi kerajaan. Sudah pasti *milestone* atau *timeline* ini kita cuba penuhi dan *insya-Allah*, apa-apa sahaja yang kita lakukan, kita tidak akan menafikan hak rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penjelasan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari berkaitan permohonan peruntukan khas JKR untuk jalan Pelabuhan Klang.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2020, peruntukan sebanyak RM50 juta telah disediakan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Pelabuhan Klang. Kerja-kerja sedang dalam pembinaan dan dijangka siap *insya-Allah*, pada penghujung tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang berkaitan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad berkaitan status pembinaan balai bomba di kawasan Trong.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek Balai Bomba dan Penyelamat di Trong kini berada dalam fasa pelaksanaan perolehan. Projek ini *insya-Allah* dilaksanakan oleh JKR dan Surat Setuju Terima dijangka dikeluarkan pada bulan Oktober 2020.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga membangkitkan di bawah KPKT berkaitan andaian keperluan sebenar perumahan untuk rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan sedang menumpukan kepada penyediaan perumahan yang berdaya huni, mampu milik dan berkualiti seperti mana yang Yang Berhormat nyatakan tadi, mencukupi. Bagi memastikan pembangunan perumahan terutamanya Rumah Mampu Milik (RMM) mengikuti keperluan rakyat, KPKT sedang melaksanakan pertama, kajian Analitis Data Raya perumahan bagi melihat keperluan sebenar perumahan dan juga penawaran rumah sedia ada kepada rakyat.

Kedua, penetapan Dasar Rumah Mampu Milik Negara (DRMM) yang menggariskan penentuan harga siling Rumah Mampu Milik (RMM) kepada pemaju swasta, kerajaan negeri dalam perancangan pembangunan perumahan. Ketiga, membangunkan Sistem Pengurusan Perumahan Bersepadu (HIMS) bagi kawalan dan pemantauan projek perumahan. *Insya-Allah* Yang Berhormat, keperluan sebenar perumahan tertakluk kepada perancangan dasar kerajaan negeri masing-masing.

Pandangan Yang Berhormat amat-amat dihargai oleh pihak Kementerian KPKT kerana inilah yang menjadi hasrat kerajaan untuk membantu rakyat Malaysia untuk memperoleh rumah dalam keadaan mereka yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga membangkitkan berkaitan kawalan harga rumah sama ada dipantau oleh KPKT atau tidak. Untuk makluman Yang Berhormat, harga rumah tertakluk kepada pasaran dan mengikut sesebuah kawasan atau negeri di mana ia berbeza-beza penetapannya.

Buat masa ini, KPKT akan menggariskan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara sebagai panduan harga siling rumah mampu milik mengikut negeri. Namun begitu, penentuan harga rumah dibuat oleh kerajaan negeri berdasarkan kelulusan dan dasar yang ditetapkan oleh negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang panjang lebar dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad.

Saya akui pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad merupakan pandangan yang diangkat daripada akar umbi dan sudah pasti Kerajaan Perikatan Nasional memahami nasib mereka yang berada di kampung-kampung, nasib mereka yang sedang mengusahakan durian kampung dan perkara-perkara ini memang sudah pastinya telah diambil kira oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Sebentar tadi saya telah dimaklumkan oleh pegawai-pegawai di bawah kementerian MAFI, mereka telah menghubungi FAMA dan LPP untuk mengambil kira pandangan Yang Berhormat berkaitan durian kampung. *Insya-Allah* dalam masa terdekat, mereka akan pergi ke kawasan Yang Berhormat sebutkan tadi untuk melihat dan membuat sedikit kajian berkaitan keperluan untuk kita memasarkan durian kampung. Saya yakin pandangan Yang Berhormat ini adalah pandangan yang ada pemberatnya dan sudah pasti ini akan kita laksanakan.

#### ■1500

Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan Yang Berhormat bangkitkan yang berkaitan import makanan monopoli dan kartel. Ini sudah pasti menjadi isu yang menjadi teras kepada Kementerian MAFI.

Untuk makluman Yang Berhormat perkara ini juga sedang dibincangkan dalam sesi libat urus bagi memastikan Rancangan Malaysia Kedua Belas yang melibatkan perkara-perkara Yang Berhormat sebutkan tadi akan dimasukkan supaya kalau kita tidak dapat boleh menghilangkan monopoli atau kartel ini, sekurang-kurangnya kita mengurangkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Ini kerana apa? Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan item seperti ikan, ayam dan sayur-sayuran telah mencapai tahap sara diri hampir 100 peratus yang dipanggil kadar *self-sufficiency level* (SSL) atau kadar kecukupan diri. Jadi, saya ingat Yang Berhormat segala

pandangan Yang Berhormat ini akan diambil oleh pegawai-pegawai kementerian dan sudah pasti pandangan Yang Berhormat ini juga akan dipertimbangkan dalam rancangan Malaysia yang seterusnya.

Saya Tuan Yang di-Pertua, ingin membangkitkan tentang isu yang melibatkan Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat Senator Datuk Razali membangkitkan perkara ini. Suka saya maklumkan setakat hari ini, kerajaan hanya membuka pintu masuk kepada *expatriate*, pemegang pas jangka panjang iaitu *permanent resident* dan diplomat asing. Kemasukan lawatan sosial masih ditutup sehingga 20 September 2020. Seramai 1.4 juta orang telah disaring. Sekatan kemasukan dibuat bagi pengembara daripada 23 buah negara kecuali hanya warganegara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 25 Julai kita ada 14 Yang Berhormat pintu masuk antarabangsa yang masuk ke dalam negara kita. Pengembara yang telah tiba berjumlah 408,367 orang. Setakat hari ini yang telah disaring seramai 392,053 orang yang telah dirujuk di hospital hanya 34 orang sahaja. Seramai 36,120 orang telah dirujuk di stesen kuarantin MKN. Apa sahaja yang kita lakukan untuk meredakan peningkatan COVID-19 ini sudah pasti kita lakukan secara bersungguh-sungguh.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa memperlihatkan perkembangan ini untuk memastikan segala keperluan peruntukan untuk memastikan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan akan mendapat kesan yang optimum.

Saya juga ingin bangkitkan penjelasan berkaitan isu yang dekat dengan anak-anak muda yang dibangkitkan oleh Senator Hajah sebentar tadi berkaitan kenapa lantikan doktor dibuat secara kontrak.

Untuk makluman Yang Berhormat, lantikan secara kontrak dilaksanakan selaras dengan Akta Perubahan 1971 untuk membolehkan graduan perubatan diberi penempatan bagi tujuan pendedahan pengalaman melalui latihan siswazah dan khidmat wajib tanpa tertakluk kepada jawatan tetap. Pegawai Latihan Kontrak boleh dipertimbangkan pelantikan tetap bergantung kepada jawatan baharu yang boleh diwujudkan dari semasa ke semasa dan kekosongan jawatan sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KKM sentiasa membuat libat urus dengan pihak JPA dari semasa ke semasa bagi mengatasi isu ini. Saya sudah pasti kerajaan memahami keluh kesah para doktor pelatih dan juga keluarga. Mereka yang sentiasa membangkitkan isu-isu ini dan Kementerian Kesihatan Malaysia sudah pasti amat prihatin perkara ini. *Insya-Allah* perkara ini memang dalam pertimbangan pihak Kementerian Kesihatan dan mereka akan

memberikan perhatian yang tinggi dan keutamaan yang tinggi bagi kita meredakan isu doktor pelatih kontrak ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad juga membangkitkan tentang perkara yang melibatkan isu-isu di kawasan beliau. Mengapa kerajaan bercadang menutup Klinik Kamunting dan berapa klinik desa di kawasan Larut Matang seperti Klinik Desa Pondok Tanjong, Klinik Desa Kuala Trong dan Klinik Desa Padang Gajah.

Untuk makluman Yang Berhormat, klinik komuniti tersebut masih beroperasi seperti biasa. Sehingga kini Kementerian Kesihatan belum menerima permohonan penutupan daripada negeri. Semua permohonan akan dikaji secara terperinci sebelum membuat keputusan penutupan sesebuah fasiliti kesihatan untuk ditutup.

Sudah pasti pandangan Yang Berhormat ini akan dimaklumkan oleh pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan kepada bahagian-bahagian yang berkaitan. Yang Berhormat Senator...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Boleh.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Ini memang ada satu surat sebenarnya daripada pihak pejabat tanah untuk berjumpa dengan pihak penghulu untuk mendapat pandangan. Ini saya tengok ini, mesyuarat menutup fasiliti kesihatan daerah Larut Matang iaitu pejabat kesihatan daerah yang panggil untuk mesyuarat pada 3 September 2020 di Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Tanah Larut Matang iaitu 3 petang, membincangkan untuk hendak mendapat *feedback* ataupun daripada pandangan-pandangan penghulu dan juga daripada JKK supaya setuju atau tidak dengan penutupan ini.

Pada saya patutnya idea ini tak perlu dikemukakanlah. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad. Seperti mana telah saya maklumkan tadi, sebarang permohonan untuk penutupan akan dikaji secara teliti. Sudah pasti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan ada bersama-sama dengan saya. Sudah pasti mereka akan meneliti perkara ini. *Insya-Allah* Yang Berhormat, kita akan beri jawapan secara bertulis supaya Yang Berhormat berkaitan isu yang spesifik Yang Berhormat bangkitkan tadi. Saya yakin kalau ada keperluan di situ sudah pastinya Kementerian Kesihatan di bawah Kerajaan Perikatan Nasional akan mengambil kira tentang kepentingan rakyat untuk kita dahulukan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat juga membangkitkan tentang mengkaji semula *shift* bekerja petugas di klinik kesihatan yang sesak sehingga kekurangan kakitangan. Perkara ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukanlah satu perkara yang baru. Perkara ini semestinya perkara yang telah kita lakukan bagi memastikan klinik-klinik kesihatan,

pusat klinik desa ini mempunyai kapasiti yang mencukupi. Cumanya, apa yang kita sedang lakukan di bawah Kementerian Kesihatan kita membuat slot temu janji kepada pesakit-pesakit supaya isu tempoh menunggu lama dapat kita kurangkan.

Saya mengharapkan sangat Yang Berhormat Senator dan Ahli-ahli Dewan Rakyat kita perlu memaklumkan kepada pesakit-pesakit yang mendapat slot temu janji ini supaya mereka mematuhi slot temu janji. Ini kerana apa, apabila kita menyatakan pada mereka pada pukul 9 mereka sepatutnya hadir pada pukul 9, kerana pukul 10 ada perkara lain. Perkara-perkara ini yang sedang kita lakukan. *Insya-Allah* pada hujung tahun ini, Kementerian Kesihatan akan mengkaji semula perkara-perkara yang mereka telah laksanakan sepanjang tempoh yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi supaya penambahbaikan dapat dibuat. Ini kerana kita ingin mengelakkan kesesakan yang berlaku di hospital dan berlaku di klinik kesihatan desa.

Sudah pasti Yang Berhormat juga amat mengetahui dan saya secara peribadi juga mengetahui perkara-perkara Yang Berhormat bangkitkan tadi. Ini kerana isu kesesakan ini yang cuba dikurangkan oleh Kementerian Kesihatan melalui program slot temu janji. Apa yang paling penting, KKM berharap agar masyarakat mematuhi slot temu janji yang dibenarkan agar tidak berlaku kesesakan disebabkan pesakit datang tidak mengikut slot masa tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani juga membangkitkan tentang isu bank darah. Saya amat memandang tinggi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, kapasiti di Bank Darah Malaysia mesti berada dalam keadaan 6,000 pek, hingga 10 ribu pek darah merah dan untuk bagi keperluan satu Malaysia. Sekiranya kurang itu sebabnya kita banyak lakukan program-program kesedaran, promosi, perkongsian maklumat secara berterusan dengan rakyat supaya mereka mengetahui apakah tanggungjawab sosial mereka untuk memastikan ini.

Ini kerana kita faham, walaupun kita meletakkan *threshold* 6,000 pek hingga 10 ribu pek darah bagi satu-satu masa bagi satu Malaysia, cuma tempoh hayat pek darah merah iaitu 35 hari ke 42 hari sahaja. Manakala plasma dia boleh bertahan sampai dua tahun tetapi platelet hanya boleh bertahan lima hari. Itu saya harap seperti mana Yang Berhormat bangkitkan ini merupakan isu yang penting bagi memastikan keselamatan nyawa rakyat Malaysia dapat dipertahankan.

Saya juga Yang Berhormat ingin membangkitkan juga isu-isu yang berkaitan dengan hospital pengajar yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid. Kenapa peruntukan tambahan diberikan kepada emolumen hospital pengajar dan berapa jumlah peruntukan kepada setiap hospital pengajar?

Untuk makluman Yang Berhormat- izinkan saya memberikan sedikit penjelasan di sini kerana ia melibatkan data-data yang cukup besar. Akan tetapi, *insya-Allah*, pihak Kementerian Kewangan akan memberikan jawapan yang lebih *detail* supaya- seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, data ini perlu diberikan kepada Yang Berhormat supaya Yang Berhormat dapat penjelasan tentang apa yang berlaku berkaitan prestasi kementerian ataupun prestasi kerajaan-kerajaan yang terdahulu.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kekangan hasil kerajaan, beberapa peruntukan bagi peruntukan keperluan tertentu diperuntukkan tidak secukupnya. Walau bagaimanapun, berdasarkan kutipan hasil, kerajaan akhirnya mampu menampung semula keperluan tersebut pada penghujung tahun 2019. Peruntukan bagi hospital pengajar adalah seperti berikut bagi tahun 2020.

Hospital Pengajar	Peruntukan (RM/juta)
PPUM	410
PPUKM	326
HUSM	325
HUIAM	160
'PPUM'	90

Saya fikir, Yang Berhormat, berkaitan detail data yang spesifik ini, saya mohon kepada Yang Berhormat untuk memberi jawapan secara bertulis supaya jawapannya lebih tepat dan mempunyai kewibawaan dari segi maklumat yang disampaikan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip juga bangkitkan tentang rasional tambahan besar untuk sisa pepejal. Untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan mengurus adalah berdasarkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan seperti mana yang saya jelaskan dalam penjelasan yang terakhir tadi. Agihan peruntukan awal yang telah diluluskan untuk KPKT yang tidak mencukupi dapat ditampung berdasarkan kutipan hasil sebenar kerajaan. Berhubung dengan agihan peruntukan untuk negeri-negeri pula, ia tertakluk kepada keadaan semasa. Saya minta dijawab secara bertulis juga kerana pihak kami kena memberi data yang secara teliti supaya data yang dikeluarkan ini ada kewibawaannya, Yang Berhormat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan isu Kementerian Kewangan sendiri. Sudah pasti projek Bandar Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris tadi mempunyai satu perkara yang harus mendapatkan penjelasan kepada rakyat.

Seperti mana Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris sedia maklum, projek Bandar Malaysia berkeluasan 486 ekar dan merupakan satu projek strategik semula bekas tapak Pangkalan Udara Kuala Lumpur yang sedang dibangunkan oleh Bandar Malaysia Sdn. Berhad (BMSB) yang merupakan anak syarikat TRX City Sdn. Berhad. Bandar Malaysia akan menjadi satu projek yang besar bagi memastikan projek Greater Kuala Lumpur yang berasaskan kepada pembangunan berorientasi transit (TOD) dengan rangkaian pengangkutan rel MRT Line 2, HSR, KTM Komuter, *Airport Express Rail Link* dan jaringan lebuh raya utama Kuala Lumpur. Projek Bandar Malaysia dijangka dibangunkan secara berfasa dalam tempoh 25 ke 30 tahun.

Projek Bandar Malaysia adalah projek yang strategik jangka masa panjang dan dibangunkan secara berfasa dan berperingkat dengan anggaran pembangunan kasar- gross *development value*, dengan izin, sebanyak RM140 bilion setelah disiapkan sepenuhnya. Namun demikian, kerajaan yang terdahulu pada 17 April 2019 telah memutuskan untuk meneruskan semula projek Bandar Malaysia selepas ditangguhkan pada Mei 2017 melalui kerjasama strategik dengan syarikat yang memenangi tender sebelum ini iaitu IWH-CREC Sdn. Berhad, atau yang mudah dikenali sebagai ICSB, sebuah konsortium antara Iskandar Waterfront Holdings Sdn. Berhad, dan China Railway Engineering Corp (M) Sdn. Berhad.

Selaras dengan keputusan tersebut, Jemaah Menteri pada 1 November 2019 antara lain telah meluluskan cadangan pemeteraian *reinstated and amended Share Sale Agreement* (SSA), dan *Shareholders' Agreement* (SHA) dengan TRX City Sdn. Berhad, IWH-CREC Sdn. Bhd. dan Bandar Malaysia Sdn. Berhad bagi penjualan sebanyak 60 peratus saham BMSB kepada ICSB.

Kedua, perjanjian tersebut, Yang Berhormat, telah dimeterai pada 17 Disember 2019 dengan nilai jualan bersih sebanyak RM6.45 bilion. Akibat penularan wabak COVID-19, TRXC telah meluluskan permohonan ICSB supaya diberi lanjutan masa- *extension of time*, dengan izin, untuk memenuhi syarat-syarat pembelian daripada 17 Jun 2020 kepada selewat-lewatnya 5 November 2020 dengan EOT pembayaran deposit dan pendahuluan daripada 30 April 2020 kepada selewatnya 15 September 2020.

Setakat hari ini, Yang Berhormat, TRXC telah menerima sejumlah RM1.241 bilion daripada hasil nilai jualan. Baki nilai jualan seterusnya akan diterima secara berperingkat sehingga tahun 2023 seperti mana perjanjian yang dimeterai. *Insya-Allah*, Yang Berhormat, saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat jadual yang lengkap tetapi pada masa ini, Yang Berhormat, pihak ICSB masih belum mempunyai kawalan ke atas operasi dan pengurusan BMSB memandangkan, dengan izin, *fulfillment of condition precedent*, syarat-syarat pembelian yang termaktub di dalam SSA masih belum dipenuhi.

Kementerian Kewangan, TRXC dan BMSB akan memastikan sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan pembangunan Bandar Malaysia, Yang Berhormat, kelak adalah benar-benar memberi faedah kepada rakyat, *people centric* dan menambah nilai substantif kepada ekonomi negara. Saya kira, Yang Berhormat Senator, itulah pandangan dan penjelasan berkaitan dengan Bandar Malaysia yang sudah pasti kembali menjadi tumpuan kepada rakyat.

Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari membangkitkan bilangan Timbalan Menteri menyebabkan peningkatan peruntukan mengurus. Untuk makluman Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini adalah rang undang-undang semasa Kerajaan Pakatan Harapan dahulu. Mereka belanjakan dan hari ini Kerajaan Perikatan Nasional yang kena bawa ke Dewan ini. Sudah pastinya ia tidak melibatkan tambahan mengurus yang disebabkan oleh bilangan Timbalan Menteri. Tambahan ini adalah yang telah dibelanjakan.

Berapa peratus perbelanjaan pembangunan tahun 2020 juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Berapa peratus perbelanjaan pembangunan (DE) tahun 2020? Prestasi perbelanjaan pembangunan (DE) bagi semua kementerian setakat 31 Ogos adalah sebanyak 50 peratus iaitu RM34.1 bilion.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat sekali lagi bangkitkan berkaitan isu penangguhan bayaran balik PTPTN sejak 10 bulan yang lalu. Apakah implikasi kepada PTPTN?

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah yang telah ditangguhkan untuk PTPTN bagi prinsipal adalah RM990 juta, ujrah atau kos pentadbiran adalah sebanyak RM135 juta yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah RM1.125 bilion. Sudah pasti apa yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi itu mengambil kira keperluan dan kehendak anak-anak kita yang berada di pengajian tinggi.

Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid bangkitkan tentang Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] yang tidak dinyatakan secara jelas siapakah pegawai pengawal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] telah menetapkan mengenai tanggungjawab pegawai pengawal ke atas pengurusan kewangan kementerian. Berdasarkan seksyen 15A, Akta 61 ini, Menteri Kewangan akan membuat pelantikan pegawai pengawal yang melibatkan ketua setiausaha kementerian dan ketua jabatan yang berkenaan seperti mana yang ditetapkan oleh Buku Anggaran Perbelanjaan Tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari berkaitan pembangunan di Sabah tidak seimbang dengan pembangunan yang berlaku di Semenanjung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui belanjawan tahunan menyediakan pelbagai jenis program dan projek bagi negeri Sabah khususnya. Dakwaan Yang Berhormat ini agak tidak tepat kerana peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah bajet tahunan bagi tahun 2019, sebanyak RM5 bilion telah diperuntukkan untuk rakyat Sabah, tahun 2020 sebanyak RM5.1 bilion telah dan sedang disalurkan ke negeri Sabah melalui projek dan insentif yang dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian di bawah Kerajaan Perikatan Nasional.

Suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat Senator, berdasarkan negeri-negeri, berapa banyak Sabah dapat. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berbanding negeri-negeri lain, Sabah adalah negeri kedua tertinggi yang mendapat peruntukan daripada pihak Kementerian Kewangan dan pihak Kerajaan Perikatan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk Kementerian Kewangan. Saya yakin dan percaya pegawai-pegawai saya yang berada bersama saya bagi menjawab dan memberi penjelasan ini amat mengambil kira pandangan-pandangan yang diberikan kepada pihak Kementerian Kewangan.

#### ■1520

Sudah pasti kami akan mengambil kira semua pandangan Yang Berhormat ini dan pihak Kementerian Kewangan khususnya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil dan memberi keprihatinan yang tinggi kepada rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan]*

#### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu telah

dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokong?

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**3.22 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Perpaduan?

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan (1) DR. 2/2020 Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Perbelanjaan) 2020, (2) DR. 4/2020 Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019) (COVID-19) 2020 seperti yang tertera di nombor 3, 4 dan Ucapan Penangguhan di muka surat terakhir di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa 22 September 2020.”

**Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2020**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

##### **3.24 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya nyatakan tadi oleh sebab keadaan saya tidak mengizinkan hari ini, atas nasihat doktor izinkan saya untuk meneruskan bacaan usul dalam keadaan duduk, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta bagi menguntukkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 [Akta A1608] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah itu untuk maksud-maksud tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula fungsi kementerian ini selaras dengan pewujudan Kabinet yang baharu pada 10 Mac 2020 yang bertujuan memperkemaskan lagi organisasi dan fungsi kementerian-kementerian terutamanya dalam memberikan tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan lebih berfokus dan berkesan, cekap, peduli rakyat, telus dan berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga kementerian baharu yang diwujudkan iaitu Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air, dan Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian-kementerian ini telah diberikan kod maksud bekalan baharu dalam rang undang-undang ini iaitu B.14, B.33, dan B.64. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah distrukturkan semula menjadi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan mengekalkan maksud bekalan B.23. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim distrukturkan menjadi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan mengekalkan maksud bekalan B.30.

Manakala Kementerian Pendidikan distrukturkan semula di mana fungsi pendidikan tinggi telah dikeluarkan daripada kementerian. Kementerian Pendidikan masih mengekalkan maksud bekalan B.63 dalam pada masa itu satu kementerian telah dibubarkan iaitu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula ini melibatkan perpindahan program dan agensi di antara kementerian dan bagi program-program yang telah disusun semula di bawah maksud bekalan yang baharu. Baki peruntukan program-program terlibat di kementerian lama perlu dipindahkan kepada maksud bekalan yang baharu. Oleh itu, perkara ini perlu dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan penyesuaian peruntukan tahun 2020 tersebut tanpa menjelaskan jumlah peruntukan yang telah diluluskan terdahulu.

Apa yang berlaku hanyalah pengubahsuaian kedudukan program-program dalam maksud-maksud bekalan tertentu sahaja selaras dengan Perkara 100, dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan, maka penguntukan semula peruntukan perbelanjaan ini bagi maksud-maksud yang terlibat dibentangkan melalui Akta Perbekalan ini. Bagi program yang dipindahkan ke kementerian baharu, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan waran sekatan terhadap baki peruntukan yang belum dibelanjakan kepada kementerian asal berdasarkan baki peruntukan pada 30 April 2020, bagi program atau aktiviti yang terlibat.

Sekatan ini dilakukan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2020 yang disekat adalah sebanyak RM7,184,083,200. Jumlah yang sama juga telah dicadangkan untuk diperuntukkan semula kepada kementerian-kementerian yang menerima program-program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perincian peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2020 yang disekat adalah seperti berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Perbelanjaan (RM/Juta)</b>
B.6 – Jabatan Perdana Menteri	359.2
B.10 – Perpendaharaan	82.6
B.15 – Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	336
B.23 – Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	155.4
B.30 – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	253.9
B.32 – Kementerian Wilayah Persekutuan	70.3
B.46 – Kementerian Sumber Manusia	2.8
B.63 – Kementerian Pendidikan Malaysia	5,923.3

Tuan Yang di-Pertua, perincian kepada cadangan anggaran penguntukan semula peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2020 sebanyak RM7,184,083,200 yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Peruntukan sebanyak RM310,621,700 untuk Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan dari Perbendaharaan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Peruntukan sebanyak RM17,253,000 di bawah Maksud B.10 Perbendaharaan untuk perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM2,405,900 untuk Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dan Kementerian Pendidikan. Peruntukan ini dipindahkan kepada Maksud B.11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai langkah kawalan perbelanjaan.

#### ■1530

Peruntukan sebanyak RM240,452,000 untuk Maksud B.14 – Kementerian Perpaduan Negara adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM189,165,000 di bawah Maksud B.22 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM102,603,900 untuk Maksud B.23 – Kementerian Tenaga dan Sumber Asli untuk menampung perbelanjaan bagi perbelanjaan program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Peruntukan sebanyak RM12,410,600 untuk B.30 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Peruntukan sebanyak RM305,993,400 untuk Maksud B.33 – Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk menampung perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Peruntukan sebanyak RM70,366,000 di bawah Maksud B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiayai perbelanjaan bagi program yang telah dipindahkan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan; dan peruntukan sebanyak RM5,922,811,700 untuk Maksud B.64 – Kementerian Pengajian Tinggi untuk menampung perbelanjaan yang telah dipindahkan daripada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lanjut mengenai penyesuaian peruntukan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 adalah seperti dalam Penyata Anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas 4/2020 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

**Tuan Yang di-Pertua:** Sokong ya?

**Dato' Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020 [Akta A1608] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas.

### **3.34 ptg.**

**Tuan Liew Chin Tong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020. Ini sebenarnya satu perkembangan selepas Kabinet dibentuk pada 10 Mac tahun ini berikutan Kerajaan Perikatan mengambil alih. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan berkenaan dengan apa yang kita harap dapat dicapai dalam sistem pentadbiran negara ini.

Dalam pemerintahan Pakatan Harapan, ada beberapa usaha untuk memperbaiki sistem pentadbiran dan sistem politik kita yang membawa kita ke krisis 1MDB. Kenapa berlaku krisis 1MDB? Krisis 1MDB berlaku kerana kuasa Perdana Menteri terlalu kuat dan tidak dihalang oleh

apa-apa batasan. Itu adalah apa yang telah berlaku dan mengakibatkan krisis 1MDB sampai tidak ada semakan. Saya rasa ini sebenarnya juga tajuk tesis Tuan Yang di-Pertua pada tahun 1991.

Di bawah pemerintahan Pakatan Harapan, Jabatan Perdana Menteri telah dikurangkan daripada segi lantikan Menteri yang mana tiga orang Menteri dilantik dalam pemerintahan Pakatan Harapan di JPM dan tiga orang Timbalan Menteri dilantik. Sebelum itu, di bawah Kerajaan Barisan Nasional, 10 orang Yang Berhormat Menteri dan tiga orang Yang Berhormat Timbalan Menteri dilantik di Jabatan Perdana Menteri.

Sekarang ini ada lima orang Yang Berhormat Menteri dan lima orang Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Daripada keseluruhan Kabinet atau Jemaah Menteri, Jemaah Menteri Pakatan Harapan mempunyai seramai 27 orang Menteri, tidak termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang seramai 32 orang Yang Berhormat Menteri tidak termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jumlah *front bench* atau jumlah ahli pentadbiran sekarang ialah seramai 70 orang berbanding dengan seramai 55 orang ketika era Pakatan Harapan. Saya rasa ini adalah rekod yang penting untuk kita memahami apa yang kami cuba pada pentadbiran Pakatan Harapan iaitu mengurangkan kuasa Perdana Menteri dan menjalinkan atau mewujudkan satu suasana yang mana Jemaah Menteri lebih seimbang dan Menteri-menteri diberikan ruang lebih besar untuk menghalang atau mengelakkan pengulangan krisis 1MDB kerana terlalu kuatnya kuasa Perdana Menteri.

Semasa pentadbiran Pakatan Harapan, Perdana Menteri tidak menjawat jawatan Menteri Kewangan dan juga pada masa itu diwujudkan satu Kementerian Ekonomi supaya Unit Ekonomi ataupun EPU dikeluarkan daripada JPM dan dijaga oleh seorang Menteri yang diberikan kuasa yang agak besar. Ini semua usaha untuk mengimbangkan Kabinet atau kuasa di dalam Jemaah Menteri yang saya kesal tidak berlaku di dalam Kabinet atau Jemaah Menteri Perikatan Nasional.

Saya kesal bahawa Kementerian Ekonomi dimansuhkan. Kementerian Ekonomi adalah suatu institusi yang baik untuk menjadi *check and balance* dan persaingan kepada Kementerian Kewangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Perimbangan. Yang Berhormat, perimbangan.

**Tuan Liew Chin Tong:** Perimbangan. Suatu perimbangan kepada kuasa Perdana Menteri. Saya rasa ini adalah suatu perubahan pada 10 Mac yang perubahan pada 10 Mac ini dikesali. Saya harap kalau Perdana Menteri akan ubah suai Jemaah Menteri beliau ataupun sesiapa yang menjawat jawatan Perdana Menteri selepas ini mengambil kira bahawa Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi adalah penting dalam sistem pentadbiran kita

yang mana Kementerian Kewangan adalah pihak yang menguruskan bajet atau belanjawan pengurusan.

Kementerian Ekonomi adalah kementerian yang menguruskan dana pembangunan. Kedua-dua ini tidak harus di bawah kuasa Perdana Menteri dan harus dijawat oleh pemimpin politik yang berpengalaman dan berwibawa.

■1540

Sekarang ini Menteri Kewangan adalah bukan seorang ahli politik dan dia sememangnya ejen bagi Perdana Menteri di kementerian tu. Ini saya rasa tidak akan bantu kita mengelakkan masalah yang berlaku pada krisis 1MDB. Sebagai satu negara, kita harus belajar daripada ajaran dulu supaya kita tidak ulangi apa yang berlaku dulu.

Saya juga ingin cadang bahawa penstrukturran kerajaan sekarang atau Jemaah Menteri sekarang kepada empat kluster dan saya mengalu-alukan perancangan ini. Empat kluster yang ada sekarang ialah kluster keselamatan, kluster ekonomi, kluster sosial dan kluster infrastruktur. Ini adalah satu perkembangan yang dialu-alukan kerana cara ini akan memberikan tumpuan terhadap isu-isu yang fokus. Akan tetapi tidak boleh sampai di situ sahaja, ada lagi yang penting ialah untuk sistem pentadbiran berdasarkan kluster ini lebih dimantapkan dengan institusi-institusi yang lebih ketat dan cuba untuk mengelakkan masalah *silo mentality*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba ringkaskan, tiga minit.

**Tuan Liew Chin Tong:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pentadbiran kita, ada terlalu banyak keadaan di mana kita mengambil sikap *silo mentality*. Kita hanya jaga kementerian kita sendiri, kita di antara pegawai awam ataupun di antara Menteri, kita jaga kementerian kita sendiri dan tidak ada holistik ataupun *whole of government*. Satu pentadbiran yang secara keseluruhan untuk menyelesaikan masalah rakyat dan juga membawa negara ke tahap yang lebih tinggi.

Saya mencadangkan bagi sektor keselamatan, Majlis Keselamatan Negara harus bermesyuarat setiap minggu dan bukan sekali dalam tiga bulan. Sekarang ini MKN bermesyuarat tiga bulan sekali, sidang MKN. Akan tetapi seharusnya MKN harus bermesyuarat setiap minggu dan mencontohi MKN ataupun *National Security Council* di *United Kingdom*, Australia dan Jepun yang baru-baru ini mengubahsuaikan struktur mereka sejak 10 tahun yang lalu.

Saya juga cadangkan sektor ekonomi perlu ambil kira bahawa bukan sahaja Kementerian Ekonomi, tetapi kementerian seperti Kementerian Pelancongan. Kementerian lain juga harus diberikan tempat dalam *Economic Action Council* (EAC). Dalam EAC sekarang ini Kementerian Sumber Manusia tidak termasuk dalam EAC.

Akan tetapi EAC sebenarnya tempat di mana Perdana Menteri Perikatan Nasional membuat keputusan ekonomi. So, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pelancongan, mereka yang terlibat dalam menjana pekerjaan harus dibawa ke dalam *Economic Action Council* dan dalam majlis ini sasaran nombor satu EAC, harusnya ialah berkenaan dengan pekerjaan, terutamanya dalam keadaan selepas krisis COVID-19. Bersama itu juga, sektor sosial dan sektor infrastruktur perlu diadakan satu sistem yang lebih ketat dan lebih berkesan.

Dulu terlalu banyak Jawatankuasa Kabinet. Sebenarnya struktur Jawatankuasa Kabinet ini tidak semestinya memberikan konsistensi ataupun membawa idea *whole of government* atau kerajaan yang secara keseluruhan. So, saya harap apa yang tidak memuaskan dalam pembentukan Jemaah Menteri pada 10 Mac 2020 boleh dibaiki dan juga apa yang baik, iaitu pentadbiran secara kluster perlu diperkasakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan perlunya kita mengadakan- kekangan masa sedikit susulan kepada usul yang dikemukakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan.

Saya mohon supaya Ahli Yang Berhormat menjurus kepada kepala-kepala tertentu ataupun isu-isu yang khusus bagi kementerian berkenaan supaya debat kita mencerminkan *efficiency* ataupun kebolehan kita menjalankan tugas mengikut persis.

Silakan, saya tidak membaca nama-nama sebab itu bukan selaras dengan peraturan mesyuarat. Jadi barang siapa yang telah memohon untuk berucap, silakan dan yang boleh dipertimbangkan 10 minit dan tiga minit sebelum habis, saya akan ingatkan Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang berdiri.

### 3.50 ptg.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sekali lagi saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 di Dewan Negara yang mulia ini.

Seperti mana yang saya bahas terdahulu, bahwasanya Tuanku Yang di-Pertuan Agong telah melaksanakan satu tanggungjawab yang penuh bijaksana di bawah Perkara 43, Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa budi bicara kepada Baginda Tuanku untuk melantik seorang Perdana Menteri yang baharu pada hematnya mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Seperti mana yang kita ketahui di dalam Dewan Negara yang mulia ini, langkah penuh berhemah Tuanku Yang di-Pertuan Agong yang akhirnya saya sifatkan sebagai pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Sri Muhyiddin bin Md. Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan, bertepatan dan pragmatik.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baharu, maka sudah tentu adanya perubahan baharu seperti mewujudkan kementerian baharu dengan situasi semasa dan keperluan semasa. Maka saya percaya, ia pastinya membabitkan dalam soal sistem penyampaian kerajaan untuk lebih mantap dan efisien selain memastikan pertindihan fungsi antara kementerian dapat diminimumkan.

Perkara ini sangat jelas kerana kewujudan kementerian baharu seperti Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air serta mewujudkan semula Kementerian Pengajian Tinggi adalah bertujuan untuk memperkemaskan jentera perkhidmatan kerajaan. Seperti mana yang kita ketahui, Kementerian Perpaduan Negara sebenarnya bukan kementerian baharu. Ia pernah diwujudkan pada tahun 1972 dan pada tahun 1980, ia sudah distrukturkan sebagai Jabatan Perpaduan dan Rukun Tetangga dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Contoh lain, Kementerian Alam Sekitar dan Air pula berperanan dalam menerajui pengurusan air secara mampan dan kelestarian alam sekitar serta memulihara alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan, sudah beberapa kali digabungkan dan dipisahkan. Jadi saya melihat perlu adanya KPT dan KPM semula untuk menjadi entiti berasingan dalam memperkasakan pendidikan negara. Di kesempatan ini juga, saya suka mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan Kementerian Belia secara khusus dan juga Kementerian Sukan serta mengembalikan Kementerian Penerangan dan saya juga suka mencadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan satu Kementerian Peribumi. Pohon penjelasan dengan syor yang saya utarakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi kementerian baharu ini saya yakin, konsep penyampaian perkhidmatan kementerian sedang melalui proses perubahan semula termasuk pendekatan inovasi yang pesat bagi menghadapi cabaran yang semakin kompleks.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Mohon pencerahan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat boleh mencelah? Membuat penjelasan.

■1550

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon penjelasan, baik.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Mohon penjelasan.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar tadi Yang Berhormat sebut berkenaan dengan Kementerian Peribumi. Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat apakah fungsi dan peranan gambaran sekarang Yang Berhormat sebutkan tadi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Yang Berhormat Menteri hendak jawab tetapi gambaran sebenarnya ialah untuk memberi tumpuan kepada khusus Bumiputera, Orang Asal, kaum-kaum yang berada di negara kita termasuk Sabah dan Sarawak.

Oleh sebab sekarang kita lihat yang kontrol Orang Asal ini, dengan izin, JAKOA. JAKOA ini berapa sangat bajet yang sebenarnya? Akan tetapi, kita melihat secara keseluruhannya pihak kerajaan perlu mewujudkan satu kementerian khusus untuk Peribumi yang mana kita dapat memberi pulangan kepada penduduk asal negara kita. Saya rasa itu satu perkara yang penting.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Mahu sokong.

**Datuk Razali bin Idris:** Perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak mohon apa Yang Berhormat?

**Puan Asmak binti Husin:** Penjelasan.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Penjelasan.

**Puan Asmak binti Husin:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun kalau Yang Berhormat mahu memberi jalan.

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak, masalahnya masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah. Saya sudah beritahu tadi...

**Puan Asmak binti Husin:** Sedikit sahaja.

**Datuk Razali bin Idris:** Cakap 10 minit kita tambahlah. Saya persilakan. Sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Bila bercakap tentang penubuhan Kementerian JAKOA dan sebagainya tadi, saya rasa yang patut diutamakan dalam penubuhan kementerian adalah Kementerian Hal Ehwal Islam. Oleh sebab Kementerian Hal Ehwal Islam ini ada sebanyak 14 buah agensi yang besar paling banyak antara seluruh kementerian. Sekian, terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Jadi, saya setuju lah dengan cadangan dia itu iaitu tubuh satu lagi kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab pendek-pendek sahaja Yang Berhormat supaya masa tidak hilang. Silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Dia kacau saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya yakin dan percaya kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mahu semua penjawat awam perlu bersama-sama dengan kementerian yang baharu ini untuk meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dan supaya melaksanakan tugas sebaik mungkin.

Saya juga berharap menerusi kementerian baharu ini, sektor awam yang diterajui oleh Ketua Setiausaha Negara untuk turut mengambil semula penambahbaikan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) serta Panduan Kerja Sektor Awam bagi mengganti PKPA di samping panduan mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras dengan kehendak kementerian yang baharu di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional.

Inisiatif penambahbaikan ini adalah pendekatan baharu yang perlu dilaksanakan secara komprehensif. Saya percaya ia perlu dibuat serta mengambil kira cabaran dan perubahan semasa sama ada di peringkat global atau domestik seperti gelombang teknologi digital ekspektasi rakyat, dominasi golongan milenium dan Revolusi Industri 4.0.

Saya berharap menerusi perubahan dan inovasi kementerian baharu ini akan mempertingkatkan reformasi perkhidmatan awam dengan menambah baik segala tadbir urus serta mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan bagi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kecekapan perkhidmatan awam. Perkara ini hendaklah dilaksanakan pada semua peringkat jawatan. Meningkatkan integriti berakauntabiliti, menguatkusakan pengurusan kewangan awam yang berhemah dan memperkuuhkan penyampaian perkhidmatan awam untuk memastikan kerajaan sekarang mestilah mempunyai sistem pentadbiran yang cekap, telus dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap penjawat awam perlu berfikir secara kreatif dan inovatif bagi menambah baik proses kerja sedia ada dalam menyampai perkhidmatan yang efisien serta efektif. Pada masa yang sama, perlu kita sentiasa mendukung prinsip integriti dan ketelusan dalam setiap perkara kerja setiap hari. Karenah birokrasi, ketidakcekapan perkhidmatan dan penyampaian selain isu berkaitan integriti yang membabitkan penjawat awam sering memberi imej yang negatif terhadap perkhidmatan awam.

Perkara ini menuntut semua penjawat awam perlu sentiasa peka dan responsif dengan keperluan rakyat secara menyeluruh. Manakala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut untuk membangkitkan ekonomi dengan pantas maka kebiasaannya proses kerja sebulan disingkatkan kepada seminggu. Bayangkan betapa bersungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin melihat negara kita Malaysia berjaya dengan pantas dan jangan

terpengaruh dengan diayah pihak di sebelah sana. Dengan itu, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

### 3.55ptg.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan RUU ini yang bagi saya merupakan suatu RUU penting untuk diberi perhatian lebih-lebih lagi dalam senario kedudukan dan kewangan negara kita. Bukankah jumlah peruntukan sebanyak RM7.184 bilion ini agak terlalu tinggi memandangkan negara sedang menghadapi tekanan ekonomi disebabkan pandemik COVID-19? Pengangguran dan hasil cukai negara yang lebih rendah.

Perbelanjaan sebesar ini sudah tentu akan mengurangkan keupayaan negara untuk mengurus langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ekonomi negara serta keselesaan hidup rakyat. Alasan bahawa RUU dibentangkan bagi memantapkan sistem penyampaian kerajaan selain memastikan pertindihan fungsi antara kementerian dapat diminimumkan adalah sukar diterima.

Menurut RUU ini berikutan pembentukan kabinet baharu pada 10 Mac 2020 beberapa kementerian telah disusun dan dinamakan semula selain penubuhan beberapa kementerian baharu dan ada kementerian dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain? Kami rasa langkah ini tidak perlu atas faktor kewangan negara. Secara ringkas, satu contoh iaitu Kementerian Sains Teknologi atau dahulu dipanggil Kementerian Tenaga, Sains Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang diketuai oleh mantan Yang Berhormat Menteri seorang wanita. Sekarang ini dipecahkan tiga, Kementerian Sains dan Teknologi, Tenaga dan Alam Sekitar.

Secara ringkas adalah ini satu pengakuan yang jelas bahawa wanita lebih mampu menjalankan kementerian lebih besar daripada kaum lelaki? Bahawa kementerian ini harus dipecahkan menjadi tiga kementerian individu. Syabas kepada wanita kita sini. Pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac yang terlalu besar dilihat tiada keperluan pun. Justeru, kami melihat tambahan peruntukan untuk jawatan-jawatan baharu di kementerian suatu pembaziran.

Rakyat melihat tindakan kerajaan untuk menambah bilangan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri termasuk melantik beberapa individu sebagai duta khas bertaraf Yang Berhormat Menteri sebagai suatu pembaziran ketika negara berdepan kemelesetan ekonomi akibat COVID-19 dan keadaan politik yang tidak beberapa stabil. Jelas di

sini pihak kerajaan telah tambah bilangan anggota kabinet kerana kepentingan politik dengan tidak mengambil kira kemampuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah perlu sesetengah kementerian dipecahkan kepada dua atau tiga untuk pengurusan negara? Atau dilakukan semata-mata untuk menjadi jawatan kepada ahli-ahli yang menyokong kerajaan masa kini? Kalau dahulu Kerajaan PH apabila tubuh kerajaan yang dikurangkan bilangan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi sekarang dalam pendapatan kerajaan kurang ditambahnya Yang Berhormat Menteri sehingga lebih 30 setiap kementerian pula diwujudkan dua jawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ada pula Yang Berhormat Menteri istimewa yang menjadi Yang Berhormat Menteri Kanan dan ada individu dilantik sebagai duta bertaraf Yang Berhormat Menteri. Kononnya hendak jaga perhubungan tertentu dengan negara Timur dan di Timur Tengah atau Asia Barat. Malah...

■1600

**Tuan Yang di-Pertua:** Timur tengah?

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** *Middle East*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan '*Timur Tenge*', tetapi "Timur Tengah."

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Timur Tengah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Ya. Timur Tengah. Kerajaan sepatutnya kekurangan perbelanjaan supaya negara mengalami defisit terlalu tinggi. Perbelanjaan berhemah dan semangat berjimat cermat adalah urutan harian semasa ketidaktentuan ekonomi. Kesan daripada COVID-19, hasil pendapatan negara juga tidak dapat dikutip menambahkan lagi beban kewangan negara. Kutipan cukai tidak dapat dibuat macam biasa kesan daripada COVID-19 ini. Ini bermakna kerajaan kekurangan wang dengan teruk yang tidak pernah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, jika diambil kira situasi ekonomi dan pendapatan negara kini yang terjejas akibat COVID-19, kerajaan tidak seharusnya menambahkan lagi perbelanjaan negara dan tidak perlu diadakan terlalu ramai menteri dan pecahan kementerian kerana ia memberi implikasi kewangan kepada negara. Jelas bahawa tindakan kerajaan menambahkan bilangan Ahli Kabinet dan membentuk kementerian-kementerian baharu dilakukan tanpa mengambil kira kemampuan kewangan semasa dan nampaknya ia lebih berbaur politik. Maka, saya dengan rendah diri menolak sama sekali rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolak ya?

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Tolak. Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, nampak itu [Ketawa]

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Masih dalam keinginan? Silakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

#### 4.01 ptg.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam merdeka kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan Senator sekalian. Bagi saya berucap mengenai Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Perbelanjaan) 2020.

Kita sedar kerajaan baru bertukar tangan pada 10 Mac 2020. Sudah tentu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baharu dengan panggilan manjanya, sinonimnya, dengan izin, PM Abah akan menggunakan kebijaksanaan dia untuk menstrukturkan semula kementerian-kementerian, menubuahkan kementerian-kementerian berdasarkan kepada cita rasa dia. Itulah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau saya sendiri pun dilantik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya pun akan menyusun kementerian-kementerian mengikut cita rasa saya.

Jadi dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, saya faham dalam kes ini setakat ini kerajaan belum lagi meminta untuk mengadakan peruntukan tambahan. Saya jangka kemungkinan peruntukan ini dimohon sebelum Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Bajet 2021. Sebelum itu kemungkinan akan ada permohonan untuk peruntukan tambahan. Biasanya begitu tiap-tiap tahun.

Cuma kali ini, kerajaan dia *readjust*, dengan izin, dahulu tidak ada kementerian maka, dipindahkan daripada kementerian umpamanya. Dahulu dilonggokkan dalam Kementerian Pendidikan. Bilamana dia menubuahkan Kementerian Pengajian Tinggi dan saya rasa ini satu tindakan yang bijak maka, mesti diadakan dipindahkan peruntukan daripada Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Begitulah juga penjenamaan semula beberapa kementerian.

Maka setakat ini rang undang-undang ini belum lagi membicarakan tentang peruntukan tambahan. Berbeza dengan rang undang-undang pertama tadi. Rang undang-undang pertama tadi memang membicarakan tentang perbekalan tambahan penguntukan semula untuk 2019 yang dibelanjakan selepas bajet dibaca sehingga ke akhir tahun. Makna dalam masa tiga bulan itu, 7.0 berapa bilion tadi digunakan kerana masa bajet dibentangkan kemungkinan masa itu

belum terfikir hendak belanja sebanyak RM7 bilion dan rang undang-undang pertama tadi. Akan tetapi yang ini belum melibatkan apa-apa tambahan bajet, *insya-Allah*.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada B.23 Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan B.43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada 28 Ogos 1994, Jemaah Menteri yang bersidang pada hari tersebut telah bersetuju dan memberi mandat kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan dipertanggungjawabkan untuk mengurus pemetaan utiliti negara kerana untuk menghalang, mengawal daripada kerosakan-kerosakan yang berlaku pada utiliti negara.

Di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaflah, saya adalah juru perunding pertama di dalam negara kita yang menjalankan kerja-kerja ukur utiliti bagi pihak Binariang pada waktu itu. Nama sebelum *Maxis* adalah Binariang daripada KLIA sampai ke Kuala Lumpur. dalam tahun 1993 tidak silap saya.

Ini kerana saya sudah lihat bahawa kebanyakan kerja-kerja yang dilantik oleh JKR pada waktu itu, dilantik oleh Majlis-majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Daerah pada ketika itu, dilantik oleh Jabatan Pengairan dan mana-mana agensi yang melantik kontraktor kebanyakannya kontraktor-kontraktor ini telah merosakkan utiliti-utiliti tersebut sehingga berlaku berbagai-bagai kemalangan, pecah paip air menyebabkan satu daerah tidak menerima air. Meletupnya kabel elektrik menyebabkan bergelap satu daerah dan sebagainya.

Tambahan pula, bilamana diperkenalkan teknologi *fiber optic*, dengan izin, maka kerja-kerja pemetaan utiliti ini lagi diperlukan dan dikehendaki. Bahkan Jabatan Ukur telah diberi mandat untuk menjaga, mengawal, dengan izin, *custodian of the utility mapping data*. Oleh kerana Jabatan Ukur dan Pemetaan kalau di Sabah dan Sarawak dikira Jabatan Tanah dan Ukur untuk sahabat-sahabat Senator di Sabah dan Sarawak.

Ia telah diberi mandat untuk menjaga peta-peta, data-data aras bumi yakni data-data hak milik, data-data peta Syit Piawai dan peta petrografi. Terbukti lebih daripada 100 tahun Jabatan Ukur dan Pemetaan diamanahkan untuk menjaga peta-peta tersebut, *alhamdulillah* tidak ada mana-mana pihak jabatan dan pihak mana-mana mempertikaikan keupayaan, kemampuan Jabatan Ukur dan Pemetaan singkatan JUPEM ini.

Saya menyeru pada kali ini, saya bukan menyeru, saya mencadangkan pada kali ini. Oleh sebab kita tahu tahun ini pendapatan negara akan mengalami satu kemerosotan yang besar maka saya mencadangkan supaya ada telemetri, dengan izin, antara Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ini kerana sekarang ini mana-mana pembangunan yang hendak dilaksanakan maka Bahagian Perancang Majlis-majlis Perbandaran ini, Majlis-majlis Bandaraya ini dan juga Majlis-

majlis Daerah ini akan menetapkan syarat supaya mana-mana pemajuan yang hendak dilaksanakan maka mesti menyertakan pelan ataupun peta utiliti untuk kawasan yang hendak dibangunkan, untuk mengelakkan daripada kerosakan gangguan pada utiliti-utiliti tersebut. Walaupun utiliti-utiliti tersebut berada umumnya pada rizab-rizab jalan hak milik JKR atau hak milik Majlis-majlis Bandaraya, hak milik Majlis Perbandaran dan juga hak milik Majlis-majlis Daerah.

Jadi, di sinilah perlu kepada kebijakan kerajaan. Oleh sebab sudah dipersetujui pada 1994 JUPEM sebagai *custodian*, dengan izin, dan Majlis Kerajaan Tempatan ini mewajibkan pemetaan tersebut dibuat oleh JUPEM. Maka apakah tidak bolehkah kerajaan Putrajaya melalui mesyuarat Majlis Tindakan Negara mohon kerjasama yang erat antara Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan juga Majlis-majlis Kerajaan Tempatan supaya *share*, dengan izin, *share the data*.

#### ■1610

Oleh sebab, kalau kerajaan hendak membelanjakan untuk mengadakan pemetaan utiliti tersebut, saya ingat RM10 bilion pun tidak cukup, dengan izin. Inilah kebijaksanaan perlu, dengan tidak semena-mena, Allah hendak bagi rezeki pada kita, kita boleh *share the data* dengan izin *and the same time*, dengan izin, pada waktu yang sama, Jabatan Ukur dapat data-data tersebut, dia jaga, dia *up-to-date* kerana Jabatan Ukur telah pun berpengalaman dan dibuktikan berjaya untuk menjadikan *custodial* kepada data-data pelan-pelan ukur yang lain.

Oleh sebab itu saya ingin merujuk satu firman Allah SWT dalam surah Al-Mukminun... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Berjayalah orang-orang yang beriman. Apa dia? Bila mana dia diberi amanah, bila mana dia berjanji, maka dia jaga amanah itu betul-betul dan dia tunai janji itu betul-betul.

Oleh sebab itu dalam kes ini, oleh sebab saya melihat pada kelompongan pendapatan kerajaan, saya minta sangat-sangat supaya Kementerian Tenaga dan Sumber Asli bersama-sama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bersama dengan seluruh kerajaan-kerajaan negeri kerana tiap-tiap Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah tersebut walaupun mempunyai kerajaan berbeza antara Putrajaya dan negeri-negeri masing, tetapi masih ada peruntukan yang peruntukan wajib yang diberikan oleh kerajaan pentadbiran Putrajaya pada tiap-tiap sama ada Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah. Ada peruntukan wajib mengikut panjang jalan dia, mengikut jalan-jalan majlis-majlis ini dan sebagainya.

Jadi sebab itu jangan timbul lagi isu, itu kementerian lain, ini kementerian lain. Kalau itu jawapan Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang ini, maka saya tidak peliklah kalau

Indonesia meninggal kita sehari semakin jauh, sehari semakin jauh. Ini kerana kita tengok di Indonesia umpamanya, mereka boleh mem *produce*, dengan izin, satu syarikat IT. Walaupun nampak *simple*, Gojek di mana salah seorang pengasasnya telah dilantik oleh Jokowi sebagai Menteri Pendidikan sekarang ini. Kalau tidak silap saya, saya tidak sebab *print*. Nama dia Nadiem Anwar Makarim, orang Muslim dilantik sebagai Menteri Pendidikan. *Value*, dengan nilai, nilai syarikat dia sekarang ini, Gojek US15 bilion. Akan tetapi kita di Malaysia ini, kita mendahului Indonesia.

Saya ingat lagi semasa saya menjadi Ahli Parlimen 1999, antara negara yang terawal mencanangkan *Multimedia Super Corridor* (MSC) Indonesia tidak tahu, *tah* nombor berapa masa dulu, duduk sebelah bukit mana pun saya tidak tahu lagi masa itu. Akan tetapi sekarang Jokowi dalam tujuh, lapan, sembilan, sepuluh ucapan dia, sudah berapa kali dia *demand*, dia *claimed*, dengan izin, kita sudah mengatasi Malaysia, kita sudah mengatasi Malaysia. Walaupun kita hina yang mari-mari datang kerja ini, ini kelapa sawit punya itu, *construction* punya buruh. Akan tetapi dalam banyak sektor, dia telah mendahului kita.

Oleh sebab itu saya hendak minta pada kali ini, demi menjimatkan wang negara, demi mengemasakan data-data pemetaan utiliti untuk apa jua pun perancangan, saya mohon kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin atau panggilan sinonimnya PM Abah supaya telemetri ini, telemetri antara kementerian-kementerian ini jangan dijadikan alasan untuk tidak melaksanakan tugas dan juga keputusan yang telah dicapai melalui sidang Jemaah Menteri pada 28 Ogos 1994.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya *dok* tengok sekarang ini kita di bawah kementerian walaupun sudah dijenamakan berbagai-bagai jenama, akhirnya tidak apalah, timbul nama B.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan saya hendak kaitkan dia juga dengan B.64 Kementerian Pengajian Tinggi. Sepatutnya kedua-dua kementerian ini macam kembar. Kalau satu hendak buat cara dia, yang satu lagi hendak buat cara dia, saya fikir universiti pun entah tak ke mana, inovasi pun tak ke mana.

Sebagai satu contoh, kita cubalah belajar-belajar buat satelit, Razak TiungSAT, kita buat bagus kerana pandangan para-para saintis siapa yang menguasai angkasa, maka dia akan menguasai ekonomi dunia. Itu betul. Oleh sebab itu Amerika Syarikat dengan GPS, Rusia dengan GLONASS, Europe, Kesatuan Ekonomi Eropah dengan Galileo, China dengan BeiDou dia dan semua negara maju ini dia sudah angkasa lepasnya, satelit dia sudah kalau semuanya, walau tidak sampai 100, kebanyakannya 34. Jepun, China dengan Amerika Syarikat berebut-rebut dari sudut menghantar satelit di angkasa lepas.

Kita cuba satu TiungSAT gagal. Tidak apa, gagal itu bukan bermakna gagal selama-lamanya. Akan tetapi kita hendak beritahu inovasi kita. Kalau kita hendak berjaya, sudah barang tentu kementerian yang dinamakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mesti berganding bahu membantu dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Ini kerana saya tengok Kementerian Pengajian Tinggi ini setakat hari ini minta maaf sahabat saya Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah, saya sekarang ini sedang mengikuti Diploma Lanjutan Ukuk Hidrografi Antarabangsa yang berpangkalan di Monaco, *International Hydrographic Organization* selama setahun. Lima hari seminggu belajar *online*. Umur saya 60, *alhamdulillah* dapat merasai belajar *online*. Mulai bulan Oktober, November, Disember, lima hari seminggu saya kena berada di laut menggunakan vessel Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama, vessel kepunyaan Pusat Hidrografi Nasional.

Jadi saya tengok bahawa kebanyakan perisian yang dilahirkan, semua kita jiplak, dengan izin, ataupun kita terpaksa beli daripada negara-negara lain. Oleh sebab itu Kementerian Pengajian Tinggi berfokuslah, sekarang apa sektor-sektor yang begitu mengawal ekonomi dunia. Kita tengok, dengan izin, orang nombor satu sampai nombor empat, nombor lima, kaya dalam dunia. Pertama, Jeff Bezos- *Amazon*, yang kedua Bill Gates- *Microsoft*, yang ketiga Mark Zuckerberg- *Facebook*, yang keempat Elon Musk- *TESLA*, kereta elektrik, orang *South Afrika* itu rasa. Di Asia, orang paling kaya mengikut rekodlah, kalau dulu semua Li Ka-shing. 30 tahun Li Ka-shing jadi orang terkaya di Asia, daripada Hong Kong melalui Hutchison Whampoa Limited dia itu, hartanah.

Akan tetapi sekarang tidak. Yang jadi kaya orang Asia siapa, Jack Ma- *Alibaba*, 'Ten Seng'- siapa? *TikTok*, siapa? *Huawei*. Semua teknologi sedangkan kita 1997 sudah *start* sudah Multimedia Super Corridor tetapi pada waktu itu kadar *penetration* kita rendah sehingga *Singapore*, dengan izin, sehingga *Dubai* dan *Korea* dia tahu peluang di situ, maka dia telah lebih awal daripada kita menggunakan 3G, 4G dan seterusnya 5G. Sekarang ini kita masih 4G. China sudah berapa G dalam sistem *Huawei* dia.

Oleh sebab itulah saya minta supaya kerajaan beri fokus, beri kepercayaan kepada universiti-universiti kita kerana banyak universiti berasaskan *research*, dengan izin, di Malaysia ini. Umpamanya kita kata Universiti Malaysia Terengganu, walaupun universiti yang dianggap adik, baru, tetapi dia fokus kepada *oceanography*, dan juga kepada *marine*. Ada universiti lain, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan dalam sektor-sektor jolok ada. Akan tetapi sekarang ini kita agak cuai melihat kepada...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Sila, sila, *insya-Allah*.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh. Bila sebut fasal Terengganu, saya hendak bangunlah. Hendak tanya. Mengenai ada Yang Berhormat sebut Universiti Malaysia Terengganu tadi. Dalam kerajaan dahulu universiti ini hendak digabungkan. Jadi di antara universiti UNISZA dengan universiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang Kerajaan Perikatan Nasional hari ini tidak bersetuju dengan gabungan tersebut dan memberi peluang kepada dua universiti ini berkembang di negeri Terengganu. Apakah ini satu kerugian kepada perbelanjaan? Minta pandangan Yang Berhormat.

#### ■1620

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Tidak ada jawapan konkret *yes or no* yang ini. Ia atas kebijaksanaan mengurus. Jadi saya fikir kalau dua itu, dia *compete*, dengan izin. Satu, dia monopoli. Jadi lebih baik dia *compete* lah, masing-masing ada pesaingnya. Kalau kita duduk seorang, kita kata kita *handsome*, kita rasa kita pandai tetapi kita duduk sebelah orang, kalau kita bersaing, baru kita tahu, "Eh, aku ni pandai daripada dia atau teruk daripada dia?"

Persaingan adalah sihat. Monopoli tidak sihat. Satu, memang tidak ada ukuran. Jadi di Terengganu sendiri, walaupun berhadapan kampus ini, maka *insya-Allah*, saya fikir saya lebih menyokong dua dari satu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, lagi satu minit ya.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Terima kasih. Jadi sekarang ini, hasil laut ini banyak. Kita tidak nampak. Tidak berapa nampak fasal kita semua tengok atas. Tengok bawah ini kita ingat mati. Maka tak berapa ramai orang suka tengok ke bawah, takut mati. Jadi sebenarnya hasil laut ini- misal kata petroleum, hasil laut- berapa *value*, berapa nilai dia beri pada Malaysia? RM300 bilion. Perikanan, hasil laut. Berapa nilai dia beri pada kerajaan? RM10 bilion setara tahunan.

Apa lagi kita boleh? Pasir. Untuk tujuan apa? Untuk tujuan pembuatan silika kah, untuk tujuan *reclamation*, dengan izin, dan juga *tourism* berdasarkan kepada laut. Kerana laut di Malaysia ini 4,800 kilometer. Saiz laut, keluasan laut berbanding keluasan darat di Malaysia 67 peratus keluasan laut, 33 peratus keluasan darat. Akan tetapi, *allocation*, dengan izin, bajet yang diperuntukkan untuk kajian laut sangat-sangat tipis. Jabatan yang diamanahkan mungkin Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mungkin ada sedikit peruntukan diberi di situ dan juga kementerian Jabatan Laut, Pusat Hidrografi Negara tetapi kecil, Jabatan Laut dan sebagainya kecil berbanding dengan penumpuan kepada kawasan darat.

Jadi oleh sebab itu, saya mohon supaya jabatan-jabatan yang ada kena-mengena dengan laut diberi bajet yang munasabah. Saya tidak boleh sebutkan angkanya. Termasuk Universiti Malaysia Terengganu itu sendiri supaya kita popularkannya kerana sekarang ini dia telah buat jalinan yang banyak dengan beberapa buah negara luar dan mendapat persetujuan daripada kerajaan pentadbiran Putrajaya. Jadi, kita beri peluang kepada UMT. Walaupun dia adik tetapi jangan main-main, kadang-kadang adik ini kena hari bulannya betul, dia lebih baik, lebih bijak daripada bukan setakat abang, dengan ayah pun dia hebat kerana sekarang ini kontrol ekonomi dunia semua orang muda.

Mark Zuckerberg itu 35 tahun baru umur. Ada seorang dari India, dia boleh *create* jadi *billionaire* umur 27 kerana dia *produce*, dengan izin, *software* OYO untuk hotel-hotel satu atau dua bintang. Kalau bintang empat, lima atau enam itu *Traveloka* ambil, *Trivago* ambil, *Hotel.com* ambil tetapi kalau yang kecil-kecil, yang harga RM60 ke RM150 itu, *OYO takeover*, OYO yang kontrol dan liputannya jauh mengatasi *Traveloka* atau *Trivago*. Dia seorang, dengan izin, *wreck to riches story*. Anak muda dari India ini dia seorang yang miskin tetapi bila jumpa dia, dia jadi *billionaire* dalam waktu yang singkat. Oleh sebab itu, kementerian, kerajaan fokus yang ini fasal kita tertinggal. Kalau kita boleh *create* macam ini, sekejap saja.

Satu lagi yang kita tertinggal, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** ...Adalah *biotech*. Saya orang pertama, Tuan Yang di-Pertua, dulu cakap tahun 2000 *biotech*. Sekarang entah mana dah nama *biotech*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita ingat selain daripada IT, fokus kepada bioteknologi kerana kita telah *create* '*Terlajak Laris*', Naelofar- apa lagi ya? Vida. Semua itu kerana *biotech*. Saya cakap universiti-universiti sama ada SIRIM, *research university*, UPM pada waktu itu, *you just check*, dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** *No racun. Tidak ada racun dalam produk-produk itu. Lain semua psikologi saja meniaga ini. Insya-Allah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wallahu alam. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, telah banyak beri pendapat yang baik, panjang lebar dan teruskan. Jadi, sekali lagi, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bagi masa 10 minit saja, tolong ya, sebab ramai lagi hendak bercakap ya. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid. Silakan.

#### 4.25 ptg.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan bertemu sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak begitu optimistik untuk mengembangkan pembangunan negara. Oleh sebab sekatan COVID-19 ini, hampir segala aktiviti tersekat. Hendak pergi ke luar negara pun tidak boleh. Kapal terbang *dok parking* di KLIA, Tuan Yang di-Pertua.

Walau apa pun, Tuan Yang di-Pertua, saya agak tertarik dengan kewujudan akta atau rang undang-undang ini kerana ia merupakan rang undang-undang yang istimewa. Ia tidak akan wujud sekiranya tidak berlaku pertukaran kerajaan di tengah jalan. Oleh sebab itu, kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, tajuk- saya ingin bertanyakan kepada tajuk ringkas akta ini. Akta ini dinamakan Akta Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020. Ini agak ganjil oleh sebab sebelum ini kita bincang peruntukan tambahan, Akta Perbekalan Tambahan, terus sahaja.

Maka sebab itu kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukannya telah ditebus sana, ditampal sana, ditebus sana dan ditampal sini. Khususnya kita tengok kalau peruntukan Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan RM79 bilion tahun 2020 tetapi terpaksa ditebus RM310,621,700 untuk dipindahkan. Begitu juga dengan kementerian-kementerian lain. Inilah akibat daripada pertukaran kerajaan yang terpaksa ditebus sana dan ditampal di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian. Kita ter hutang, sebagaimana diumumkan oleh Menteri Kewangan, hutang kita berjumlah RM1.126 trilion. Ia menjadi persoalan saya, bilakah kita boleh menyelesaikan hutang ini? Daripada manakah duit kita boleh perolehi untuk bayar hutang-hutang ini?

Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan, berapa banyakkah kerajaan berhutang kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP)? Kita hendak tahu juga, berapa banyakkah kerajaan hutang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Haji, FELDA dan lain-lain perbadanan yang kerajaan hutang? Itu merupakan hutang dalam negara. Saya faham walaupun kita hutang RM1.16 trilion tetapi hampir 80 peratus merupakan hutang dalam negara. Hutang luar negara mungkin kurang daripada 20 peratus. Oleh yang demikian, dengan jawapan-jawapan itu, kita mungkin dapat mengurangkan kebimbangan sayalah khususnya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, laporan daripada Buku Anggaran Belanjawan Tahun 2020, kita bayar hutang setakat RM34,945,000,669 sahaja pada tahun ini, Tuan Yang di-Pertua. Bayangkan RM1.126 trilion, bilakah kita boleh selesaikan? Maka oleh sebab itu, saya nasihatkan kerajaan supaya berjimat-cermatlah. Mungkin akibat daripada COVID juga- saya agak gembira dan puas hati oleh sebab peruntukan tahun ini RM299 bilion nampaknya tidak ditambah oleh sebab akta ini sekadar memindahkan peruntukan, *virement*.

Jadi, peruntukan siling RM299 bilion, saya anggap kekal dan saya harap tidak ada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di persidangan Dewan Rakyat yang akan datang. Mudah-mudahan, *insya-Allah*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan sebagaimana sahabat di depan saya ini Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mencadangkan Kementerian Orang Asli, mengapakah tidak boleh saya cadangkan Kementerian Veteran, Tuan Yang di-Pertua? Kalau tidak ada orang yang hendak urus veteran, saya sendiri uruskan [Ketawa]

#### ■1630

Jadi kita tahu masalah veteran dan juga bilangan veteran yang sedang diurus oleh Kementerian Pertahanan mungkin menjadi beban kepada kementerian. Mengapa kita tidak asingkan urusan veteran diuruskan oleh kementerian veteran yang khususnya untuk orang-orang yang telah habis berkhidmat daripada Angkatan Tentera Malaysia, yang telah berjasa kepada negara menyebabkan kita semua boleh bersidang pada hari ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap persoalan yang saya bangkitkan dapat dijawab dan khususnya pertimbangan untuk wujudkan kementerian veteran itu diberi keutamaan. Di bagi 'B' nombor bekalan, kalau Kementerian Alam Sekitar boleh diberi B33 yang baharu, Kementerian Perpaduan Negara B14 baharu begitu juga dengan Kementerian Pengajian Tinggi B64 baharu. Maka, apalah salahnya kementerian veteran dibagi B juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Haji Mohamad Imran Abd. Hamid, terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

#### 4.31 ptg.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kerana diizinkan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020. Saya kira rang undang-undang ini antara tujuannya ialah untuk menambah beberapa orang Menteri serta Timbalan Menteri dan juga kakitangan kementerian-kementerian tertentu.

Jadi kalau kita lihat *direct to the point*, kalau kita lihat seksyen 6, subseksyen 1, subseksyen C, dan D, Akta Ahli Parlimen Saraan 1980, ada dinyatakan jumlah gaji Menteri dan juga Timbalan Menteri. Jadi untuk Menteri jumlah gaji bulanan tidak masuk Ahli Parlimen dia adalah RM14,907.20, manakala Timbalan Menteri adalah RM10,847.65.

Jadi secara matematiknya beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh negara disebabkan oleh penambahan seramai enam orang Menteri dan juga Timbalan Menteri baharu yang memegang portfolio-portfolio baharu dan juga portfolio yang telah dipecahkan daripada dua buah kementerian yang asal ialah kira-kira RM150,524 sebulan.

Jadi selain daripada Kementerian Perpaduan Negara, portfolio-portfolio serta kementerian lain yang saya maksudkan dalam pengiraan tersebut ialah portfolio tugas-tugas khas di bawah Jabatan Perdana Menteri, portfolio hal ehwal Sabah dan Sarawak ini tidak termasuk hal ehwal veteran lagi belum masuk *[Ketawa]* Dan juga di bawah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi yang dipecahkan daripada kementerian asal iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Alam Sekitar dan Air dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli yang merupakan dua buah kementerian baharu yang dipecahkan daripada Kementerian Tenaga, Sains Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang saya nyatakan tadi belum termasuk elaun-elaun bulanan lain yang diterima oleh Menteri serta Timbalan Menteri yang tidak dinyatakan secara spesifik dalam Akta Parlimen. Perkara yang saya sebut tadi juga tidak termasuk gaji yang dibayar kepada kementerian yang mempunyai dua orang Timbalan Menteri seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian Pendidikan.

Sudah tentu secara kasarnya tanggungan kewangan negara boleh mencecah kira-kira lebih daripada RM500 ribu sebulan untuk membayar gaji serta elaun. Jadi Menteri dan Timbalan Menteri untuk memegang portfolio terbaharu ini merupakan satu tanggungan yang besar kepada negara terutamanya dalam keadaan negara hari ini berhadapan dengan masalah kewangan. Memandangkan kebanyakan daripada mereka dilihat mungkin tidak berapa faham lagi tugas dan tanggungjawab, jadi tidak nampak lagi begitu menyerlah dalam tugas dan tanggungjawab.

Di samping itu juga saya ingin tahu kewajaran mengadakan empat Menteri Kanan yang dikatakan memimpin kluster-kluster tertentu seperti ekonomi, keselamatan, pendidikan dan juga pembinaan. Saya juga mohon penjelasan daripada kerajaan berkenaan dengan *relevancy*, dengan izin, ataupun kewajaran pelantikan keempat-empat Menteri Kanan ini dari segi pemerhatian saya tidak begitu nampak kewajarannya.

Kalau saya ambil contohlah dalam isu pematuhan SOP Perintah Kawalan Pencegahan Pemulihan hari itu, Menteri Kanan bertanggungjawab dalam isu keselamatan tidak memberikan arahan yang terang dan jelas, yang mengakibatkan ramai rakyat kena saman walaupun tidak memakai pelitup muka di dalam kereta. Jadi hal itu menimbulkan banyak kekecewaan kepada rakyat.

Memandangkan jawatan Menteri Kanan tidak pernah wujud dalam sejarah pentadbiran Kerajaan Malaysia, jadi saya minta Menteri Kewangan menyatakan adakah jumlah gaji keempat-empat Menteri Kanan tersebut sama dengan gaji Menteri-menteri yang lain. Tidak rahiaskan daripada Dewan yang mulia ini *[Ketawa]* Dan jika tidak menyatakan sebab dan rasionalnya perbezaan amaun gaji mereka.

Memandangkan pelantikan Menteri serta Timbalan Menteri untuk portfolio-portfolio baharu, turut melibatkan pelantikan para pegawai pejabat Menteri dan Timbalan Menteri. Saya ada beberapa persoalan untuk dibangkitkan pertama, bagaimanakah gred lantikan bagi jawatan-jawatan seperti Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit, Setiausaha Akhbar dan pegawai tugas-tugas khas yang bagaimana tangga gaji mereka ditentukan? Siapakah yang mempunyai kuasa membuat keputusan untuk menentukan gred lantikan bagi setiap pelantikan jawatan tersebut?

Saya difahamkan ada segelintir Menteri serta Timbalan Menteri yang melantik Setiausaha Sulit Kanan secara lantikan politik. Di mana mereka tidak memilih penjawat awam untuk jawatan tersebut tetapi ada juga Menteri ataupun Timbalan Menteri yang memilih penjawat awam untuk mengisi jawatan tersebut. Bukan apa pelantikan politik yang tidak terkawal boleh menjaskansing kewangan sebuah kementerian lebih-lebih lagi gaji yang dibayar kepada pegawai-pegawai lantikan politik sangat tinggi dan tidak berpatutan dengan tugas-tugas harian yang dilakukan.

Oleh yang demikian untuk persoalan kedua saya berhubung dengan perkara ini saya minta kerajaan menyatakan secara jelas dan spesifik tangga gaji mengikut gred lantikan bagi setiap jawatan yang diperuntukkan di pejabat Menteri dan Timbalan Menteri termasuklah Setiausaha Politik kepada Menteri. Mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Timbalan yang akan menggulung nanti memberi penjelasan bagi pihak kerajaan.

Saya seterusnya berkenaan dengan pelantikan pegawai tambahan iaitu pegawai khas di pejabat Menteri ataupun pejabat Timbalan Menteri. Baru-baru ini saya Google laman web Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi yang dalam direktorinya terdapat lima orang. Dulu dikatakan Penasihat ini ditukar dikatakan pegawai khas, kini ditukarkan menjadi Penasihat Khas kepada Menteri yang di tempatkan di pejabat Menteri.

Melantik lima orang Penasihat Khas ini menjadikan jumlah pegawai utama di pejabat Menteri Sains Teknologi dan Inovasi seramai 12 orang. Maksudnya bukan sahaja Menteri dan Timbalan Menteri tetapi pegawai juga ramai. Oleh yang demikian, persoalan yang seterusnya bolehkah pelantikan Penasihat Khas dibuat sebagai pegawai tambahan mengikut Pekeliling Perjawatan pejabat Menteri dan juga pejabat Timbalan Menteri.

Jika boleh apakah bidang tugas sebenar Pegawai Khas yang dilantik sedangkan seorang Menteri penuh diperuntukkan sebanyak tujuh orang pegawai utama. Jadi itulah antara saya rasa perkara-perkara yang tanggungan yang terpaksa dibayar oleh rakyatlah untuk menambah kementerian-kementerian serta beberapa Timbalan Menteri. Jadi begitu juga dengan pelantikan Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit, Setiausaha Akhbar dan juga seorang pegawai tugas-tugas khas.

Di mana Setiausaha Sulit yang juga *Chief of Staff* wajib dilantik dari kalangan penjawat awamlah saya syorkan begitu supaya tidak ada pertambahan kos yang begitu ketara. Jadi maksudnya dengan perkataan lain *the post is strictly prohibited for political appointment*. Biasanya lantikan jawatan-jawatan ini adalah jawatan lantikan politik. Tambahan pula saya ingin menggesa agar kerajaan dapat menetapkan skop tugasan serta tanggungjawab khusus untuk Setiausaha Politik yang dilantik kerana Perkara 43C, Subseksyen 4, dalam Perlembagaan Persekutuan wajar dipinda bagi menyatakan secara jelas dan terperinci bidang tugas serta pendapatan bulanan sebenar Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri dan juga Menteri Kabinet.

Penetapan serta perincian bidang tugas Setiausaha Politik seharusnya dilakukan sejak dahulu lagi bagi mengelakkan timbulnya persoalan berbangkit berkaitan dengan kewajaran jawatan Setiausaha Politik dalam pentadbiran kerajaan.

#### ■1640

Ramai yang menyangka tugas hakiki Setiausaha Politik kepada Menteri adalah membantu urusan-urusan politik kepartian seseorang Menteri dan ada pula yang beranggapan Setiausaha Politik dipertanggungjawabkan untuk membantu Menteri mengendalikan urusan-urusan tertentu di kawasan Parlimen masing-masing. Jika begitu, bagaimana pula dengan Setiausaha Politik kepada Menteri yang berstatus Yang Berhormat Senator? Jadi, jelaslah bahawa bidang sebenar Setiausaha Politik masih lagi menjadi misteri ataupun kabur, ini mengikut

Yang Berhormat Menteri masing-masing. Jadi, saya rasa sudah tiba masanya kerajaan mengambil perhatian terhadap perkara ini. Kalau tidak, saya rasa ia juga menyumbang kepada kos yang tinggi.

Saya rasa itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, saya bagi ruang pula kepada orang lain untuk berbahas. Jadi, terima kasih. Saya mohon tidak menyokong kerana dalam keadaan ekonomi yang susah ini, saya rasa kalau ditangguhkan dahulu adalah lebih baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Betul-betul 10 minit. Terima kasih ya. Terima kasih atas ucapan baik tadi.

Saya jemput pula nombor tujuh, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya. Silakan.

#### 4.41 ptg.

**Tuan Ahmad bin Yahaya:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan seluruh rakan-rakan Ahli Dewan. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan suatu akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2020. Akta ini bertujuan bagi melaksanakan semula penguntukan kepada kementerian selepas berlaku perubahan pentadbiran negara pada 10 Mei yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kerajaan yang bertanggungjawab akan berusaha sedaya mungkin untuk melakukan sesuatu yang terbaik kepada negara dan kepada rakyat. Justeru, saya melihat penyusunan semula kementerian dan penguntukan semula peruntukan ini adalah selari dengan tujuan tersebut. Sebelum saya menyokong rang undang-undang ini, saya ingin membangkitkan beberapa perkara.

Pertama, rakyat ingin melihat kepada Menteri yang dapat menyelesaikan masalah mereka, bukan Menteri yang mencari pelbagai alasan seperti menyalahkan individu atau kerajaan yang terdahulu. Bahkan kerajaan itu berkesinambungan.

Saya tertarik dengan satu jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah ketika ditanyakan oleh wartawan. Apakah kejayaan utama 100 hari pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah? Dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, "Kejayaan saya ialah apabila berjaya meneruskan perancangan yang baik oleh kerajaan yang lalu serta memperbaiki apa-apa kerosakan yang berlaku kepada kerajaan yang lalu." Itu jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sebenarnya amat sedar tentang kedudukan ekonomi negara, kekangan kewangan, jumlah hutang yang membebankan, kekurangan perolehan pasca COVID-19 amat menekan. Namun, semua itu bukan alasan utama untuk melepaskan diri daripada

sedaya upaya menyelesaikan masalah yang membenggalu rakyat. Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh Menteri yang telah bekerja kuat untuk rakyat.

Kedua, rakyat mengharapkan pengagihan pendapatan negara yang saksama juga kesamarataan antara bandar dan luar bandar, antara kota dan desa. Di sana ada tugas besar kerajaan khasnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mengeluarkan rakyat yang miskin kepada kehidupan yang lebih baik bagi memastikan rakyat mendapat keperluan asas yang baik seperti kediaman yang selesa, sumber air bersih, jalan raya yang baik serta capaian Internet.

Justeru, saya tertarik apabila meneliti Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) yang telah merumuskan wawasan luar bandar yang sejahtera, inklusif, mampan dan holistik sebagai agenda utama dalam proses pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030. Melalui DPLB ini, kerajaan mempunyai komitmen yang tinggi untuk merapatkan dan seterusnya menghapuskan jurang kualiti hidup antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, realiti yang dihadapi oleh rakyat luar bandar amat menyedihkan. Mengambil contoh capaian Internet. Kini Malaysia di belakang Myanmar. Walaupun Malaysia bakal menuju negara berpendapatan tinggi dengan pelbagai kemudahan bertaraf dunia, masalah capaian Internet bukan sahaja berlaku di Sabah, bukan sahaja berlaku di Sarawak, bahkan ia turut berlaku di banyak kawasan di Semenanjung.

Saya mengambil contoh yang terdekat. Berlaku di sebuah ladang di Bukit Selambau, Kedah yang mana ada penduduk yang terpaksa memacak, mendirikan menara telekomunikasi sendiri daripada buluh dan meletakkan modem tanpa wayar di puncaknya bagi mendapatkan capaian Internet. Justeru, Kedah mengharapkan permohonan bagi mendapatkan 200 menara telekomunikasi baharu agar dipertimbangkan dan diluluskan dalam usaha menyelesaikan malah berkaitan capaian Internet yang tenat di beberapa daerah di Kedah. Tuan Yang di-Pertua.

*Ikan puyuh ikan kelah;  
Kurang air renangnya lemah;  
Sudahlah COVID-19 kuat di Kedah;  
Capaian Internet pula lemah.*

**Seorang Ahli:** Kesian, kesian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus, bagus. *Point, point.*

**Tuan Ahmad bin Yahaya:** Ketiga, penyusunan pendidikan yang baik dalam usaha melahirkan modal insan amat diperlukan. Bermula daripada prasekolah sehingga ke universiti, saya menyokong pengasingan Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Bahkan, saya mengharapkan ia dikekalkan begitu, jangan lagi sekejap disatukan dan sekejap

lagi diasingkan. Saya juga mengharapkan peruntukan yang diberikan kepada sektor pendidikan dapat digunakan secara holistik dan bersasar kepada matlamat sebenar.

Pandemik COVID-19 menjadi cabaran baharu dalam mengendalikan sistem pembelajaran di sekolah dan di pusat pengajian tinggi. Justeru, kaedah pelaksanaan pembelajaran dalam talian sewajarnya diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan. Kementerian Pengajian Tinggi perlu mewujudkan kaedah pembelajaran yang sesuai dan efektif dalam talian untuk diguna pakai di masa hadapan.

Belum ada tarikh yang pasti bila pandemik COVID-19 akan tamat. Demikian juga tidak ada jaminan gelombang kedua dan ketiga serangan pandemik COVID-19 mampu disekat dan dihalang. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan meneroka pelbagai kaedah yang lain dalam usaha memberikan pendidikan kepada rakyat contohnya televisyen, TV pendidikan, sebaiknya dihidupkan semula. Kalau kita mengambil contoh negara jiran, Indonesia diperuntukkan enam jam untuk siaran pendidikan.

Dalam sektor pendidikan ini, saya juga ingin menyentuh tentang masa depan anak-anak yang menuntut di maahad-maahad tafhib. Saya difahamkan terdapat lebih daripada sejumlah 1000 buah tafhib di seluruh negara. Justeru, pusat pengajian tinggi tafhib perlu diwujudkan dengan jumlah yang munasabah bagi membolehkan pelajar menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Bidang kemahiran juga perlu diberikan kepada mereka. Sijil pengajian mereka perlu diberi pengiktirafan. *Syllabus* dan kurikulum pengajian mereka perlu dipertingkatkan. Ini semua bagi memastikan lepasan tafhib mempunyai peluang yang sama dalam bidang pengajian lain di dalam negara. Tuan Yang di-Pertua...

*Buah durian, buah dokong;  
Saya mohon menyokong.*

Terima kasih.

■1650

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak. Dengan pantun kita mengajak orang ya. Terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Dipersilakan.

**4.50 ptg.**

**Puan Asmak binti Husin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan penguntukan semula peruntukan perbelanjaan. *Insya-Allah* sebagai pembahas akhir, saya cuba untuk tidak mengambil masa yang panjang dan pergi terus kepada poin-poin yang hendak dibincangkan.

Pertama, saya mulakan dengan soalan yang bagi saya biasa-biasa sahaja sebab saya ini bukan pakar kewangan dan sebagainya, pakar ekonomi pun bukan. Akan tetapi saya pun bila rakyat tanya ini saya tidak boleh hendak jawab dengan tepat iaitu oleh kerana Malaysia ini kita telah mengalami wabak pandemik dan ia telah melumpuhkan operasi kementerian itu sendiri.

Jadi banyak program besar ini kita tidak dapat hendak buat dan banyak juga digantikan dengan program *online*, jadi sudah pasti ada lebihan kewangan di peringkat kementerian-kementerian.

Jadi oleh itu saya ingin bertanya, bagaimanakah penajaran semula dibuat di peringkat kementerian? Ini disebabkan kalau saya tanya di peringkat Exco di bawah pun kementerian, dia kata ada banyak lagi bajet sebab ada banyak program tidak boleh hendak buat. Okey, itu soalan bagi saya biasa tetapi hendak jawab secara tepat itu saya kurang pasti.

Kedua, saya juga tertarik dengan pandangan dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong tadi dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi berkaitan dengan kerjasama antara kementerian. Secara praktikal saya pernah sebutkan dulu bahawa Malaysia ini kita mengamalkan *centralised federalisme*. Di mana kita tengok kerjasama antara kementerian itu agak kurang dan yang kedua kerjasama antara negeri dan Persekutuan juga agak kurang. Lalu kita melihat bahawasanya ada berlaku mungkin pembaziran kerana satu program dilakukan oleh beberapa kementerian.

Contohnya saya beri isu tadi Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi sebut, penggunaan *mapping utility* itu, sepatutnya boleh dilakukan dengan kerjasama beberapa kementerian. Macam contoh juga isu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Apabila sebut tentang wanita, semua projek berkaitan wanita biasanya dilambakkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kalau peringkat negeri, kepada Exco wanita. Walhal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini ia merentasi semua kementerian. Ada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan sebagainya.

Jadi menyebabkan kadang-kadang ada satu program dilakukan oleh beberapa kementerian. Contohnya, saya beri program reproduktif berkaitan dengan remaja, dilakukan oleh sekurang-kurangnya tiga kementerian saya tengok. Program yang sama tetapi mereka tidak

berkomunikasi di antara satu sama lain. Jadi ini bagi saya melibatkan pembaziran kepada kewangan dan sekiranya kita boleh meningkatkan kerjasama antara kementerian ini, maka ia dapat dijimatkan.

Pada pandangan saya selaku orang yang- saya ini pengalaman tidak banyak dalam pentadbiran tetapi ada lah juga sedikit. Saya melihat perkara ini juga berlaku kerana penilaian KPI dilakukan berdasarkan kementerian secara tersendiri. Jadi secara praktikalnya, mereka akan fokus kepada kementerian masing-masing dan pencapaian masing-masing dan kurang melihat daripada perspektif kerjasama.

Oleh sebab di hujung tahun nanti, apabila hendak keluar laporan, kita akan melihat kepada pencapaian kementerian. Oleh kerana itu, mereka tidak berapa hendak berminat kerjasama sebab penilaian itu dilakukan secara begitu. Oleh itu dalam penguntukan semula ini, adakah penilaian terhadap perbelanjaan dan pencapaian kementerian dilakukan mengikut kementerian atau akan dilakukan dalam bentuk yang lebih holistik melibatkan beberapa kementerian dalam menyelesaikan sesuatu isu atau melaksanakan agenda negara?

Seterusnya berkaitan dengan perkara ini juga, sebelum ini saya ada membuat satu ucapan penangguhan dan dijawab oleh kementerian undang-undang. Namun begitu, saya merasakan Kementerian Kewangan juga patut saya dapatkan penjelasan iaitu berkaitan dengan apakah agensi atau indikator untuk memantau pengagihan bajet kepada negeri dalam kuasa bersama menurut Perkara 82. Ini disebabkan kalau kita tengok dalam Perkara 82 dalam Perlembagaan Persekutuan, memang dinyatakan pembiayaan perbelanjaan yang berhubungan dengan perkara dalam Senarai Bersama. Memang ada di situ ya.

Akan tetapi kita lihat jawapannya, pihak kementerian undang-undang mengatakan bahawa ada penubuhan Majlis Kewangan Negara mengikut Perkara 108 untuk mengawal perkara ini. Jadi saya ingin bertanya, apakah lagi inisiatif yang dilakukan di peringkat Kementerian Kewangan untuk memastikan kecekapan pengurusan kewangan yang melibatkan pengagihan bajet terutamanya Senarai Bersama antara negeri-negeri?

Seterusnya saya masuk kepada isu yang keempat. Saya lihat dalam memorandum Perbendaharaan, bajet kepada peruntukan kepada perbadanan kemajuan negeri-negeri adalah berbeza di antara satu sama lain. Contohnya saya lihat Kelantan sebanyak RM3 juta lebih, Melaka sebanyak RM10 juta lebih. Kalau Sarawak lebih kurang dengan Kelantan sebanyak RM5 juta tetapi kalau Sabah sebanyak 25. Jadi, apakah sebenarnya yang membezakan peruntukan di antara perbadanan kemajuan negeri-negeri? Khususnya untuk Kelantan, saya panjangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seterusnya, saya melihat kepada B.30 dan B.33 yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga Kementerian Alam Sekitar dan Air. Saya ingin bertanya, adakah penguntukan semula ini melibatkan kaedah dan teknologi pelupusan *face mask* dan PPE, pelitup muka? Ini disebabkan kita lihat penggunaannya sangat banyak di Malaysia tetapi setakat ini kita tidak dengarlah promosi atau diuar-uarkan kepada masyarakat apakah kaedah terbaik untuk memastikan pelupusan-pelupusan perkara ini tidak menjaskan alam sekitar.

Seterusnya, saya ingin menyentuh kepada B.43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini yang terakhir ya. Ada dua perkara yang ingin saya sentuh di sini. Pertama, adakah penguntukan semula ini mengambil kira pengurusan sisa pepejal di peringkat kerajaan tempatan?

Terutamanya saya ingin tanya, adakah peruntukan diberikan kepada PBT-PBT di peringkat negeri yang tidak menandatangani Akta 672. Ini disebabkan kita tengok, ada negeri setakat ini saya difahamkan mungkin enam atau tujuh buah negeri sahaja yang sanggup menandatangani Akta 672. Kelantan kita masih dalam proses rundingan.

Ini kerana saya dapati, dalam peruntukan ini, Akta 672, Perkara 3 itu, Kerajaan Persekutuan ini dia mempunyai kuasa Eksekutif. Jadi, bila kuasa Eksekutif, ia mengambil alih kuasa negeri. Bila mengambil alih kuasa negeri, jadi bila hendak bagi kuasa negeri, pengurusan keseluruhannya dalam sisi pepejal ini kepada Persekutuan, maka ia agak membimbangkan bagi pihak kita.

Lagipun kita tengok, saya mendapat makluman bahwasanya apabila pengurusan itu dilakukan oleh peringkat Persekutuan, sisa pepejal ini tidak disentralisasikan kepada kerajaan tempatan dengan mengambil kira kuasa negeri, saya lihat perbelanjaannya meningkat. Sedangkan dengan perbelanjaan yang sama, kalau di peringkat negeri kita buat sendiri, ia mungkin lebih murah lagi sebab ia melibatkan kontraktor dan sebagainya. Okey itu soalan saya.

Seterusnya berkaitan dengan Akta 672 ini juga, saya difahamkan bahwasanya ada pandangan daripada Pejabat Peguam Negara mengatakan bahwasanya sesiapa yang tidak menandatangani Akta 672, maka tidak akan dapat peruntukan kewangan berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal. Bagi saya, ini bercanggah dengan Perkara 82 sebab Perkara 82 ini yang saya sebut tadi banyak kali iaitu melibatkan pembelian perbelanjaan Persekutuan dalam Senarai Bersama.

Bila saya lihat dalam Senarai Ketiga Jadual Kesembilan iaitu memang ada peruntukan berkaitan dengan Perkara 5, dan Perkara 7 iaitu termasuk dalam Senarai Bersama iaitu perancangan bandar dan desa, kesihatan awam dan kebersihan. Jadi bagaimana kita hendak selesaikan isu ini? Ini disebabkan kita lihat Akta 672 ini kalau kita pegang betul-betul, ia bercanggah pula dengan Perkara 82, Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya saya hendak sentuh juga tentang kerajaan tempatan ini adalah isu izin pendakwaan untuk kompaun kesalahan di bawah kerajaan tempatan. ini disebabkan ia boleh mengganggu pemerolehan kewangan yang agak besar bagi PBT-PBT. Okey, saya mungkin beri sedikit gambaran. Sebelum ini kalau untuk kompaun, contohnya kompaun *parking* yang dilakukan di peringkat PBT, boleh dilakukan secara serta-merta. Akan tetapi sekarang kalau kita tengok, dia punca kuasa kepada perkara ini ada dua.

Pertama, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan yang satu lagi Akta Kerajaan Tempatan 1976. Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini telah dipinda dan telah menggantikan perkataan berkaitan “Datuk Bandar”, “Yang di-Pertua Majlis Bandar”, yang berkaitan dengan PBT ini kepada “Dengan keizinan secara bertulis Pendakwaraya”.

Saya difahamkan juga Jabatan Peguam Negara sudah mula mengarahkan supaya Akta Kerajaan Tempatan 1976 ini mula diubah dan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini. Jadi sebenarnya ia memberikan kesan yang besar kepada pemerolehan kewangan di peringkat PBT.

#### ■1700

Bayangkan kalau kita hendak kompaun *parking* kereta, kita kena minta dulu izin pendakwa raya, bila pergi balik kereta itu sudah hilang sebab izin pendakwa raya ini sekurang-kurangnya tiga hari baru kita boleh dapat. Akan tetapi, kalaularah untuk pendakwaan kita minta izin pendakwa raya itu adalah logik. Jadi, saya mohon perhatian kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana ini ada mengganggulah kecekapan, pemerolehan dan juga perbelanjaan kewangan di peringkat PBT khususnya di peringkat negeri. Saya rasa itu sahaja pembahasan saya pada kali ini, saya sokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Dipersilakan akhirnya Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, dipersilakan.

#### 5.02 ptg.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang saya ucapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sewajarnya saya patut mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah begitu prihatin yang mengambil tindakan yang cukup penting. Pada pandangan saya melihatkan apa yang berlaku kebelakangan ini ia untuk memastikan bahawa penyusunan semula fungsi kementerian bagi memperkemaskan lagi

organisasi dan fungsi kementerian-kementerian terutamanya dalam memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berfokus dan berkesan, cekap, peduli rakyat, telus dan berintegriti.

Iaitu, saya akan menyentuh dua kementerian sahaja. Walaupun saya cukup bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad apabila menegaskan tentang pentingnya kita berubah dalam aspek Kementerian Pengajian Tinggi. Saya kena jawab sebab sepatutnya saya menambah dan memperkuatkannya lagi tetapi apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat tadi cukup *solid* lah. So, saya tidak perlu tambah lagi. Saya akan memfokuskan kepada dua kementerian iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan juga Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak perkatakan Kerajaan PN pada hari ini telah mengambil langkah yang saya kata patut dipuji, untuk apa? Kalau kita dengar rata-rata hujah-hujah daripada rakan-rakan petang ini, semua mengatakan mesti ada penambahbaikan. Kita memperuntukkan bajet yang begitu besar, kita memberikan wajah yang baharu kepada kementerian-kementerian ini supaya adanya penambahbaikan. Kalau dahulu dikatakan baik tetapi pada hari ini, ia mesti bertambah baik.

Pada saya sekiranya kita menambahkan peruntukan atau memberi peruntukan yang tinggi, membuat keputusan memberi wajah baharu kepada kementerian tetapi *result*-nya sama, dua kali lima macam dahulu. So, saya rasa usaha ini akan menjadi usaha yang sia-sia. Iaitu penekanan saya, harapan saya yang sebenarnya saya ingin melihat pembaharuan, gerak kerja penambahbaikan yang paling penting memberikan kepuasan kepada rakyat jelata. Ini kerana apa yang kerajaan buat pada hari ini fokus kita adalah untuk negara kita, untuk rakyat. Kalau sekiranya rakyat tidak berpuas hati kepada perkhidmatan yang kita berikan, sampai bila kita tidak akan berjaya mewujudkan satu kerajaan yang dikatakan efektif ataupun berkesan.

Iaitu secara keseluruhan, apa yang kita buat mestilah bersikap secara total, secara *integrated* yang saya katakan tadi kalau dahulu kurang pada hari ini mestilah kita lebih berani. Kita lebih tegas dan lebih telus, bekerja dengan lebih efektif dan berkesan. Itu perkataan lebih di situ yang menunjukkan aspek-aspek penambahbaikan. Ini kerana suka ataupun tidak suka, kita tidak boleh nafikan selama ini memang banyak masalah. Ada masalah yang menyebabkan yang berkaitan dengan kerisauan rakyat jelata. Memang ada masalah.

Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua pada tahun ini, tahun 2020 ialah tahun ke-50 pengisytiharan Rukun Negara. Iaitu rukun bermaksud dasar, tiang, asas atau sendi. Dalam maksud lain rukun bermaksud asas kepada ketenangan dan ketenteraman. Ia bukan sahaja

ketenangan dan ketenteraman negara tetapi lebih penting ketenangan dan ketenteraman rakyat secara total.

Maka, amat sesuai frasa Rukun Negara digunakan kerana ia adalah dasar asas negara demi mencapai kehidupan bernegara yang aman, yang tenteram dan yang harmonis tidak kiralah kita seorang Melayu, seorang Cina, seorang India, Sikh, Kadazan, Dusun, Iban, Murut, Melanau, Orang Asal, atau mana-mana kaum dan suku kaum sekali pun. Apa yang saya hendak tekankan di sini apabila saya berkata tentang penambahbaikan Kementerian Perpaduan Negara. Lama sudah kementerian ini. Cuma yang terbaru kita tukar sedikit, wajah baharu tetapi macam saya katakan tadi, bertukar wajah baharu tetapi sama juga tidak ada *outcome*-nya yang memberikan kepuasan kepada rakyat. Ini tidak ada maknanya.

Kementerian Perpaduan Negara, pada pandangan saya, bertanggungjawab mempunyai tanggungjawab yang cukup besar kerana masalah kita pada hari ini adalah perpaduan. Iaitu Kementerian Perpaduan Negara mestilah diberi kuasa yang tinggi oleh pihak kerajaan untuk menasihati kerajaan dan juga menasihati mana-mana kementerian yang lain yang dikira tidak membantu, tidak menyokong bahkan sebagai penghalang kepada perpaduan negara. Ini penambahbaikan bukan sahaja kita wujudkan Kementerian Perpaduan Negara tetapi tidak ada apa benda pun, sama juga. Orang kata buang masa dan buang beras sahaja.

Saya hendak tegaskan mengapa saya berkata demikian kerana saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan ini, beliau mempunyai satu hasrat yang ikhlas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang tahu masalah-masalah perpaduan. Keikhlasan beliau pada pandangan saya diserahkan kepada Kementerian Perpaduan Negara ini. Apa yang saya tegaskan tadi, Kementerian Perpaduan Negara juga bertanggungjawab menasihati kerajaan dan juga menasihati kementerian-kementerian lain. saya ulang sekali lagi, apa yang dirasakan tidak membantu bahkan bercanggah dengan usaha kita menyatupadukan rakyat. Itu cukup penting, itu yang pertama.

Akan tetapi juga Kementerian Perpaduan Negara saya tegaskan dan juga kementerian-kementerian lain- saya hanya diberi 10 minit. Ini saya pendekkan semua ini. Saya tahu sahabat saya ini memberi apa yang saya cakap itu macam dia tidak setuju tetapi kalau hendak saya berhujah, bagi saya satu-satu hari hujah-hujah Yang Berhormat semua saya boleh putuskan. Tidak ada hal. Ini kerana hujah saya berdasarkan pada Perlembagaan. Hujah Yang Berhormat berdasarkan kepada *views*, ya. Hujah saya Perlembagaan dan Rukun Negara. Apa yang saya katakan dahulu kalau sesiapa yang membuat keputusan bercanggah dengan Rukun Negara dan Perlembagaan, *you are racist*, tegas. Tegas, ya.

Jadi, saya hendak katakan di sini, sebab masa saya pendek, 10 minit saja. Jadi, saya pun risau juga. Beri saya peluang, biar saya jelaskan dulu. Iaitu saya hendak katakan tadi, pastikan Kementerian Perpaduan Negara ini yang saya katakan tadi, pastikan kes-kes ataupun isu-isu yang boleh menyemarakkan perasaan ketidakpuasan hati yang menyebabkan kita gagal mewujudkan perpaduan mestilah dibanteras.

Apatah lagi saya katakan tadi kalau ada kementerian bahkan membuat perkara-perkara yang menghalang. Contoh, sebab masa yang pendek. Ini saya relate-kan dengan Kementerian Perpaduan, tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara menasihati kerajaan dan membantu menasihati kementerian-kementerian lain yang kita rasa tidak menjalankan tugas dengan baik. Walaupun gajinya tinggi yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi saya rasa tidak menjalankan tugas kerana tidak ada keikhlasan, tidak ada semangat patriotisme, tidak ada semangat jati diri, tidak ikhlas kepada negara tetapi lebih menumpukan kepada perasaan-perasaan cauvinis mereka. Ini tidak baik.

#### ■1710

Ini tanggungjawab Kementerian Perpaduan. Itu harapan saya, Perdana Menteri mempunyai keikhlasan, kita kena jalankan. Kalau tidak, perpaduan tidak akan tercapai.

Contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini memang keluh-kesah- tadi saya katakan kepentingan tiang seri ini iaitu ketenangan dan ketenteraman rakyat. Kalau ada segelintir rakyat, segolongan rakyat, sebahagian rakyat yang tidak tenteram perasaannya, bahkan sentiasa marah, kecil hati kerana memikirkan mereka dizalimi atau tidak ada keadilan atau sikap pilih bulu ataupun sikap menggunakan *the law of the jungle*, maka ini tidak akan berkesudahan, kita tidak akan mencapai semangat perpaduan.

Contoh yang pertama, sebab masa yang pendek, hingga ke hari ini pertama di kalangan orang Melayu kita merasa kita dizalimi. Walaupun orang- PM kata Melayu, semua Melayu, semua Melayu, tapi kita rasa kita dizalimi. Kita yang dikatakan *under privilege*. *We are not the privilege group*. Orang lain *the privilege group*. Kita tidak, kita dihina sendiri.

Contoh kes Adib. Minta maaf, saya kena ulang balik. Kita hendak cakap perpaduan, orang Melayu sahaja yang sanggup menerima konsep perpaduan kerana kita ikhlas. Kaum lain kena juga ikhlas, jangan fikirkan kepentingan kaum sendiri, bahkan terutama kalau perkara itu bercanggah dengan Perlembagaan dan undang-undang.

Maka Kementerian Perpaduan kena pastikan kes Adib ini- apa cerita? Sudah selesaikah belum? Iaitu segala bentuk tindakan yang diambil, pihak kementerian-kementerian dan juga di pihak kerajaan dan juga pihak Kementerian Perpaduan, mesti ada *progress report*, mesti ada

laporan kepada rakyat, supaya rakyat puas hati. Setelah keputusan di buat oleh hakim, okey kita puas hati. *No complaint*. Akan tetapi, kes ini sekejap ya, sekejap ada, sekejap ya, sekejap tidak.

Kes Adib kita marah, saya mewakili orang Melayu. Kita marah. Kes LTTE, kita marah. Apatah lagi dengan tidak bertanggungjawabnya kerajaan yang lepas, kes masih *pending*, tiba-tiba habis. Ini apa cerita? *Law of the jungle*. Kes yang terbaru *Hot Burger* di Sungai Buloh. Budak ini budak miskin. Cari macam sahabat, Yang Berhormat Datuk Ng kata, cari sesuap nasi. Tidak kaya pun, jual burger. Akan tetapi disebabkan beliau menimbulkan masalah kepada orang-orang kaya, masalah perjudian haram. Bahkan Bangla berniaga haram, masalah rokok haram, beliau diugut- bahkan beliau dipanggil oleh pihak polis.

Orang-orang kata kalau Melayu buat baik pun kena, buat tidak baik memang kena. Akan tetapi tauke pada hari ini lepas, seronok. Eh, banyak contohlah. Kes- contoh yang kita tidak puas hati, kalau ikut dari segi perpaduan ini. Keperluan bahasa Mandarin untuk bekerja di *private sector*. Apa ini? Ini negara apa ini, negara Malaysia kah, negara China? Kes yang paling sakit hati, baru-baru ini SPRM...

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua,..

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** ...Membuka portal dalam bahasa Cina. Ini SPRM is *government agency*. Sepatutnya mereka tidak patut melakukan perkara itu. Mereka sendiri pihak kerajaan sendiri. Ini yang saya katakan Kementerian Perpaduan kena panggil ini SPRM, apa hal kau buat ini? Mana polisi, mana Perlembagaan yang kamu ikut?...  
[Disampuk] Sikit boleh, sikit sahaja sebab saya tidak habis lagi. Terima kasih.

**Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad:** Bolehkah Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Ibrahim Shah, bersetuju dengan apa yang ditulis oleh Dr. Mohamed Khalid tentang sikap peniaga-peniaga berbangsa Cina, bila mana mahu mengambil pekerja-pekerja mereka, bahawa keutamaan menguasai bahasa Mandarin untuk bekerja di syarikat-syarikat milik mereka. Ini tulisan PhD, Dr. Mohamed Khalid. Terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Saya bukan hendak bercakap kasar. Saya tidak setujulah. Kalau hendak *argue* memang, kita bagi 1,100 *excuses*, "Oh, bahasa Cina ini penting sebab China is going to be a world power lah...", itulah, inilah. Eh, pergi tempat lainlah. Pandai pula ikut undang-undang dan peraturan negara lain.

Oleh sebab Malaysia ini semua boleh. Kita pihak kerajaan hanya berdiam diri, minta maaf cakap. Ini membuatkan ketiadaan ketenangan di kalangan rakyat. Kerajaan dan kementerian kena bertegas, *once and for all*.

Jadi saya rasa- janganlah, ini Malaysialah. Ini bukan negara lain. Tiap-tiap negara mempunyai kedaulatan dan cara pemerintahan mengikut sejarah dan Perlembagaan negara. Cuba betulkan sikit kepala otak ini.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Yang Berhormat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tidak betul-betul, sampai bila kita hendak macam ini?

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Boleh, boleh?

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya- ini jangan ambil masa saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah perkara-perkara yang ditimbulkan ini ada sangkut paut tak dengan soal rasuah? Terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasihlah. Saya kaitkan dengan isu nombor dua, alam sekitar. Sebenarnya pada pandangan kita di bawah ini, rakyat marhaen, bila perkara ini berlaku memang kita kata rasuah. Malangnya yang menerima rasuah walaupun RM10, RM100 kena masuk jel. Rasuah yang besar lepas dan yang pemberi rasuah, *multi-millionaire* pemberi rasuah tidak tertangkap pun. Kalau betul-betul kita ikhlas, dua-dua kena. Makan rasuah kena, yang bagi rasuah lagi kena. Ini kerana tanpa mereka, proses rasuah tidak akan berlaku. Mereka yang *start*, bukan penerima rasuah *start*. Mereka yang *start*. Akan tetapi, selama ini sistem kita tidak betul, minta maaf cakap. Ini yang saya rasakan Kementerian Perpaduan kena betulkan.

Isu yang kedua, isu alam sekitar dan air. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan fungsi dan peranan kementerian baharu iaitu Kementerian Alam Sekitar dan Air. Baru-baru ini hebat diperkatakan isu individu yang tidak bertanggungjawab membuang sisa toksik di sungai yang mengakibatkan pencemaran dan sekali gus mengakibatkan gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan empat loji rawatan air terpaksa di hentikan tugas.

Persoalan saya, kalau kita bercakap dengan alam sekitar, hal ini merupakan tindakan wajar selain mengambil tindakan undang-undang dan mengenakan denda yang lebih tinggi berbanding sebelumnya. Saya berharap agar kementerian dapat menambah baik aspek skop bidang kuasa pematuhan, pembudayaan dan hukuman bagi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006.

Di samping langkah-langkah tadi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, dari segi tanggungjawab kementerian ini, kita kata tadi kita telah memberikan kuasa dan wajah yang baru tetapi saya berbalik kepada konsep Rukun Negara tadi iaitu apa yang kita lakukan mestilah berlandaskan kepada tiang seri tadi, berasaskan kepada ketenangan dan ketenteraman.

Akan tetapi, kalau kementerian sendiri tidak membantu. Contohnya, kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, satu minit.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Aduh, satu minit. Okey, saya sentuh yang penting. Contohnya, saya hendak kata macam ini. Kes Selangor, kes air yang saya ceritakan tadi, di Sungai Gong. Apa dia punya *result*-nya sampai hari ini? Apa tindakan? *We want the report.*

Oleh sebab kalau tidak, kita sudah boleh syak macam Yang Berhormat kata tadi. Ini ada benda, udang di sebalik batu ini. Nak-nak pegawai pun Melayu, itu Melayu, ini Melayu. Macam saya kata itu hari, pegawai hutan Melayu, pegawai pendaftaran Melayu, pegawai tanah Melayu, DO Melayu, PBT Melayu, semua Melayu. MB Melayu, Menteri Melayu jadi kita sudah syak. Jadi mungkin kita berdosa. Kita mengesyaki mungkin benda yang tidak betul.

Akan tetapi buktikan kepada kita tidak betul. Laporan *progress report*, mana dia? Bagi tahu kita apa tindakan? Sudah ambil kah belum kepada mereka yang bertanggungjawab. Kes Sungai Gong, penderitaan kepada kita. Akan tetapi hari ini nampaknya macam hendak lepas sahaja. Pasir Gudang, Sungai Kim Kim sudah berapa tahun? Ada *progress report* tak sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua? Ada tidak laporan? Apa jadi dengan mereka yang bertanggungjawab itu hari, apa jadi? Sampai ke hari ini pun kita tidak tahu cerita. Ini yang membuatkan tidak ada ketenangan di kalangan...

## ■1720

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Hati rakyat...

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Tiga saat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Baik, sekejap, sekejap.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Sungai Kim Kim...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Di kalangan, tidak ada ketenteraman. Kes penerokaan haram tanah- Musang King di Raub. Ada seorang pegawai *military* baru hendak masuk, kena jail selama dua tahun. Ini sudah buat beribu-ribu, berpuluhan-puluhan tahun tidak ada tindakan pun. Ini yang saya kata Yang Berhormat tanya ada atau tidak?

Yes! Pada kita perkara ini berlaku kerana sudah pasti yang berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Jadi, macam mana kita hendak mengatakan negara ini akan basmi rasuah? Akan jadi negara yang berintegriti? Ini mesti disokong oleh semua kaum, bukan orang Melayu sahaja. Orang China, orang India semua kena sokong. Iaitu mereka yang bersalah yang bersalah yang membuat perkara-perkara yang bercanggah tadi, jangan pula sama-sama kita buat protes menyokong orang yang melanggar peraturan dan undang-undang. Bahkan Yang Berhormat pun menyokong puak-puak yang bercanggah dengan undang-undang. Ini tidak betul. Ini kerana mempunyai perasaan cauvinis dan rasis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ini tidak ada jati diri negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Gulung Yang Berhormat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, terima kasih.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta satu pandangan dari Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkas ya.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tadi saya sudah bangkit, minta tidak cukup masa. Pendek sahaja soalan saya. Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus, saya hendak tahu pandangan Yang Berhormat Senator sama ada parti politik yang perkauman satu halangan kepada perpaduan di negara kita?

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Jawapan saya tegas. Saya sudah beberapa kali saya *mention* dalam Dewan yang mulia ini, parti politik cauvinis yang bertanggungjawab apa yang berlaku pada kita pada hari ini. Itu jawapan saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ringkas.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Soalan yang pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Senator telah bangkitkan isu Sungai Kim Kim. Sebenarnya Sungai Kim Kim sudah habis siasatan. Semua sudah habis dan ada di peringkat mahkamah, dia dalam peringkat perbicaraan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya, saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, kena bagi laporanlah. *Progressive report. Come on, we are waiting for it.* Kebanyakan kes tidak ada laporan.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *Sub judice* sudah mahkamah.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tidak akan boleh buat, sekurang-kurangnya dibincangkan dalam Parlimen. Beritahu kita, kalau *sub judice* sampai bila? Kita boleh kena tipu, tunggu-tunggu tidak ada jawapan, tidak ada tindakan berlaku. Bila hendak tanya, *sub judice*. Pengsanlah kalau hendak jawab macam itu.

Maksudnya, kan saya berbalik kepada ketenangan dan ketenteraman atas kepada tiang seri tadi, itu penting. Itu terpulang kepada kita untuk meyakinkan rakyat supaya mereka tidak marah kerana dengan kemarahan di kalangan berbilang kaum, ini tidak akan mencapai hasrat kita untuk menyatupadukan rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat telah banyak menimbulkan perkara-perkara baik yang difikirkan bersama dan kita betulkan bersama.

Sekarang ada sembilan orang yang sudah bercakap, dan saya minta sekarang Yang Berhormat Menteri menjawab. Dipersilakan.

### 5.23 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk duduk bagi menggulung rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020, dan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020 di Dewan yang mulia ini.

Sesungguhnya kerajaan amat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberikan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Ada juga isu yang dibangkitkan yang tidak berkaitan dengan rang undang-undang, namun pihak kementerian mengambil maklum tentang perkara-perkara yang telah dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebanyak sembilan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong;
- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris;
- (iii) Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair;

- (iv) Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad;
- (v) Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid;
- (vi) Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah;
- (vii) Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya;
- (viii) Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; dan
- (ix) Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusunan semula kementerian dan agensi ini bertujuan mengoptimumkan penggunaan sumber bagi memantapkan sistem penyampaian kerajaan dan memastikan pertindihan fungsi antara kementerian dapat dikurangkan. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang terbaik daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin saya dapat memberikan sedikit penjelasan. Sekiranya penjelasan ini tidak mencukupi, izinkan saya memberi penjelasan secara bertulis. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan berkaitan isu bagaimana *silo mentality* dalam kita menguruskan pentadbiran.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu pembentukan Kabinet juga banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Izin saya nyatakan di sini, rang undang-undang ini adalah Rang Undang-undang Perbekalan Penguntukan Semula Bajet 2020 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada ketika kerajaan yang terdahulu. Sudah pastinya penguntukan semula ini bukan satu perkara yang aneh atau satu perkara yang agak ganjal. Ini kerana penguntukan semula ini pernah dilakukan oleh kerajaan terdahulu selepas pembentukan Kerajaan Pakatan Harapan selepas memenangi pilihan raya pada 9 Mei 2018.

Pada ketika itu, berlaku penguntukan semula, Rang Undang-undang Perbekalan Penguntukan Semula kerana mewujudkan kementerian-kementerian di mana agensi-agensi juga dipindahkan ke sana dan ke sini. Bukan timbul isu tebuk menebak tetapi isu ketika itu pada khidmat kami semasa menjadi pihak pembangkang, sudah pasti pihak kerajaan ketika itu mempunyai pandangan, mempunyai hala tuju dan satu keadaan untuk memastikan kebijakan rakyat pada ketika itu dapat dipenuhi. Oleh itu, apabila timbul persoalan membentuk bagaimana Kabinet pada hari ini dibentuk, lebih ramai Menteri Kabinet, lebih ramai Timbalan Menteri Kabinet.

Izinkan saya memberi sedikit penjelasan, semasa kerajaan terdahulu jawatan pegawai tugas-tugas khas tidak ada semasa kerajaan terdahulu. Sebelum kerajaan terdahulu tidak ada pegawai tugas-tugas khas di wujudkan di pejabat Timbalan-timbalan Menteri. Akan tetapi, dalam

kerajaan terdahulu mereka mewujudkan satu jawatan bagi memastikan keberkesanan dasar itu diteruskan oleh kerajaan pada hari ini.

Jadi, saya kira polemik pembentukan Kabinet tidak harus dihangatkan atau dibincangkan kerana sudah pasti apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdasarkan pandangan beliau kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai pengalaman yang luas bukan sahaja pernah berada di dalam kerajaan terdahulu, beliau juga mempunyai pengalaman puluhan tahun dalam kerajaan-kerajaan yang lepas.

Jadi, perkara-perkara yang sama ada menambahkan hutang negara, menambahkan perbelanjaan seperti mana yang saya beritahu di awal tadi, tidak ada langsung penambahan peruntukan tambahan kerana ini hanyalah penguntukan biasa yang dibuat sekiranya berlaku pembentukan Kabinet baharu atau sedikit *realignment Cabinet* yang dibuat oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya juga ingin memberitahu tentang *silo mentality*. Itu sebabnya Yang Berhormat Senator Ahli-ahli Dewan Negara kerajaan hari ini mewujudkan kluster-kluster. Kluster ekonomi, kluster sosial, kluster keselamatan dan kluster infrastruktur. Kluster inilah yang dikatakan akan memberi kerjasama di antara kementerian. Ramai Ahli Yang Berhormat Dewan Negara bangkitkan bagaimana *share data* dan bagaimana pemetaan utiliti. Sudah pasti sebagai contoh Kluster Infrastruktur dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya akan mengambil pandangan-pandangan Yang Berhormat Senator tentang bagaimana perkongsian data bagi kita meminimumkan perbelanjaan kerajaan.

Sudah pasti dalam keadaan kita hadapi COVID-19 seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga menghadapi pengurangan dari segi kewangan negara. *Insyah-Allah* Yang Berhormat, sebentar lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membentangkan satu rang undang-undang berkaitan COVID-19.

Sudah pasti apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak mahu membuat penjelasan di sini kerana saya memberi ruang dan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab posisi kewangan semasa negara dan bagaimana pengurusan kewangan atau pengurusan hutang negara dapat diuruskan dengan lebih baik.

## ■1730

Saya yakin dan percaya walaupun kita di Dewan yang mulia ini difahamkan ada defisit fiskal yang akan meningkat tetapi bagaimana pengurusan kewangan ini yang efisien berdasarkan penjimatan yang dibuat di peringkat kementerian, sudah pasti ia juga akan mengambil kira perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya yakin, *silo mentality* ini akan

dapat kita kurangkan supaya perkongsian di antara kementerian-kementerian bukan sahaja data, malah juga kepakaran-kepakaran yang ada.

Ahli Yang Berhormat Senator bangkitkan, bagaimana Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Izinkan saya memberi sedikit penjelasan. Kita akui di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi, ia bersifat meneroka ilmu-ilmu yang baharu. Manakala Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi merupakan bagaimana *applied teknologi* itu berlaku. Sudah pasti kerjasama di antara dua kementerian ini akan membentuk satu sinergi yang baik bagi memastikan tidak ada pertindihan fungsi. Apa yang paling pentingnya ialah kita mesti berada di hadapan. Walaupun banyak negara jiran sudah memotong kita seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya yakin dan percaya *silo mentality* melalui pembentukan kluster-kluster Menteri-menteri Kanan ini juga akan menyelesaikan sedikit sebanyak perkara-perkara yang berbangkit.

Izinkan saya juga memberi sedikit penjelasan mengenai isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah tadi berkaitan Menteri Kanan ini, adakah pertambahan gaji sebab nama kanan itu mungkin ada sedikit penambahan dari segi senioriti.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada sebarang penambahan gaji di antara Menteri dan Menteri Kanan. Sudah pasti lantikan-lantikan politik yang dibuat ini bukan sahaja mengambil kira politik kepartian tetapi setiausaha politik yang dilantik ini memberi keupayaan supaya mereka lebih banyak membuat *engagement* dengan masyarakat. Saya yakin dan percaya perkara ini dapat penjelasan yang jelas.

Ada juga yang membangkitkan bahawasanya Yang Berhormat Menteri Kewangan merupakan ejen kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bukan sahaja Yang Berhormat Menteri Kewangan, semua Menteri Kabinet merupakan lantikan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sudah pasti segala pandangan, segala hala tuju atau dasar yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sudah pasti Menteri-menteri Kabinet akan berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membentuk sebuah dasar dalam *meeting* Kabinet untuk memastikan apa sahaja yang diputuskan, walaupun idea itu datang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sudah pastinya *collective views* ini akan diambil kira kerana inilah yang akan memberi kesenangan kepada rakyat Malaysia di bawah Kerajaan Perikatan Nasional.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris bangkitkan tentang bagaimana kementerian-kementerian baharu yang perlu diwujudkan, Kementerian Belia, Kementerian Sukan dan juga ada Yang Berhormat bangkitkan tentang Kementerian Veteran, Kementerian Peribumi.

Sudah pasti syor-syor ini, Yang Berhormat, kita akan ambil pandangan Yang Berhormat, kerana apa? Kita sedang melakukan konsultasi Bajet 2021 dan kita sedang membuat libat urus tentang Rancangan Malaysia Kedua Belas. Sudah pasti kedua-dua perkara ini akan diambil timbangkan. Sekiranya mungkin tidak mewujudkan kementerian, elemen-elemen pemerkasaan jabatan-jabatan itu juga akan diambil kira kerana inilah yang akan memberi kesan kepada sistem penyampaian. Kerana apa, Yang Berhormat? Tema keempat dalam Bajet 2021 adalah meningkatkan kecekapan pentadbiran awam.

Sudah pasti dalam elemen tema tersebut yang sedang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya sendiri turun padang untuk melihat pandangan-pandangan akar umbi, sudah pasti perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat ini kami akan ambil kira.

Begitu juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair tentang kutipan cukai. Saya yakin perkara ini akan disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya minta Yang Berhormat Senator dapat bersabar. Penjelasan nanti akan diberikan.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad juga bangkitkan tentang *shared data*. Saya juga yakin dan percaya apa yang disebutkan tentang perkara ini juga diambil kira. Saya suka untuk menjemput Ahli Yang Berhormat untuk turut bersama dengan saya dalam sesi konsultasi *digital economy* seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi tadi, bagaimana MSC dan bagaimana negara-negara jiran.

Sudah pasti pandangan-pandangan Yang Berhormat ini kami akan guna. Kerana apa? Kami sekarang ini, kita semua ini sedang berada dalam fasa keempat iaitu fasa *recovery* atau fasa pemulihan. Kita mempunyai lagi dua fasa seperti mana yang saya telah selalu sebut dalam Dewan Negara ini. Makna, dalam strategi enam 'R' ini, kita berada dalam fasa *recovery*. Sudah pasti fasa yang kedua, fasa *revitalize* dan fasa *reform* ini, kami memerlukan pandangan-pandangan Yang Berhormat untuk kita memastikan segala apa yang kita lakukan sudah pasti akan dilakukan untuk rakyat.

Saya juga ingin memberi sedikit penjelasan berkaitan tentang bagaimana lantikan-lantikan yang dibuat. Lantikan-lantikan politik yang dibuat berasaskan pekeliling yang sedia ada dan sudah pastinya apa sahaja yang dibuat di pejabat-pejabat Menteri atau Timbalan Menteri, ia mengambil kira keperluan asas. Bagaimana tangga gaji mereka? Ia ditentukan oleh pihak JPA berdasarkan pengalaman.

Kita tahu dalam sistem penggajian ini, ia akan memberi kebajikan kepada penggerak asas kepada hala tuju kementerian atau hala tuju di dalam pejabat-pejabat tertentu. Sudah pasti sekiranya kita tidak berasaskan kepada pengalaman dan had umur mereka dalam pertimbangan

JPA, sudah pasti kita juga akan menganiayai penjawat-penjawat awam sama ada mereka lantikan tetap atau lantikan politik.

Saya juga yakin dan percaya Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya bangkitkan tentang bagaimana negara berkesinambungan. Saya melihat perkara ini adalah perkara yang diteruskan oleh Kementerian Kewangan dan Kerajaan Perikatan Nasional. Itu sebabnya, Yang Berhormat, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk diteruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengoperasian Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) bukan diwujudkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional tetapi telah dilancarkan oleh kerajaan terdahulu. Namun, bagi memastikan kerajaan hari ini kerajaan yang berkesinambungan, kerajaan yang memahami aspirasi rakyat, kita faham bagaimana pengagihan pendapatan mesti sama rata sama ada di Semenanjung Pantai Timur atau Pantai Barat, sama ada Sabah atau Sarawak. Sudah pasti pengoperasian ini mengambil kira dua Rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas di mana Rancangan Malaysia Kedua Belas akan bermula pada tahun 2021 sehingga 2025 dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas tahun 2026 sehingga 2030.

Sudah pasti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ini yang berasaskan tiga objektif iaitu pembangunan untuk semua; menangani jurang kekayaan dan pendapatan; negara bersatu, makmur dan bermaruah berasaskan 15 prinsip panduan, tujuh teras strategi, lapan pemboleh daya iaitu *10 enablers* dan 10 sasaran akan kita lakukan sebaik mungkin dalam memastikan apa sahaja pandangan Yang Berhormat akan tercapai.

Sudah pasti ia berkaitan capaian Internet. Dalam pantun Yang Berhormat tadi, saya amat memahami, sudah pasti perkara ini telah terangkum dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. *Insya-Allah*, pada 6 November 2020 nanti, Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengumumkan fasa yang kelima melalui Bajet 2021 dan Januari tahun hadapan, *insya-Allah*, kita akan umumkan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi memastikan apa sahaja Yang Berhormat nyatakan tadi, *insya-Allah*, kita akan ambil kira.

Saya yakin dan percaya modal insan di antara KPT dan KPM yang Yang Berhormat bangkitkan tadi juga menjadi nadi utama kepada Kerajaan Perikatan Nasional dan sudah pasti kita mahu KPT berdiri dengan sendiri, KPM berdiri dengan sendiri. Sudah pasti pertindihan fungsi di antara dua kementerian ini mesti dielakkan supaya sistem pendidikan asas negara kita dan sistem pendidikan tinggi negara kita dapat dicapai dengan baik.

Berkaitan Dasar Tahfiz Negara, Yang Berhormat, saya minta kerjasama Yang Berhormat untuk berikan kebenaran kepada saya untuk memberi jawapan secara bertulis kerana ia

terlampau panjang dan terlampau agak teknikal, agak sukar untuk saya memperjelaskan di sini. *Insya-Allah*, Kementerian Kewangan amat-amat berbesar hati supaya Dasar Tahfiz Negara ini dapat dilaksanakan dan mencapai matlamat dan objektif yang telah digariskan. Kerana apa? Dasar Tahfiz Negara telah dibuat oleh kerajaan-kerajaan yang terdahulu.

Saya hendak menyentuh kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin berkaitan *online* penjajaran. Betul, Yang Berhormat nyatakan tadi apabila kita lakukan *online* dengan COVID, akan ada penjimatan. Penjimatan ini kita simpan untuk memastikan apa sahaja dasar-dasar yang akan datang, sebagai contoh, bila kita laksanakan PRIHATIN, kita mula-mula buat PRE atau Pakej Rangsangan Ekonomi, kemudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin umumkan PRIHATIN dan kita nampak ada kekurangan dari segi PKS, kita umumkan pula Prihatin PKS.

Apabila kita lihat penyelesaian Prihatin PKS dan PRIHATIN dan ada penambahan yang perlu kita lakukan untuk PENJANA, untuk jana semula ekonomi negara, kita salurkan. Penjimatan-penjimatan yang kita buat ini sudah pasti adalah untuk rakyat. Kita mesti pastikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada suntikan yang kita lakukan, 72 peratus adalah untuk rakyat. Walaupun kita selalu meletakkan tiga teras iaitu menyokong rakyat, menyokong perniagaan dan menyokong ekonomi tetapi tumpuan kita kepada apa yang kita lakukan, penjajaran bajet yang Yang Berhormat sebutkan tadi, pastinya kita akan beri kepada rakyat. Kerana apa? Kerajaan prihatin amat penting kepada rakyat.

Saya juga ingin membuat penjelasan berkaitan Majlis Kewangan Negara. Yang Berhormat Senator cadangkan tadi supaya bagaimana insentif kecekapan. Dahulu kita pakai perakaunan berdasarkan *cash*.

#### ■1740

Kemudian kita membuat perubahan dari segi *modified cash base*. *Insya-Allah* Yang Berhormat dalam masa akan datang, kita akan meneruskan supaya kita membuat *accrual base accounting* supaya lebih jelas dari segi pelaksanaan perbelanjaan kewangan di setiap kementerian dan *insya-Allah* pandangan Yang Berhormat untuk memastikan pegawai-pegawai di kementerian, Menteri-menteri dan Timbalan Menteri dapat melaksanakan inisiatif-inisiatif berdasarkan perbelanjaan berjimat cermat dengan ini kami akan laksanakan dengan baik.

Ini kerana apa, apa sahaja yang kita lakukan, kita lakukan untuk rakyat. Yang Berhormat bangkitkan berkaitan PBT, Akta 672, saya juga minta Yang Berhormat untuk membuat jawapan secara bertulis kerana ia agak teknikal memerlukan konsultasi yang lebih jelas kepada pejabat Jabatan Peguam Negara. Izinkan saya membuat jawapan secara bertulis. Berkaitan Senator

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah berkaitan Kementerian Perpaduan Negara, *insya-Allah* Yang Berhormat pandangan Yang Berhormat Tan Sri tadi akan saya sampaikan.

Sudah pasti pegawai-pegawai kementerian yang ada membantu saya dalam sesi penggulungan ini memahami supaya Kementerian Perpaduan yang diwujudkan selepas kita mencapai 50 tahun perwujudan Rukun Negara dan sudah pasti perkara-perkara ini juga akan dilaksanakan.

Berkaitan laporan progresif, saya amat bersetuju pandangan Yang Berhormat. Itu yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, laporan PRIHATIN dan PENJANA dilaporkan pada setiap minggu, pada hari Selasa dan nampaknya pandangan Yang Berhormat Senator tadi ada asasnya. Sudah pasti perkara ini akan menjadi satu *new norma* bagi kementerian-kementerian untuk melaporkan kepada rakyat tentang apa yang dilakukan. *Insya-Allah* semasa rang undang-undang sebentar lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan juga akan memberi penerangan tentang laporan-laporan berkaitan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja yang dapat saya sampaikan penjelasan, bahawa perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan rang undang-undang, izinkan saya beri juga penjelasan atas keprihatinan Kementerian Kewangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya amat menyanjung tinggi pandangan, usaha dan komitmen Yang Berhormat dalam membahaskan rang undang-undang ini. Walaupun ada yang bersetuju, ada yang tak bersetuju tetapi saya yakin di hati kecil Yang Berhormat-Yang Berhormat semua ingin melihat negara kita mempunyai wajah yang baru, negara kita akan mempunyai kekuatan yang baru untuk menghadapi COVID-19 ini.

Saya kira itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah yang telah pun menjawab dengan tepat dan panjang lebar. Ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN  
KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.45 ptg.**

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan iaitu rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk Mengadakan Peruntukan Bagi Langkah-langkah Sementara Yang Berhubungan Dengan Pembiayaan Kerajaan untuk Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan:

- (i) menaikkan had amaun bagi jumlah amaun wang yang boleh di perdapat di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959 [Akta 637] dan jumlah amaun wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]; dan
- (ii) untuk menubuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19 untuk membenarkan wang yang di perdapat di bawah Akta Pinjaman Tempatan 1959 dan wang yang diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dibayar ke dalam Kumpulan Wang COVID-19.

Untuk membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Fiskal yang berkesan penting demi memastikan ekonomi kekal berdaya tahan, seterusnya berupaya untuk menyediakan langkah kitaran balas, dengan izin, *counter circle measures*. Dalam menangani kejutan luaran, sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran global seperti kemelesetan ekonomi, ketidakstabilan harga komoditi dan pasaran kewangan serta pergerakan geopolitik.

Kita telah dilanda satu peristiwa musibah yang bukan hanya menggugat pertumbuhan ekonomi, malah mengancam nyawa manusia. Wabak yang dikenali sebagai Koronavirus 2019 atau COVID-19 ini telah pun merebak begitu pantas dan mendadak melangkaui sempadan merentas seluruh pelosok dunia.

Oleh yang demikian, hampir ke semua negara di dunia telah melaksanakan langkah pengawalan seperti pengisytiharan darurat, perintah berkurung atau Perintah Kawalan

Pergerakan bagi mengurangkan risiko masyarakat awam dari terdedah kepada virus ini atau menjadi agen penyebar virus di kalangan masyarakat.

Maka kerajaan telah melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula daripada 18 Mac...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, maaf ya.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Sehingga 31 Ogos 2020.

*[Tuan Yang di-Pertua mempergeserikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan sahaja Yang Berhormat.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Maka kerajaan telah melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula daripada 18 Mac sehingga 31 Ogos 2020. Walaupun PKP telah berjaya mengawal penularan COVID-19, langkah ini memberi impak yang ketara ke atas aktiviti ekonomi. Operasi perniagaan dan aktiviti seharian rakyat turut terjejas mengikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Langkah PKP dengan penutupan operasi perniagaan di kebanyakan sektor ekonomi menyebabkan kehilangan pendapatan dan seterusnya meningkatkan risiko kehilangan pekerjaan dalam kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, *the unprecedented crisis*, dengan izin, secara langsung telah memberi kesan negatif ke atas ekonomi global. Agensi antarabangsa seperti IMF telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia merosot sebanyak negatif 4.9 peratus menjadikan krisis ekonomi kali ini merupakan krisis yang terburuk sejak *The Great Depression* dalam tahun 1930. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kita tidak mempunyai pilihan.

## ■1750

Memelihara kesejahteraan rakyat dan ekonomi merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Lantas, kerajaan dengan nekad dan dengan segera mengambil langkah intervensi bagi membantu rakyat dan mengelakkan ekonomi daripada terjerumus jatuh ke tahap yang jauh lebih teruk. Justeru, kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion atau sekitar sejumlah 20 peratus KDNK dengan suntikan langsung fiskal sebanyak RM45 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk melaksanakan pakej rangsangan ekonomi ini tidak sahaja dibuat oleh Malaysia. Malah hampir kesemua negara di dunia yang sama terjejas mengumumkan pakej rangsangan ekonomi masing-masing bagi mengurangkan impak akibat penularan COVID-19 dengan anggaran sekitar USD11 trilion.

Mengambil contoh negara-negara serantau, Indonesia telah mengumumkan pakej rangsangan sebanyak USD40.3 bilion. Thailand pula mengumumkan pakej rangsangan berjumlah USD61.2 bilion manakala Singapura juga telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi yang keseluruhannya berjumlah hampir USD65.8 bilion.

Mengambil contoh negara-negara maju pula, Jerman telah menubuhkan sebuah tabung penstabilan ekonomi bagi membiayai dua pakej rangsangan berjumlah hampir USD1.4 trillion atau sebanyak 40.9 peratus KDNK dengan skim jaminan sebanyak USD900 bilion. Australia pula telah mengumumkan pakej rangsangan berjumlah USD133 bilion atau sebanyak 10.6 peratus KDNK.

Secara amnya, langkah pakej rangsangan adalah unik dan bergantung pada *microeconomic fundamental*, dengan izin bagi setiap negara. Secara relatifnya, berdasarkan nisbah kepada KDNK, saiz pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi oleh Malaysia adalah setara dengan kebanyakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerangka pengurusan fiskal negara mempunyai dua kaedah disiplin iaitu kerangka kawalan secara perundangan melalui akta-akta yang sedang berkuat kuasa seperti penetapan had siling hutang Kerajaan Persekutuan serta kerangka kawalan secara pentadbiran atau, dengan izin, *self-imposed* seperti penetapan bayaran khidmat hutang tidak melebihi 15 peratus daripada hasil kerajaan.

Melalui langkah-langkah kawalan ini, *alhamdulillah* sehingga kini Malaysia masih berada dalam kategori penarafan gred pelaburan A- dan A3 selain kekal dianggap sebagai sebuah ekonomi yang berdaya saing di rantau ini. Malaysia juga menduduki tangga ke-12 daripada sejumlah 160 negara dalam laporan *Doing Business 2020* yang diterbitkan oleh Bank Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *an unprecedented crisis will need unconventional responses*. Dalam usaha mencari penyelesaian untuk menghadapi krisis akibat COVID-19, satu akta yang mempunyai tempoh sementara perlu diperkenalkan.

Ia digubal berdasarkan kepada lima kerangka utama seperti berikut; Pertama, kerangka perundangan ataupun *legality*. Rang undang-undang ini telah mengambil kira semua kerangka perundangan negara yang sedang berkuat kuasa termasuklah Perlembagaan Persekutuan dan amalan yang biasa diguna pakai di peringkat antarabangsa.

Kedua, keberhasilan ataupun *outcome*. Kerajaan sentiasa memastikan program dan projek yang dikenal pasti dalam pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi memberikan impak langsung kepada rakyat dan ekonomi dalam tempoh segera dan jangka sederhana.

Ketiga, kemampuan ataupun *affordability*. Kerajaan mempunyai keupayaan untuk menguruskan komitmen kewangan tambahan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan

pemulihan ekonomi melalui pengenalan rang undang-undang ini serta mempunyai kemampuan untuk kembali mematuhi disiplin fiskal sedia ada.

Keempat, ketulusan atau *transparency*. Kesemua dana bagi perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dimasukkan ke dalam satu kumpulan wang khas dan perbelanjaan kumpulan wang ini menjadi sebahagian daripada pengiraan defisit keseluruhan kerajaan. Dengan izin, *it is on-budget and not off-budget*. Malah, semua item perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pelan pemulihan disenaraikan dengan jelas di dalam rang undang-undang ini.

Kelima, tadbir urus yang baik atau *good governance*. Akta ini memerlukan kerajaan untuk membentang laporan tahunan semua perbelanjaan berkaitan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi seperti yang disenaraikan malah sebarang pengumuman pakej rangsangan tambahan oleh kerajaan memerlukan pindaan kepada rang undang-undang ini sekali gus bermakna ia memerlukan kelulusan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dinamakan Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 ini membenarkan kerajaan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (i) menaikkan had statutori bagi jumlah amaun wang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 sehingga sejumlah 60 peratus KDNK;
- (ii) menukuhkan satu Kumpulan Wang COVID-19 dan membenarkan wang yang diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dibayar ke dalam kumpulan wang ini; dan
- (iii) membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk memberikan huraian secara ringkas setiap fasal di bawah Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. Rang undang-undang ini mempunyai lapan fasal dan satu Jadual seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh kuat kuasa akta bermula pada 27 Februari 2020 hingga 31 Disember 2022. Kecuali bagi fasal 3, tarikh permulaan bagi kuat kuasa akta ini adalah mulai 27 Februari selaras dengan pengumuman pakej rangsangan ekonomi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan ‘Menteri’ yang bererti Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Fasal 3 memperincikan mengenai kenaikan had amaun pinjaman di mana had amaun di bawah sub fasal 3(1) bagi pinjaman yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dinaikkan sehingga 60 peratus daripada KDNK apabila dikira bersama.

Pada masa kini, had yang ditetapkan adalah kadar pada 55 peratus KDNK di bawah Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2009. Kenaikan had ini merupakan satu langkah sementara dan akan kembali kepada had 55 peratus KDNK pada tahun 2023.

Sub fasal 3(2), menjelaskan bahawa had amaun baharu akan berkuat kuasa mulai tarikh akta yang dicadangkan ini disiarkan di dalam Warta hingga 31 Disember 2022 di mana di dalam tempoh itu, had amaun yang dinyatakan di bawah [P.U.(A) 241/2009] adalah digantung.

Fasal 4 memperuntukkan mengenai Kumpulan Wang COVID-19 dan membenarkan pinjaman yang diperdapat di bawah subseksyen 3(1) Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan subseksyen 3(1) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dimasukkan di dalam Kumpulan Wang COVID-19 untuk membiayai program yang dinyatakan di dalam Jadual kepada akta ini.

Fasal 5 memperincikan mengenai penggunaan Kumpulan Wang COVID-19 dan kaedah pengurusan amaun di bawah di setiap program di dalam Jadual. Wang di dalam Kumpulan Wang COVID-19 hanya boleh digunakan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang dinyatakan di dalam Jadual kepada akta ini.

Fasal 6 bertujuan untuk mengesahkan wang yang disalurkan ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 diperuntukkan dan dibayar daripada kumpulan wang ini mulai 27 Februari 2020 hingga tarikh pewartaan akta ini.

Fasal 7 bertujuan untuk menghendaki Yang Berhormat Menteri menyediakan penyata terimaan dan perbelanjaan wang diakaunkan dalam Kumpulan Wang COVID-19 selepas berakhirnya setiap tahun kewangan dan penyata itu akan disiarkan dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan tahunan.

Fasal 8 bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai kaedah penutupan Kumpulan Wang COVID-19 telah tamat tempoh tarikh kuat kuasa akta ini. Jadual kepada rang undang-undang memperincikan senarai program di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi berserta jumlah yang diperuntukkan bagi setiap program berkenaan dengan amaun keseluruhan berjumlah RM45 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita yang berada di dala Dewan yang mulia ini datang daripada pelbagai latar belakang serta membawa mandat masing-masing. Eloklah kita tidak terbawa-bawa sentimen kepartian kerana tujuan kita yang sama iaitu memastikan kebajikan rakyat terbela dan kesejahteraan negara berkekalan. *Alhamdulillah*, semasa sesi Dewan Rakyat, rang undang-undang ini dapat diterima dengan baik walaupun ada cadangan untuk kerajaan menggandakan peruntukan bagi pakej rangsangan.

*Insya-Allah*, pakej ini adalah dinamik dan kerajaan akan sentiasa memantau rapi perkembangan semasa berkenaan krisis COVID-19. Justeru, besarlah harapan kerajaan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan input yang membina semasa sesi perbahasan rang undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyokong?

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah sementara yang berhubungan dengan pembiayaan kerajaan untuk mengurangkan kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) dengan menaikkan had amaun bagi jumlah amaun wang yang boleh diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [*Akta 637*] dan jumlah amaun wang yang boleh diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*] untuk menuuhkan suatu Kumpulan Wang COVID-19.

Ini untuk membenarkan wang yang diperdapat di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 dan wang yang diterima di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983, dibayar ke dalam Kumpulan Wang COVID-19 untuk membenarkan wang dalam Kumpulan Wang COVID-19 digunakan dan diuntukkan bagi maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dibacakan bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

## ■1800

Saya mengingatkan supaya kita jimat dalam idea dan merumus dengan tepat oleh sebab telah diberi permohonan kepada saya bagi 15 orang untuk berbahas. Oleh itu, jika seseorang menggunakan 10 minit, tentulah amaun masa yang dicari ialah 150 minit bermakna dua jam lebih. Oleh itu saya memutuskan supaya setiap orang yang membahas hendaklah persis dan bahasanya jimat dan tujuannya sampai. Kita akan lihat bagaimana trend itu dapat kita saksikan dan juga jamin supaya niat baik dan juga matlamat suci ini terbukti dapat disokong.

Teruskan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

## 6.02 ptg.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini negara kita telah dilanda satu peristiwa ataupun satu musibah yang bukan hanya mengugat pertumbuhan ekonomi malahan mengancam nyawa manusia. Wabak COVID-19 ini telah pun merebak begitu pantas dan mendadak, menjangkau sempadan, merentas seluruh pelosok dunia.

Oleh yang demikian, hampir semua negara di dunia telah melaksanakan langkah pengawalan seperti pengisytiharan darurat, perintah berkurnung atau perintah kawalan pergerakan bagi mengurangkan risiko masyarakat awam dari terdedah kepada virus ini. Kerajaan telah melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula dari 18 Mac hingga ke hari ini dan dijangka akan berakhir pada 31 Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kanan Keselamatan, tidak ketinggalan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Kesihatan dan juga tidak lupa kepada barisan hadapan yang tidak kenal penat lelah. Ini kerana mereka telah berusaha dengan sehabis baik dalam membantu rakyat Malaysia berdepan dengan pandemik COVID-19 sehingga Malaysia diiktiraf sebagai antara lima negara yang terbaik di dunia dalam mengawal COVID-19. Tahniah diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun PKP telah berjaya mengawal penularan COVID-19, langkah ini memberi impak yang ketara di atas aktiviti ekonomi. Operasi perniagaan dan aktiviti seharian rakyat turut terjejas berikutan pelaksanaan PKP. Langkah PKP telah menutup-penutupan operasi perniagaan di kebanyakan sektor ekonomi menyebabkan kehilangan pendapatan dan seterusnya meningkatkan risiko kehilangan pekerjaan di kalangan rakyat.

Saya melihat RUU ini merupakan salah satu langkah yang dapat memangkinkan ke arah sasaran tersebut. Persidangan Parlimen yang ditangguhkan pada awal penularan wabak di Malaysia sememangnya satu keputusan tepat yang mana ia merupakan antara langkah berjaga-jaga yang diambil dalam mengawal pandemik ini daripada merebak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berterima kasih kepada kerajaan kerana memperkenalkan pelan pemulihan ekonomi jangka pendek yang dikenali sebagai PENJANA untuk tempoh Jun hingga Disember ini. Pelan jangka pendek ini sekurang-kurangnya dapat

membantu merangsang pertumbuhan ekonomi negara di saat dunia mengalami penguncian ekonomi. Pelan PENJANA ini dilihat sebagai tindakan yang tepat pada masa yang mana setiap lapisan yang terkesan telah diambil kira dan bantuan-bantuan disediakan untuk membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk melaksanakan pakej rangsangan ekonomi ini tidak sahaja dibuat di Malaysia. Hampir semua negara di dunia yang sama terjejas mengumumkan pakej rangsangan ekonomi masing-masing bagi mengurangkan impak akibat penularan COVID-19. Kerajaan telah memperkenalkan 31 pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi yang mana setiap satunya mempunyai tujuan khusus untuk setiap kumpulan sasaran.

Sebagai contoh, bagi menangani peningkatan jumlah pengangguran, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 bilion di bawah PENJANA bagi membantu 3.3 juta rakyat Malaysia yang terkesan. Melalui pelan ini juga ekonomi Malaysia dijangka terus mampan, berdaya tahan dan berdaya saing dengan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan. Bank Dunia telah menjangkakan ekonomi Malaysia untuk bangkit semula dengan kadar pertumbuhan 6.9 peratus, manakala IMF menjangkakan kadar 6.3 peratus pada tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi bagaimana pula pelan jangka panjang kita? Apakah pelan untuk lima tahun atau 10 tahun akan datang? Adakah bantuan kewangan ini mampu bertahan hingga negara pulih kembali? Berapakah anggaran tempoh untuk ekonomi kita pulih seperti sedia kala? Bagaimana kemampuan kita untuk bertahan sehingga itu? Namun, saya yakin kerajaan mempunyai pelan yang komprehensif dalam berdepan dengan situasi ini dan meletakkan kepentingan negara serta rakyat sebagai keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, suntikan fiskal sebanyak RM45 bilion melalui penubuhan Kumpulan Wang COVID-19 adalah bertujuan untuk melaksanakan program dan projek pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi. Ini pasti dapat membantu rakyat dalam kesusahan yang teruk terjejas akibat kesan ekonomi yang merudum.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat peruntukan ini banyak membantu rakyat meneruskan kehidupan dengan bantuan keperluan makanan asas dan kelengkapan bagi *frontliners*. Langkah-langkah pemulihan melalui penyaluran bantuan-bantuan dari segi kewangan, program latihan, penjanaan peluang pekerjaan, moratorium bayaran pinjaman dan sebagainya membuktikan bahawa suntikan fiskal ini benar-benar digunakan untuk keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih apabila pakej Bantuan Prihatin Nasional diperkenalkan kepada rakyat bagi membantu meringankan beban masyarakat. Cuma dari segi

mekanisme penyampaian, ia perlu diperhalusi dan diperinci bagi mengambil kira akses yang terhad bagi capaian Internet dan perbankan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mohon agar Kementerian Kewangan membuat kaji selidik mengenai status penerimaan bantuan kewangan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bagi mengenal pasti kumpulan-kumpulan masyarakat yang tercicir daripada menerima bantuan ini.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan ialah tentang Program Subsidi Upah (PSU). Berdasarkan Laporan LAKSANA Ke-15 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 4 Ogos 2020, sebanyak RM8.97 bilion telah dibayar kepada 2.6 juta pekerja, dalam 311 ribu majikan setakat 24 Julai 2020.

■1810

Program ini juga telah dilanjutkan untuk tiga bulan dan akan berakhir pada Disember 2020. Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah syarikat yang didaftar di bawah SSM adalah sebanyak 1.361 juta setakat 30 Jun 2020. Jumlah majikan yang berjaya memohon skim PSU hanya adalah 311,191. Ini bermakna hanya 22.3 peratus mendapat manfaat daripada program PSU. Untuk yang lain, ada kemungkinan besar mereka tidak memohon bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri. Berapakah jumlah permohonan untuk program subsidi upah ini dan apakah punca serta sebab hanya 22.3...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi bagi Yang Berhormat. Sila gulung.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Ya. 22.3 peratus sahaja syarikat yang lulus permohonan mereka untuk program tersebut. Selain itu, adakah terdapat kes di mana majikan tidak membayar subsidi upah kepada pekerja mereka dan apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian sekiranya terdapat majikan yang tidak menyalurkan subsidi upah tersebut kepada pekerja mereka. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara dikejutkan dengan berita seorang bekas juruterbang sebuah syarikat swasta ditemukan maut selepas dipercayai terjun dari unit kediamannya di tingkat 12 sebuah kondominium di Bandar Kinrara. Menurut Ketua Polis Daerah Serdang, ACP Ismadi Borhan berkata mangsa berumur 35 tahun dikatakan berbuat demikian selepas berdepan dengan tekanan. Mangsa yang bekerja sebagai juruterbang di bawah syarikat tempatan telah diberhentikan kerja pada Mei 2020 dan dipercayai dalam keadaan tidak dapat mengawal diri sebelum bertindak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Kalau bawah dari 10 minit pun bagus.

### 6.12 ptg.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama ikut serta di dalam membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020. Saya pertama sekali mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri yang datang ke Dewan ini untuk membentangkan rang undang-undang ini.

Seharusnya kita semua bersyukur kepada Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan lindungan-Nya, negara kita terselamat dari kesan yang teruk akibat daripada pandemik COVID-19. Justeru itu, saya mengalu-alukan dan menyokong penuh langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk menyediakan pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi seperti apa yang terkandung di dalam rang undang-undang ini. Saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini telah memberikan impak yang besar untuk membantu rakyat bagi meringankan kesusahan yang mereka hadapi semasa kita berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini.

Jadi, beberapa perkara yang saya rasa perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di dalam kita melaksanakan pakej rangsangan ini. Pertama sekali, pakej yang melibatkan PRIHATIN dan PENJANA. Jadi kita ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam penyampaian bantuan ini, berapakah aduan-aduan yang diterima daripada rakyat yang tercicir daripada menerima bantuan ini. Kalau ada keciciran berlaku, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian untuk kita memperbaiki kaedah penyampaian kita di dalam pakej ini.

Kita juga difahamkan bahawa RM600 juta telah disediakan untuk membayar elaun khas kepada petugas-petugas barisan hadapan kita yang telah menjalankan tugas mereka dengan begitu cemerlang sekali. Jadi juga kita prihatin kepada perkhidmatan yang telah mereka sumbangkan. Jadi, kita ingin tahu apakah ada aspek-aspek keciciran ataupun kelambatan di dalam kerajaan membayar elaun-elaun khas kepada mereka ataupun adakah ia melalui satu proses yang mungkin agak luar biasa sedikit, mungkin bertentangan dengan garis panduan perbelanjaan Perbendaharaan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat aspek pakej ini, kita harus juga melihat kepada perkara-perkara yang lebih ke hadapan iaitu pertama sekali kita ingin tahu bagaimanakah

kerajaan dapat mengumpul dana atau meraih dana tempatan selain daripada penerbitan Sukuk PRIHATIN dalam membiayai pakej rangsangan ekonomi dan suntikan dana bagi kumpulan wang COVID-19 ini. Apakah strategi-strategi pemantauan yang kita buat di dalam kita melihat bahawa bagaimana kerajaan boleh mengumpul dana-dana yang patut di- tidak naikkan ataupun disuntikkan lagi, selain daripada kita mengutip atau menerbitkan Sukuk-sukuk perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lebih prihatin kepada soal untuk kita melangkah ke hadapan. Ini kerana pakej ini sudah tentulah berjalan dengan baik tetapi apakah *the way forward* bagi kerajaan untuk memperkuuhkan ekonomi kita pada masa akan datang. Saya berpendapat bahawa kita tidak boleh bergantung lagi kepada sektor-sektor tradisional kita yang mungkin merupakan sumber pendapatan untuk negara kita. Akan tetapi, apakah kerajaan mempunyai ruang-ruang ekonomi yang baharu, sektor-sektor ekonomi yang baharu untuk kita menjana pendapatan untuk negara kita pada masa akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi tiga minit Yang Berhormat.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi tiga minit.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan akan bergantung pada pekerja-pekerja asing di dalam sektor-sektor ekonomi yang tertentu untuk negara kita? Apakah negara kita akan meningkatkan lagi peningkatan keluaran makanan di dalam negara kerana kita tahu selepas pasca COVID ini, aspek globalisasi akan kendur.

Jadi, negara-negara pengeluar makanan yang selalu kita import dahulu akan mementingkan kepentingan mereka sendiri, kemudian barulah mungkin mereka mahu menjual makanan-makanan untuk kita. Maka, ini adalah aspek yang perlu dilihat oleh kerajaan dan saya berpendapat juga bahawa kerajaan mesti ada *macro development strategies* yang perlu dikaji untuk memperkuuhkan ekonomi masa hadapan kita.

Seterusnya, untuk perbelanjaan kerajaan pada masa hadapan, harus ditingkatkan. Perbelanjaan untuk kesihatan, kesihatan awam dan juga strategi-strategi untuk memperkasakan masyarakat tentang kesedaran kita tentang membina masyarakat yang sihat dan juga membina kesihatan awam kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang demikian saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah Yang Berhormat dalam lingkungan masa. Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

**6.19 ptg.**

**Dr. Nuning Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)).

Berikutan pandemik COVID-19, kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bagi mengurangkan impak krisis seterusnya menjana semula ekonomi. Kerajaan telah mengumumkan Pakej PRIHATIN yang berjumlah RM260 bilion dan Pelan PENJANA berjumlah RM35 bilion yang kesemuanya bernilai RM295 bilion dengan suntikan fiskal berjumlah RM45 bilion atau tiga peratus dari KDNK.

#### ■1820

Justeru itu kerajaan dijangka berhadapan situasi berikut. Pertama ialah pengurangan hasil akibat penumbuhan negatif KDNK dan kejatuhan harga komoditi seperti petroleum. Kedua, peningkatan perbelanjaan melalui suntikan fiskal bagi membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi. Ketiga, kedudukan akaun semasa Kerajaan Persekutuan mencatat defisit berikutan pengurangan hasil dan peningkatan perbelanjaan. Peningkatan defisit fizikal daripada 3.2 peratus kepada KDNK atau RM51.7 bilion mengikut Belanjawan 2020 kepada hampir enam peratus KDNK atau RM86.2 bilion dan pertambahan keperluan pinjaman seterusnya meningkatkan nisbah hutang kepada KDNK sekitar 55.4 persen melebihi had statutori 5.5 persen KDNK.

Kita berhadapan pada waktu yang sukar apabila wabak COVID-19 melanda seluruh dunia dan hal ini memerlukan pelbagai tindakan diambil bagi memastikan rakyat kekal sejahtera dan terpelihara. Kerajaan Malaysia mengambil langkah yang drastik melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula 18 Mac 2020. Maka ketika bermulanya PKP, hampir semua ekonomi ditutup, kilang-kilang pun ditutup. Disebabkan hal ini, kadar pengangguran pula meningkat kepada 48 peratus. Ramai yang kehilangan pekerjaan dan ramai peniaga pula mengalami kerugian besar dan ada juga sehingga terpaksa menutup perniagaan mereka.

Saya setuju dengan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi membantu rakyat berdepan dengan impak wabak COVID-19 menerusi Pakej Prihatin Nasional dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Bantuan Prihatin Nasional ini disambut baik oleh rakyat pelbagai latar belakang. Pakej ini sangat membantu rakyat dalam meneruskan kelangsungan hidup terutamanya kepada mereka yang kehilangan punca pendapatan akibat penutupan sektor ekonomi sepanjang PKP. Pemberian tunai sebanyak RM1,600 kepada isi rumah golongan B40 ternyata melegakan dan sangat memberi manfaat kepada mereka. Maka, RUU ini amat diperlukan bagi memastikan rakyat kekal terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pakej-pakej suntikan fiskal berjumlah RM45 bilion atau tiga peratus dari KDNK negara kita. Adakah jumlah ini mencukupi? Kalau kita lihat dari segi penguncutan ekonomi di negara kita adalah paling teruk sekali di Asia Tenggara. Penguncutan sebanyak 17.1 peratus berbanding dengan rakan kita, jiran kita seperti Indonesia 5.32 peratus, Thailand 12 peratus dan Singapura 13.2 peratus.

Akan tetapi Singapura memperuntukkan sebanyak 19.6 peratus KDNK mereka dan Thailand 11.8 peratus sebagai pakej suntikan fiskal. Di waktu yang sama kita hanya memperuntukkan tiga peratus sahaja. Kalau di campur PRIHATIN, PKS dan PENJANA, jumlah pakej itu sebanyak RM295 bilion dan dianggap tinggi sebanyak 17 peratus KDNK. Akan tetapi saya hendak tumpukan khusus kepada suntikan fiskal kerana ia menyentuh secara langsung dana daripada kerajaan untuk sektor-sektor yang memerlukan bantuan segera.

Ini untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi dapat dipercepatkan sebab jumlah pengangguran masih menjadi masalah yang besar. Sebanyak 4.9 peratus atau 773,200 individu menganggur dan penguncutan ekonomi yang jauh tinggi daripada yang diramalkan. Saya menggesa agar Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memberi pertimbangan yang serius agar kerajaan melipatgandakan suntikan fiskal untuk memulihkan ekonomi negara.

Sungguhpun dikatakan langkah-langkah ini merupakan langkah sementara tetapi hakikatnya, kesannya akan berkekalan kerana kerajaan terpaksa membayar balik RM45 bilion yang dipinjam. Adakah hutang ini akan diselesaikan sebelum 31 Disember 2022? Saya juga minta kerajaan jika boleh senaraikan peminjam-peminjam yang dikatakan dari pihak tempatan dan jumlah setiap peminjam. Tuan Yang di-Pertua, RUU ini perlu disegerakan supaya kerajaan tidak melanggar peruntukan undang-undang dan membolehkan semua perbelanjaan serta pelan yang dirangka berjalan dengan lancar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Nuing Jeluing:** Saya sudah habis Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus.

**Dr. Nuing Jeluing:** Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cepat benar pula itu ya? *[Ketawa]* Itu efficiency sebenarnya, dengan izin. Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi.

## 6.28 ptg.

**Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam

perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, RUU ini mesti disegerakan agar kerajaan tidak melanggar peruntukan undang-undang dan membolehkan semua perbelanjaan serta pelan yang dirangka berjalan lancar. Peruntukan terbabit adalah dalam perbelanjaan tambahan berjumlah RM45 bilion. Secara umumnya saya menyokong segala usaha murni kerajaan yang prihatin dan peka kepada permasalahannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Prihatin Nasional ini amat disambut baik oleh rakyat daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi dan juga politik. Hal ini berikutan pakej bantuan yang begitu membantu rakyat dalam meneruskan kelangsungan hidup terutamanya bagi mereka yang kehilangan punca pendapatan akibat penutupan sektor ekonomi sepanjang PKP. Maka RUU ini amat diperlukan bagi memastikan rakyat kekal terjamin dan sejahtera serta boleh dibantu menerusi peranan dan tanggungjawab kerajaan khususnya melalui Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dan PENJANA.

### ■1830

Orang Kurang Upaya (OKU) turut menikmati manfaat daripada PRIHATIN melalui peruntukan sebanyak RM25 juta dalam bentuk bantuan makanan, barang penjagaan kesihatan dan tempat perlindungan selain warga emas serta kanak-kanak di rumah perlindungan gelandangan dan Orang Asli. OKU dan ibu tunggal telah menerima bantuan sekali beri atau *one-off* sebanyak RM300 bagi meringankan beban OKU berdepan impak COVID-19. Namun, apakah pakej bantuan itu mencukupi buat kami yang pastinya paling terkesan ekoran penangan COVID-19.

Seperti kita sedia maklum, untuk fasal 1 kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada golongan sasar dengan nilai RM185,770. Justeru, saya ingin bertanya adakah baki sebanyak RM1.92 juta telah disalurkan? Kedua, berapakah jumlah OKU yang telah menerima manfaat daripada peruntukan sebanyak RM25 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin pada Mac lalu.

Selain itu, masalah birokrasi menjadi penyebab utama peruntukan itu tidak turun ke bawah. Ini begitu penting kerana setiap hari saya mendengar rintihan dan rungutan sahabat-sahabat OKU saya yang mengatakan bahawa mereka susah mendapat bantuan. Jadi, saya sungguh berharap agar pihak kerajaan dapat memudahkan lagi urusan penyaluran bantuan kepada golongan tersasar khususnya OKU. Saya menggesa kerajaan agar memperluas pemberian bantuan khas menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) kepada

semua pemegang kad OKU di negara ini. Ini kerana tidak semua pemegang kad OKU layak menerima bantuan khas sebanyak RM300 berkenaan sedangkan setiap daripada kami mempunyai kad itu.

Seterusnya saya juga ingin sentuh berkenaan soal pengangguran. Pasca COVID-19 bakal menyaksikan ketiadaan peluang pekerjaan disediakan yang amat genting sekali. Kadar pengangguran global ini pasti meletus. Perubahan drastik yang mendadak ini sudah pasti memberikan impak secara langsung kepada bakal graduan. Bilangan penganggur berkurangan sebanyak 52,900 orang kepada sebanyak 773,200 orang mengikut statistik mengenai kedudukan penawaran buruh pada Jun 2020 berdasarkan *survey* tenaga buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Angka dan peratusan boleh dibanggakan. Namun Tuan Yang di-Pertua, ramai OKU di luar sana telah hilang pekerjaan serta masih menganggur. Saya mencadangkan agar kerajaan menyediakan kursus jangka pendek kepada golongan tersasar khususnya OKU. Kursus jangka pendek yang lebih dikenali dengan *micro-credentials*, dengan izin, ini berupaya memberikan satu lagi nilai tambah yang bukan sedikit manfaatnya.

PenjanaKerjaya di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara bertujuan merangsang permintaan pekerjaan di kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta ke boleh pekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan di bawah Program *Hire Malaysia*, dengan izin. Jika majikan mengambil pekerja OKU mereka akan diberi insentif sebanyak RM1,000 sebulan bagi tempoh maksimum selama enam bulan. Syarat kelayakan adalah pencari kerja tempatan dalam kalangan golongan OKU dan peserta *Program Return to Work*.

Jadi saya ingin bertanya berapakah jumlah OKU yang telah mendapat manfaat menerusi program ini? Saya juga ingin cadang agar program ini diteruskan sehingga Jun 2021 agar dapat mengelakkan pengangguran yang serius di kalangan sahabat-sahabat OKU saya. Apabila ruang bagi mendapatkan pekerjaan terhad, maka kemahiran tambahan mampu menyediakan graduan untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dilanda pandemik COVID-19, dunia pendidikan yang terdiri daripada cerdik pandai dikejutkan dengan gelombang *e-Learning*. Selari dengan pendigitalan masyarakat, kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan dengan menyediakan pelan Internet percuma sebanyak 1GB selari dengan bekerjasama syarikat-syarikat telco.

Malangnya, masih terdapat komuniti OKU di Malaysia yang tidak mendapat akses kepada Internet. Selain masalah ketiadaan atau kekurangan liputan, masih ada yang tidak mempunyai komputer mahupun telefon pintar, apatah lagi mahasiswa murid-murid OKU buta tidak dapat

mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian seperti yang lain. Jelas terdapat diskriminasi dari segi *accessibility* komunikasi digital.

Dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin kongsikan beberapa dapatan oleh *United Nations Population Fund* (UNFPA) berkaitan OKU di peringkat antarabangsa. Ketika pandemik COVID-19 melanda dunia, keganasan berdasarkan jantina atau *gender-based violence* di kalangan wanita dan OKU meningkat sungguh.

Saya pohon agar pihak kerajaan beri perhatian terhadap perkara ini supaya kita dapat mengelakkan berlakunya perkara sebegini pada masa akan datang. Ini kerana terus terang sewaktu PKP Tuan Yang di-Pertua, ramai sahabat saya telah meninggal dunia kerana mereka tidak mendapat sokongan daripada pembantu mereka ataupun, dengan izin, *caregivers* mereka yang tidak dapat datang ke rumah untuk membantu dan memberi sokongan sehingga mereka meninggal dunia.

Saya menyeru kepada Kementerian Kewangan agar menambahkan peruntukan agar dapat kita lihat kembali bagaimana kita boleh membantu OKU yang terjejas yang selalunya menjadi *potential loser*, dengan izin, dalam masyarakat. Betul jumlahnya nampak kecil tetapi ia bukan alasan untuk kita menafikan hak dan mengetepikan suara mereka yang perlu diberi perhatian sewajarnya terutamanya dalam tempoh kebiasaan baharu ini kerana ramai OKU berada dalam kategori B40.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Sidang yang saya hormati, saya dengan seikhlas hatinya menyokong rang undang-undang ini. *Assalamualaikum.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Sama-sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana dalam lingkungan masa yang telah kita pilih untuk menentukan. Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding.

### 6.36 ptg.

**Puan Susan Chemerai Anding:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umum sudah tahu bahawa seluruh dunia terkesan dengan pandemik COVID-19 ini. Ia menyebabkan ketegangan sosial seluruh dunia dan memudaratkan ekonomi global secara yang *unprecedented*, dengan izin. Ekonomi Malaysia terkesan akibat renjatan kepada penawaran dan permintaan global dan juga daripada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Hakikatnya, Perintah Kawalan Pergerakan tidak dapat dielakkan. Ia terpaksa dibuat supaya dapat menamatkan secara serius rangkaian COVID-19 di kalangan masyarakat. Kebanyakan rakyat juga turut terkesan, orang perseorangan dan perniagaan menanggung risiko

tinggi semasa berhadapan dengan kekangan aliran kewangan apabila pendapatan mereka berkurangan.

Suntikan langsung fiskal dan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini sudah pasti merupakan satu langkah yang mustahak yang akan membantu rakyat dan mengelakkan ekonomi menjadi lebih buruk. Dengan rang undang-undang ini kerajaan memberi fokus kepada memperkuuhkan kesihatan awam dalam mengendalikan pandemik dan pada masa yang sama menjaga kebijakan rakyat terutamanya kumpulan yang mudah terdedah dan menjaga aliran pendapatan perniagaan dan juga pekerja yang terjejas. Dalam erti kata lain, rang undang-undang ini langkah prihatin yang akan memastikan kita dapat merasai hidup seperti biasa seakan-akan wabak ini tidak melanda dan rakyat dan negara terus dapat melangkah ke hadapan.

Namun, saya berharap kerajaan akan memastikan peruntukan ini akan betul-betul sampai ke kumpulan sasar dan sebaik-baiknya tidak ada golongan yang tercicir dari bantuan. Kerajaan seharusnya juga mencari jalan untuk membantu sekiranya ada peniaga yang sudah gulung tikar akibat COVID-19 ini. Begitu juga, saya memohon penjelasan apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu pekerja yang sudah hilang pekerjaan akibat COVID-19 dan tidak sempat dibantu di dalam suntikan ini.

Ada beberapa pinjaman disediakan di bawah rang undang-undang ini seperti Pembiayaan Mudah Bumiputra, pinjaman mudah di bawah *MyCreatif Ventures*. Soalan saya, bagaimanakah kerajaan memastikan yang pinjaman betul-betul mudah dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya?

Kerajaan hendaknya memastikan langkah-langkah pemantauan dan pengurusan perbelanjaan yang berhemah terutamanya dalam melaksanakan program-program dan bantuan di kementerian masing-masing. Saya berharap sistem sokongan Talian Kasih harus terus mendapat dana secukupnya memandangkan keperluan yang meningkat semasa wabak ini masih melanda. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

■1840

**6.40 ptg.**

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Merdeka kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

*Alhamdulillah*, kita bersyukur kerana kita masih berada dalam Dewan yang mulia ini walaupun COVID-19 melanda di seluruh dunia. Sekarang 13 juta manusia dijangkiti, dihinggapi

dengan COVID-19 dan mengakibatkan kematian hampir lebih kurang 900 ribu di seluruh dunia walaupun di dalam negara kita belum sampai 10 ribu yang dihinggai COVID-19 dan kematian lebih kurang 130 orang.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian, pertama sekali, saya rasa bersyukur kerana Perdana Menteri baharu di bawah Kerajaan Perikatan Nasional, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Md. Yassin atau panggilan sinonim PM Abah ini, dia tidak meletakkan diri dia sebagai Menteri Kewangan dan melantik seorang bekas, dengan izin, *banker*, CEO kepada CIMB untuk menjadi Menteri Kewangan.

Jadi, dengan izin, *insya-Allah*, mungkin *feeling* seorang peniaga seperti mana- oleh sebab saya semenjak tahun 1984 lagi berkecimpung dalam perniagaan, selepas tamat pengajian Ijazah Ukur Tanah daripada UTM tahun 1983, maka saya menjawai dan mewakili sahabat-sahabat, rakan-rakan dalam arena perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian, sekarang ini negara kita memperuntukkan RM45 bilion untuk menghadapi situasi yang tidak normal. Situasi tidak normal, maka pendekatan juga semestinya tidak normal. Oleh kerana kalau mengikut *convention*, negara hanya boleh berhutang pada kadar peratusan tertentu. Kalau tidak silap saya, tolong betulkan Yang Berhormat Menteri Kewangan, 55 peratus. Jadi, dalam keadaan kita ini, kerajaan merayu kepada kita semua, pada hari ini supaya *convention* itu pada waktu ini kita *taruh* dalam almarilah, dengan izin. Kita jangan bincang tentang *standard* atau *norm convention*. Fasal kadar pinjaman kita sudah mencecah 60 peratus daripada KDNK.

Jadi sekarang ini, saya tengok dan saya rasakan RM45 bilion yang diperuntukkan ini, saya rasa macam sudah hendak habis ini. Akan tetapi COVID-19, selepas bulan September ini, bulan Oktober, November dan Disember, suasana belum lagi pulih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah melanjutkan tempoh PKPP sementara ini sehingga kepada 31 Disember.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya rasa data-data kerajaan ini saya sangsilah, dengan izin, yang menyatakan bahawa selepas COVID-19 ini ekonomi akan mula pulih dan sebagainya. Saya sangsi kerana saya dan rakan-rakan dalam perniagaan melihat bahawa sektor-sektor yang dijangka berkembang itu kemungkinan kita boleh kata sektor *tourism*, dengan izin, ada sedikit *domestic tourism*, dengan izin, tetapi kita menggunakan *yardstick* kita, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *yardstick* masa mula-mula MCO, PKP. Memang kenaikan dia beratus-ratus peratus. Kalau seribu peratus pun tidak janggal kerana kita menggunakan *yardstick* yang rendah.

Akan tetapi sekarang ini yang penting ialah kita hendak melihat selepas daripada bantuan nombor satu itu- Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan

Pekerja dan Bantuan Latihan berjumlah RM16.8 bilion- selepas daripada tamat ini, itulah realiti sebenar yang akan kita hadapi. Tambahan pula, moratorium pinjaman bank akan bermula. Sedangkan mereka ini belum lagi dapat kerja. Belum lagi dapat kerja.

Jadi, saya rasakan satu suasana baharu dan saya pohon Yang Berhormat Menteri selaku mantan *CEO banker*, dengan izin, faham realiti ini. Jumlah RM45 bilion ini secara relatif berbanding dengan Singapura yang berbanding dengan KDNK dia, kita masih lagi belum mencapai tahap peratusan yang diluluskan oleh Parlimen Singapura. Jadi, saya bukan apa, saya faham- tentang *covention 55* peratus kita sudah langgar sudah 60, apa salahnya kita langgar lagi, dengan izin? Tidak ada apa. Bukan ada apa. Fasal sudah kita langgar 60. Mungkin lepas ini kita kena pergi lebih lagi kerana ekonomi ini bagi kita yang sedang bermiaga ini, kita tahu. Kita boleh rasa berapa kali mesyuarat perunding berlaku, kita tanya kawan-kawan.

Bahkan saya tidak malu memberitahu teman-teman Yang Berhormat Senator, tidak pernah rakan-rakan saya konsultan ini tidak bayar duit saya. Dia guna nama saya sebagai juru ukur. Dia sebagai konsultan, arkitek dan sebagainya, dia buat kerja. Ini semua orang baik-baik. Akan tetapi kali ini, minta maaf, dia kata, "Saya terpaksa guna duit yang dibayar untuk you". Arkitek menghadapi masalah, QS menghadapi masalah, konsultan, *engineer*, dengan izin, menghadapi masalah, sektor perhotelan menghadapi masalah. Sehingga kini belum nampak tanda-tanda pemulihian kecuali *domestic tourism* ada nampak tanda ini, *insya-Allah*.

Oleh sebab itu saya hendak memohon pihak kementerian supaya sudah boleh mula merangka sudah. Saya akan sokong yang ini. Ikut-ikut mana pun saya akan sokong apa yang dibentangkan ini. Terpaksa kita kena sokong. Akan tetapi, sudah mula boleh berfikirlah, merangka lah untuk tambahan daripada RM45 bilion ini, walaupun memang kita tahu KWSP pun terlibat dalam bab ini, PERKESO pun terlibat, *alhamdulillah* bagus. Semuanya ada perasaan untuk memastikan negara kita tidak berada dalam satu suasana moratorium ekonomi sahaja. Kita hendak ekonomi bergerak.

Pada tahun ini kerajaan telah menyatakan bahawa KDNK kita 5.5 peratus. Kalau tengok pada sini, kita punya KDNK lebih kurang RM900 bilion. Akan tetapi, banyak bacaan saya menceritakan RM1.1 trilion KDNK negara kita. Tidak apalah. Angka itu kita boleh berbeza-beza. Akan tetapi persoalannya, kita boleh fikirkan satu kaedah di mana kita kena- fasal kita ada tiga bulan lagi ini- untuk kerajaan memikirkan tambahan. Kerana selepas daripada September inilah waktu yang menakutkan semua mereka yang terlibat dalam perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian, sekarang ini Tuhan bagi pelik dunia ini. Kita bayangkan yang kaya-kaya dalam dunia ini bukan lagi teknologi *know who*, dengan izin. Dahulu memang teknologi *know who*. Sekarang ini teknologi *know how*. Inilah

keadilan Allah SWT kepada bumi Allah SWT di mana orang paling kaya dalam dunia, Jeff Bezos, Amazon- Amazon ini celah-celah orang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Simpulkan, Yang Berhormat.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** *Insya-Allah.* Satu minit, Tuan Yang di-Pertua. Di tengah-tengah celah macam ini, Jeff Bezos, nilai diri dia itu daripada USD100 trilion naik USD150 trilion, sekarang lebih daripada USD200 trilion aset-aset dia. Begitu juga dengan Tesla, Elon Musk. Daripada belum sampai kepada USD100 trilion, sekarang sudah USD100 trilion.

Maknanya, kerajaan kena fokuskan kepada dua bidang. Saya tekan selalu IT dan *biotech*. Saya orang pertama cakap *biotech* dalam Parlimen tahun 1999. Sampai sekarang tidak ada. Entah mana tenggelam *biotech*, sedangkan biotech itulah selepas IT. Orang kaya dunia semua *biotech*, *biotech*, *biotech*. Yang ini farmaseutikal lah, dengan izin, dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong tetapi kerajaan kena mula fikir untuk penambahan dalam tiga bulan lagi ini, *insya-Allah. Wallahu alam. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Sebaik mungkin dalam tempoh yang kita beri.

#### **6.49 ptg.**

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Ya, saya ingat dalam tujuh ke lapan minit. Express sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambah juga?

**Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair:** Okey, saya cuba. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

#### **■1850**

Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus atau (COVID-19)) 2020 adalah wajar dan diharapkan diuruskan dengan cermat serta telus untuk memastikan kepentingan rakyat terbela. Namun adalah disyorkan peruntukan kerajaan ditambah sebagai suntikan bagi menjana semula ekonomi negara. Apakah peruntukan RM45 bilion itu mencukupi dengan mengambil kira keadaan semasa memandangkan pengakhiran pandemik COVID-19 masih belum jelas.

Hampir 50 peratus pengilang dalam negara sekarang mengeluh kerana diramalkan perniagaan mereka hanya mampu bertahan sehingga hujung tahun ini. Suasana kerugian akibat penguatkuasaan PKP, kadar pengangguran kerana pemberhentian kerja juga didapati masih

meningkat. Lebih 80 peratus pekerja swasta pula mengalami potongan gaji dan elauan serta dapat gaji sektor swasta menurun 5.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Situasi ini sudah tentu akan lebih meruncing tanpa tambahan stimulus kerajaan, subsidi gaji dan moratorium pinjaman. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus merancang dan mengatur langkah bagi mengatasi permasalahan dan kebijakan rakyat semoga ia dapat membantu kebangkitan semula ekonomi negara. Kesan dari pandemik ini melihat ramai rakyat yang kehilangan pekerjaan, perniagaan menjadi lesu, kuasa membeli menurun dan ekonomi secara amnya terjejas.

Kesan sebenar akan dilihat beberapa bulan dari sekarang jika ekonomi tidak dapat dipulihkan dengan segera. Rakyat yang terjejas wajib dibela, bantuan kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana harus diteruskan. Benar bahawa penambahan peruntukan mungkin akan menaikkan hutang kerajaan persekutuan tetapi dalam suasana yang tenat sekarang lebih penting pekerjaan dan perniagaan diselamatkan.

Dianggarkan lapan juta rakyat Malaysia dan syarikat telah mendapat faedah daripada moratorium sebelum ini yang melibatkan nilai hampir RM74 bilion. Terkini, kerajaan telah melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020. Tanpa menambah bantuan ekonomi, melanjutkan PKPP tanpa melanjutkan moratorium pinjaman bank selama enam bulan dan tambahan peruntukan dana ekonomi COVID-19 sudah tentu akan membebankan lagi rakyat. Ini akan memberi impak buruk pada pekerjaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pengeluar. Ia dijangka membawa kepada ekonomi yang negatif tanpa bantuan ekonomi tambahan.

Adalah wajar kerajaan melanjutkan moratorium pinjaman bank sekurang-kurangnya selama enam bulan lagi. Industri perbankan telah mendapat faedah cukai RM32 bilion tahun lalu. Lanjutan moratorium enam bulan lagi selepas ia tamat pada 30 September ini hanya akan membuatkan bank hanya menanggung lagi kurang daripada RM7 bilion iaitu nilai pinjaman yang ditangguhkan bayarannya. Pihak bank atau kerajaan harus menanggung kos ini. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus memastikan tiada berlaku ketirisan dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat. Jangan pula dibiarkan ada yang mengambil kesempatan cuba ‘menangguk di air keruh’ untuk mencari keuntungan atas angin dalam keadaan di mana rakyat menghadapi kesusahan.

Justeru, adalah penting dalam keadaan yang tertentu, tender terbuka dibuat supaya wang bantuan ini dapat disalurkan kepada orang yang memerlukan yang lebih berkesan tanpa melalui kroni atau orang tengah. Saya memang menyokong rang undang-undang ini dan hanya berharap tidak akan berlaku pembaziran, ketirisan dan wang yang diperuntukkan pula dibelanjakan untuk rakyat yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

### 6.55 ptg.

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir rang undang-undang ini yang terutamanya ialah untuk menaikkan kadar hutang daripada 55 peratus kepada 60 peratus. Justeru itu mungkin memberi ruang dan peluang kepada *front liners* untuk mendapatkan manfaat daripada ini.

Saya tak nak berpanjang lebar tetapi mengenai *front liners* ini ada beberapa persoalan iaitu yang pertamanya adakah kesemua *front liners* kita sudah mendapat imbuhan yang telah dijanjikan iaitu sebanyak RM600? Oleh sebab beberapa bulan yang pertama ramai yang belum dapat dan sehingga kini ada lagi bunyi-bunyi yang belum dapat. Jadi saya ingin tahu berapa peratus yang sudah dapat dan berapa peratus lagi yang belum dapat?

Saya juga ingin mencadangkan bayaran imbuhan ini berbeza mengikut keadaan zon penyakit. Contohnya di zon merah mungkin kita perlu bagi RM1,000, zon kuning mungkin RM100 dan biasanya mungkin RM600 lah. Jadi saya rasa itu agak adil kerana di zon-zon kuning dan merah ini saya rasa kadar *you know* mereka yang bekerja ini, ia lebih *stressful* lah, dengan izin. Perkara yang seterusnya ialah mengenai internet. Sekarang ini diberi internet percuma satu *gigabite* sehari. Satu *gigabite* itu boleh buat apa terutamanya pada pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar mungkin sebahagian daripada ibu bapa mereka telah dibuang pekerjaan pun, tidak ada kerja.

Jadi sehingga sekarang ini, dalam PKPP ini saya rasa ramai lagi pelajar-pelajar kita, mungkin sebahagian besar mempunyai *online*, kuliah *online*, peperiksaan *online*. Jadi internet ini adalah penting bagi mereka.

Jadi saya mohon kerajaan mempertimbangkan internet percuma kepada pelajar-pelajar termasuk juga OKU. Jadi maksudnya internet percuma ini bagi golongan tersasar termasuk juga bagi orang-orang yang sudah hilang pekerjaan kerana sebahagian besar daripada urusan harian sekarang ini berjalan melalui internet. Jadi saya rasa sekadar itulah. Yang lain kawan-kawan telah *cover*. Jadi itu saja, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam*, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Senator Tuan Haji Idris bin Ahmad.

### 6.58 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya merakamkan ucapan terima kasih untuk saya membahas Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus (COVID-19)) 2020.

Pertamanya di dalam soal berkenaan dengan bantuan yang diberikan dalam program ini iaitu Program Subsidi Upah yang melibatkan sebanyak RM16.8 bilion bersamaan dengan 37.3 peratus daripada keseluruhan jumlah peruntukan RM45 bilion ini telah pun memberikan ataupun menyelamatkan mereka yang kesempitan akibat kerana ada yang dibuang kerja kerana diberikan cuti tanpa gaji dan sebagainya.

Itu berkenaan yang pertama dan *alhamdulillah* walaupun kadar pengangguran meningkat pada bulan Mei 2020 iaitu sebanyak 5.3 peratus, namun hasil daripada pelaksanaan inisiatif ini telah pun berjaya dikurangkan pada bulan Julai sebanyak 4.7 peratus dan seterusnya ialah berkenaan dengan kerajaan perlu ada kembalikan untuk program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang pernah memberi fokus kepada graduan baharu kerana hal ini kerana SL1M ini telah ubah, telah diubah kepada program Protege yang bukan saja fokus kepada graduan malahan dicampur golongan lain. Kerana ini kita amat membimbangkan terutama di kalangan mahasiswa ataupun graduan baru keluar, yang tercicir daripada dunia pekerjaan.

#### ■1900

Seterusnya berkenaan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan juga Bantuan Sara Hidup (BSH) yang berjumlah sebanyak RM11.5 bilion. Ini juga merupakan jumlah kedua tertinggi selepas daripada Program Subsidi Upah. Dalam Laporan Laksana Kelapan, jumlah peruntukan untuk Bantuan Prihatin Nasional dan Bantuan Sara Hidup ini telah diagih kepada seramai 10.77 juta orang penerima. Sekurang-kurangnya ia akan dapat memberikan dan menampung kembali elemen penggunaan iaitu *consumption*, dengan izin, dalam menstabilkan KDNK negara pada tahun ini.

Namun begitu, saya ingin menimbulkan persoalan bagaimana pihak kerajaan hendak mengambil indikator dalam memastikan BPN dan Bantuan Sara Hidup ini betul-betul menyumbang kepada KDNK negara kita? Keduanya, apakah kerajaan berhasrat untuk melanjutkan BPN dan BSH ini secara lebih tersasar? Ini supaya dapat melepaskan kesengsaraan kewangan yang sekurang-kurangnya mencapai sejumlah 50 peratus daripada penduduk rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhirnya ialah berkenaan dengan bantuan khas untuk pelajar institut pengajian tinggi yang berjumlah RM300 juta dan telah dapat dimanfaatkan oleh seramai 1.5 juta orang pelajar. Jadi, saya hendak mencadangkan juga kepada pihak kerajaan

untuk mewujudkan kembali program *MyBrain15* yang merupakan program untuk memberikan lanjutan pengajian ijazah *Master*, dan juga *PhD*, yang ada kategorinya *MyPhD*, *MyPhD Industry* dan juga *MyMaster*, dengan izin.

*MyBrain15* ini yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu untuk membolehkan mereka ini melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan juga di ijazah kedoktoran. Ini kerana, sehingga tahun 2016 program ini telah pun berjaya melahirkan seramai 23 ribu orang yang memegang Ijazah Doktor Falsafah dan lebih daripada seramai 50 ribu orang pelajar telah mendapat manfaat program ini.

Secara keseluruhannya, program *MyBrain15* ini telah mencecah hingga RM500 juta dan hasrat kerajaan dulu untuk melahirkan seramai 60 ribu orang daripada pemegang ijazah kedoktoran menjelang tahun 2023 akan tercapai kalau program *MyBrain15* ini dapat dilaksanakan. Jadi, saya berpandangan program penajaan di peringkat Sarjana dan *PhD*, ini satu pelaburan jangka panjang yang cukup baik.

Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Harap diikuti trend yang telah diwujudkan.

### 7.03 mlm.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insy-A-Allah* saya cuba akan memendekkan kalam saya sependek yang mungkin. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tumpang mukadimah orang lain. Kira mukadimah orang lain itu, saya tumpang semua. Jadi, saya terus kepada isu ya.

Saya ada beberapa perkara ingin dibangkitkan berkaitan dengan pakej rangsangan inilah. Pertama, berkaitan dengan Program Subsidi Upah dan sebagainya yang bernombor satu itu. Saya melihat ia mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar pengangguran yang menurun. Kita tengok daripada bulan Mei hingga Julai, kadar pengangguran itu telah menurun sehingga menjadi sejumlah 4.7 peratus.

Namun begitu, saya ingin membangkitkan, adakah penurunan ini memang dikaitkan dengan program yang pertama ini ataupun dijangkakan trend yang akan menurun sehingga sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun akan datang. Ini kerana, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad tadi,

dalam jangkaan pakar ekonomi pun pemulihan ini sekurang-kurangnya mengambil masa tiga tahun daripada sekarang untuk dipulihkan.

Seterusnya, saya juga ada mendapat aduan berkaitan dengan majikan yang memperoleh keuntungan ketika COVID-19 ini turut mendapat Bantuan Subsidi Upah dan sebagainya. Jadi, saya ingin memohon kebenaran daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai aduan berkaitan dengan kes ini dan adakah kes yang melibatkan pemberian subsidi upah yang telah ditarik balik? Itu satu.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan tentang nombor dua iaitu Bantuan Prihatin Nasional. Sama juga dengan BSH dan mungkin sebelum ini adalah BR1M. Ada dua segmen yang biasanya tidak mendapat kita kata bantuan yang sewajarnya iaitu pertama ibu tinggal, ibu tunggal, ibu tertinggal, yang mana kita tengok dalam maklumat biasanya ketua keluarga adalah bapa sedangkan dia sudah ditinggalkan.

Oleh kerana itu, duit ini disalurkan kepada bapa dan tidak sampai kepada ibu yang kebanyakannya menyara anak-anak. Jadi dalam kes ini, bagaimakah ibu yang tertinggal ini, yang maknanya yang bukan dalam proses perceraian dan sebagainya untuk memohon hendak menyatakan bahwasanya mereka ini tidak dapat dan tidak disalurkan kepada mereka dengan sewajarnya?

Kedua, segmen yang agak tertinggal juga yang saya dapat aduan adalah belia dan belianis yang mana mereka ini menyambung *Master* dan *PhD* ataupun masih belum graduasi tetapi maklumat yang ada dalam *database* mereka adalah mereka ini masih di bawah tanggungan ibu dan bapa. Sedangkan kalau kita tengok secara realitinya adalah mereka ini sudah bekerja sendiri ataupun belajar dan menanggung sendiri, mungkin rumah sewa sendiri. Jadi, bagaimakah golongan ini boleh membuat aduan supaya mereka juga dapat menikmati Bantuan Prihatin Nasional, BSH dan sebagainya.

Seterusnya yang nombor tujuh iaitu berkaitan dengan pinjaman mikro kredit di bawah BSN. Ketika dikeluarkan masa *batch* pertama hari itu, saya pergi berjumpa dengan pegawai untuk melihat bagaimana memohon dan sebagainya. Lalu saya mendapat maklumat bahwasanya kalau permohonan melalui kaerah Islamik, maka maksimumnya boleh pergi kepada sejumlah RM50 ribu. Akan tetapi, kalau bukan Islamik boleh pergi kepada jumlah RM75 ribu. Lalu saya tanya kepada pegawai yang *batch* pertama, kenapa yang *non-Islamic* ini lebih tinggi? So, apakah sebenarnya yang menyebabkan yang itu lebih tinggi, yang ini lebih rendah?

Jadi, saya panjangkan kepada Kementerian Kewangan, apakah sebenarnya yang menyebabkan yang Islamik ini lebih rendah daripada yang non Islamik yang kita boleh pinjam?

Adakah pinjaman-pinjaman lain yang diberikan dalam pakej ini disediakan dalam bentuk Islamik dan *non-Islamic* juga ataupun bukan Islamik? Itu juga saya mohon penjelasan.

Seterusnya, saya hendak sentuh tentang perkara nombor 22 berkaitan dengan ekonomi *gig*. Saya melihat kepada- saya membaca setiap Laporan Laksana yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Yang terkini adalah Laporan Laksana ke-20 yang mana laporan sehingga September 2020 menunjukkan hanya sejumlah 0.8 peratus atau seramai 2,533 orang pekerja ekonomi *gig* ini yang mencarum dengan PenjanaGig sedangkan sasaran menetapkan seramai 300 ribu orang. Jadi sejumlah 2,533 orang ke seramai 300 ribu orang ini sebenarnya agak jauh. Jadi, saya ingin bertanya, setakat ini bidang pekerjaan mana, bangsa dan negeri yang paling ramai mencarum?

Kedua, kenapa tidak mencapai sasaran? Adakah kerana faktor pemasaran, kesediaan di pihak pekerja itu sendiri dan sebagainya? Bagi saya, tanpa PenjanaGig ini pun sepatutnya orang yang terlibat dengan pekerjaan ekonomi *gig* ini harus mempunyai kesedaran untuk mencarum PERKESO, KWSP dan sebagainya, contoh ya.

Seterusnya, nombor 28 berkaitan dengan bantuan untuk pertubuhan bukan kerajaan. Saya faham pertubuhan bukan kerajaan ini adalah NGO. Jadi, saya ingin bertanya adakah bantuan ini untuk operasi membantu kerajaan membuat agihan kebijakan dan sebagainya? Saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, NGO kluster manakah yang paling banyak menerima bantuan dan disalurkan melalui kementerian yang mana? Itu adalah berkaitan dengan pakej-pakej.

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada kementerian, antara kesemua program yang ada ini, apakah lima program berimpak tinggi? Adakah penilaian atau *assessment* dibuat oleh pihak kementerian yang mana yang paling berimpak tinggi.

Kedua, apakah inovasi baharu yang ditemui kerajaan dalam proses pentadbiran dan pembiayaan kerajaan dalam menyokong kecekapan pengurusan dan dalam menghadapi COVID-19 yang boleh meminimumkan risiko perbelanjaan kewangan negara?

Ketiga, saya melihat bentuk-bentuk pakej yang ada ini adalah berbentuk subsidi daripada kerajaan ataupun kerajaan mengeluarkan belanja. Adakah pada masa akan datang kerajaan bercadang untuk menginisiatifkan inovasi produk ataupun pembiayaan berdasarkan wakaf dan sedekah? Itu konsep rakyat kepada rakyat.

#### ■1910

Contohnyalah, bila tadi Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam sebut tentang internet, saya difahamkan frekuensi internet di Malaysia ini dikawal oleh MCMC dan kebanyakannya telah dibeli oleh syarikat-syarikat *telco* besar. Jadi pakar dalam bidang IT ini mencadangkan apa

salahnya tidak dijual kesemuanya tetapi ditinggalkan sedikit untuk diwakafkan angin frekuensi ini agar dapat dinikmati sehingga ke peringkat pedalaman dan sebagainya dengan baik oleh rakyat.

Jadi saya rasa setakat itu sahaja. Jadi, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid.

#### **7.10 mIm.**

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah untuk menyokong rang undang-undang ini diwujudkan. Saya lihat rang undang-undang ini diwujudkan semata-mata untuk kebaikan ataupun kebajikan rakyat, sesuai dengan tujuan kita untuk mewujudkan kerajaan yang *baldatun toyibah*, demi rakyat.

Jadi cuma saya ingin melahirkan kebimbangan oleh kerana hutang kita sekarang ini sudah hampir sudah lebih RM1 trilion. Jadi saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri- Yang Berhormat Menteri merupakan Komander TLDM sukarela, Tuan Yang di-Pertua. Jadi mungkin cadangan saya nanti akan diambil kira demi kebaikan warga angkatan tentera dan juga veteran angkatan tentera.

Saya lihat 31 program yang digariskan dalam rang undang-undang ini memang sesuai dan tentunya akan membantu rakyat. Cuma saya ingin mencadangkan supaya program nombor 16 itu, ditukar nama kepada Pembayaran Mudah Rakyat Malaysia. Mengapa kita hendak khusus kepada bumiputera sahaja oleh kerana semua rakyat terkesan daripada pandemik COVID-19 ini, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga dengan program 19, saya ingin mendapatkan penjelasan. Apakah yang dimaksudkan dengan sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas? Saya kurang jelas dalam perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan.

Saya juga ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, tidak disebut kebajikan untuk veteran. Maka saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri, mengimbangkan bayaran Elaun Kenangan Pingat Jasa Malaysia yang tertunggak seramai lebih kurang 30,000 orang veteran. Mudah-mudahan dapat dipertimbangkan dan secara tidak langsung disenaraikan sebagai program-program untuk rang undang-undang ini. Dengan cara itu saya harap tidak ada rakyat yang dipinggirkan.

Sekali lagi kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua, hutang negara makin bertambah. Kita lihat Laos menghadapi hutang yang tidak boleh dibayar dan mungkin menghadapi kebankrapan. Di harap kerajaan akan mempertimbangkan hutang. Saya yakin hutang di dalam

negara lebih daripada hutang luar negara. Apa pun kita harus mengawal hutang kita dan saya harap kerajaan akan mengambil kira pandangan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman Aziz.

### 7.13 mlm.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas sedikit Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 ini.

Pertama sekali kita ucapkan tahniah kepada kerajaan yang sehingga kini masih berjaya menjadi salah satu negara yang terbaik dalam pengurusan penularan COVID ini. Kadar kematian pun sekitar 1.29 peratus, kadar *recovery* orang yang berpenyakit bergejala ini yang positif 92.5 peratus. Jadi *alhamdulillah* sehingga kini kematian pun sekitar seramai 128 orang, kemenjadian penyakit ini pun dalam sekitar 10 ribu.

Jadi terus kepada tajuk KDNK negara. Dulu sebelum tahun 2018, sekitar lima ke enam peratus positif. Kita sedar bahawa bukan sekadar masalah COVID ini yang menurunkan lagi, menguncupkan lagi KDNK tetapi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi geopolitik, *trade war*, dengan izin, kemelesetan ekonomi seluruh dunia, ketidakpastian harga komoditi dan sebagainya, menjadikan ekonomi kita lebih tertekan. Jadi soalan saya, berapakah unjuran kerajaan untuk tahun 2020 ini berkaitan dengan KDNK.

Kemudian kadar hutang, kadar hutang ini saya dimaklumkan mengikut rekod sehingga Julai, hutang negara rasminya RM824 bilion ataupun sekitar 54.4 peratus daripada KDNK. Jadi soal *threshold* ataupun *statutory rate* itu sama ada hendak letak 55 percent ataupun 60 percent seperti yang rakan-rakan lain sebut itu boleh *di-adjust*, diubah mengikut keadaan dan suasana ketika ini. Cuma peratus bayaran balik hutang-hutang ini berbanding dengan bajet, berapakah kadarnya. Sekitar lebih kurang 15 peratus lebih kurang itu dan kita mengharapkan agar langkah seperti yang telah diambil oleh kerajaan ini akan dapat mengurangkan lagi bebanan tekanan kepada ekonomi.

Seterusnya, sudah tentulah kita juga sedar kesan daripada kelemahan, kelembapan ekonomi ini terkena juga kepada pasaran kewangan, pasaran modal. Apakah kesannya akan turun lagi ke bawah kepada pemegang-pemegang deposit- *depositors* KWSP, Tabung Haji, PNB dan sebagainya. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, EPF seperti yang diumumkan oleh kerajaan membenarkan kita keluarkan sebulan RM500. Sehingga kini, berapakah orang

yang terlibat dan berapa bilion ringgit telah pun dikeluarkan daripada tabung simpanan EPF itu kerana menangani dan meringankan bebanan orang yang terlibat dengan COVID ini?

Seterusnya, ia juga sudah tentulah akan memberi tekanan juga kepada syarikat-syarikat sama ada yang tersenarai ataupun tidak. Apakah kerajaan ada perancangan untuk mewujudkan semula dana harta atau dana modal seperti dahulu untuk membantu syarikat-syarikat ini? Kadar NPL dan juga PN17 ini, berapakah sehingga kini dalam unjuran kerajaan? Bagaimana pula dengan caruman majikan kepada EPF yang menjadi kewajipan kepada majikan? Adakah mereka diberikan kelonggaran dan sebagainya?

Soalan yang seterusnya kadar kutipan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sama ada melalui syarikat ataupun individu, adakah ia terkesan? Kalau terkesan, sudah tentulah terkesan. Berapakah unjuran kutipan ini, sama ada dapat dikutip 70 hingga 80 peratus dan sebagainya daripada unjuran asal?

Merujuk kepada pakej rangsangan ekonomi, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan yang menyedari bahawa tanpa program ini, maka sudah tentu ekonomi akan lebih tertekan, maka rakyat akan lebih bermasalah. Sebanyak 31 program telah pun diwujudkan melibatkan perbelanjaan RM45 bilion. Cuma saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, Bantuan PRIHATIN NASIONAL (BPN) ini bernilai RM11.2 bilion itu, apakah bezanya pula dengan Bantuan Sara Hidup (BSH). Adakah mereka yang sama juga menerimanya dan adakah kita mempunyai data yang spesifik yang boleh membezakan penerima BPN ini dengan BSH?

Kemudian begitu juga Geran Khas Prihatin (GKP) ini. Sejumlah RM3,000 ini kepada PKS mikro ataupun peniaga kecil, adakah ia masih dibuka? Adalah kerajaan merancang untuk bagi *round* kedua, *second round* kepada mereka?

Ketiga, seterusnya soalan berkaitan dengan moratorium. Adakah moratorium ini yang akan ditangguhkan sehingga hujung bulan ini, akan disambung sehingga mungkin Disember seperti mana PKPP ini disambung sehingga Disember? Seterusnya, sebab apa kita sedar bahawa peminjam-peminjam muda ini terutama yang baru *grad*, yang masih ada PTPTN yang perlu dibayar dan mereka ini pula mungkin sebahagian daripada mereka oleh kerana mereka ini junior, baru bekerja, maka mungkin telah diberhentikan kerja, di- *retrench* dan sebagainya. Kita mendengar ada cerita *pilot* kapal terbang telah pun menjadi pemandu van. Jadi begitulah.

Seterusnya kepada rakyat di bawah, kerajaan telah memberikan diskau bil elektrik. Adakah program yang sama ini akan diteruskan?

Untuk Dana Jaminan Makanan, yang ini menarik, sebab kita tahuolah bahawa sesungguhnya inilah yang kerajaan selalu berkata berkaitan dengan kedaulatan makanan. *Food*

*security dan food sovereignty* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Contoh kita mengimport daging daripada India.

### ■1920

Hari ini di India juga terkesan amat teruk dengan COVID-19. Adakah daging daripada India itu akan menjadi lebih mahal dan kalau lebih mahal, adakah dana inilah yang digunakan untuk menampung ataupun memberi subsidi untuk membantu rakyat. Seterusnya My30 iaitu bantuan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah berlalu Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Seminit lagi Tuan Yang di-Pertua, hendak habis sudah. Adakah program ini diteruskan sehingga selesai COVID-19 ini? Akhir sekali oleh sebab masa sudah tidak ada, persoalannya ialah apabila kita melontarkan RM45 bilion ini dalam pasaran, berapa peratus kah telah diambil sehingga kini? Dalam unjuran kerajaan, berapakah *multiplayer effect*, kesan berganda dalam ekonomi yang boleh membantu KDNK.

Saya menyokong rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah.* Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

### 7.21 mlm.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Banyak perkara yang sebenarnya saya senaraikan untuk berucap tetapi semua sudah disebutkan oleh kawan-kawan. Jadi, sokong. Cuma, ada satu Tuan Yang di-Pertua sebab Makcik Kiah yang menjadi idola Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah mula resah kerana apabila diumumkan mendapat pengurangan sewa tetapi sekarang benda itu nampaknya tidak berapa boleh jadi. Ini kerana si penyewa juga sekarang ini pun ada masalah kerana dia tidak mendapat pendapatan yang secukupnya kerana sewaan tidak dibayar.

Ini belum lagi kita sebut tentang *red tape*, dengan izin, yang terpaksa dilalui oleh golongan-golongan yang sepatutnya seangkutan dengan Makcik Kiah yang menghadapi masalah untuk mendapatkan bantuan seperti mana yang telah disebutkan awal dahulu. Hal ini mengakibatkan golongan-golongan ini tidak dapat turut serta dan sukar untuk mengambil bahagian dalam sektor ekonomi yang telah dibuka semula selepas PKPP.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bantuan *one-off* daripada kerajaan amat diperlukan terutamanya untuk mempertingkatkan perbelanjaan di kalangan rakyat. Namun,

penerima faedah ini makin meningkat Tuan Yang di-Pertua. Secara peribadi bagi saya hal ini amat membimbangkan kerana bantuan-bantuan ini kriteria-kriteria yang melibatkan khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana daripada maklumat dan pernah disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini khususnya penerima bantuan dalam sistem eKasih. Sejak awal diwujudkan sampai sekarang majoriti penama-penamanya masih kekal menerima malahan senarainya makin panjang dan bertambah.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian, apakah komitmen serta perancangan Yang Berhormat Menteri dalam memastikan kehidupan rakyat dapat dipertingkatkan selain hanya memaksa rakyat untuk bergantung dengan kerajaan. Kita berada di persimpangan hendak bagi ikan kah atau hendak bagi pancing kepada mereka. Rakyat harus diberikan peluang sebaiknya dalam memperbaiki serta untuk mempertingkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Yang Berhormat Menteri dan kerajaan akan memperjelaskan isu-isu yang berbangkit sebagai jaminan bahawa kerajaan komited untuk terus membantu dan memberi keadilan kepada rakyat dan membina ekonomi negara yang lebih bersifat manusiawi. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### **7.24 mlm.**

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

*Alhamdulillah*, saya melihat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian amat cakna dalam situasi yang dihadapi negara ketika ini dan ingin bersama-sama memastikan kita dapat mengatasi *unprecedented crisis* ini dengan jaya. *Insya-Allah* dalam masa yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menjawab semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Selain itu, cadangan-cadangan yang dikemukakan kalaupun tidak dibuat melalui rang undang-undang ini akan dipertimbangkan dalam Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dewan yang mulia ini. Soalan pertama ialah daripada Yang Berhormat Senator Hajah Sabani binti Mat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 4 September sebanyak 331 ribu orang rakyat telah memohon PSU bagi mengekalkan sebanyak 2.7 juta pekerja yakni bernilai RM10.7 bilion.

Syarat-syarat PSU ini tidak terlampau ketat dan bertujuan untuk menjamin ketulenan permohonan dan memastikan hak pekerja terbela. Syarat-syarat PSU yang telah ditetapkan telah ditambah baik dalam PENJANA untuk meningkatkan kadar penyertaan ataupun, dengan izin, *take-up rate* of majikan. Antaranya adalah untuk memberlakukan majikan melaksanakan pengurangan waktu bekerja mingguan dan pengurangan gaji dengan persetujuan pekerja serta memberlakukan pekerja menerima subsidi upah secara langsung bagi mereka yang mengambil cuti tanpa gaji dan juga dengan syarat pekerja menerima subsidi upah secara langsung, ini bagi sektor pelancongan dan juga sektor yang tersenarai dalam aktiviti terlarang sepanjang tempoh PKPB.

Bagi mengelakkan kes majikan culas, PERKESO telah memuat naik nama majikan yang telah menerima subsidi upah bagi pengetahuan pekerja mereka. Selain itu, PERKESO juga telah menambah baik SOP berkaitan kelulusan dan pembayaran. PERKESO juga akan bekerjasama dengan pihak SPRM bagi menangani isu majikan yang membuat tuntutan palsu.

Soalan kedua juga daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani juga mengenai isu berbangkit mengenai status penyaluran peruntukan kewangan. Status penyaluran bantuan kewangan di bawah PRIHATIN, PENJANA setakat 4 September 2020 adalah seperti berikut. Bantuan PRIHATIN Nasional sebanyak RM11.14 bilion kepada seramai 10.6 juta penerima. Manakala Bantuan Sara Hidup (BSH) pula sebanyak RM424.5 juta kepada 4.25 juta penerima. Ini setakat 4 September.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Isu yang dibangkitkan ialah bagaimana kerajaan dapat mengumpul dana untuk membiayai pakej rangsangan ini selain sukuk PRIHATIN. Pembayaran pakej rangsangan ini ialah melalui pinjaman dalam negeri. Kerajaan memberi tumpuan kepada terbitan domestik iaitu dalam dominasi ringgit untuk menyokong pasaran modal domestik di samping mengurangkan kos dan pendedahan risiko tukaran mata wang asing.

Kesemua terbitan bon dan sukuk kerajaan iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dilaksanakan secara tender terbuka di mana

semua pelabur boleh berurus niaga dengan yakin dan pada masa yang sama menggalakkan dagangan sekuriti kerajaan pada harga kompetitif.

Sokongan signifikan juga diperoleh daripada pelbagai kategori pelabur seperti Dana Persaraan, pelabur institusi, syarikat insurans dan institut perbankan serta institusi kewangan pembangunan. Penyertaan pelabur asing dalam pasaran sekuriti kerajaan juga kekal stabil sekitar 22 peratus daripada jumlah kertas hutang kerajaan berdidominasi Ringgit pada akhir Jun 2020. Kepelbagaiannya atas pelaburan menjadikan aktiviti pasaran *secondary* ini, kerajaan lebih aktif seterusnya menyebabkan kos pembiayaan kerajaan lebih rendah dan stabil.

Isu seterusnya ialah apakah strategi dalam memastikan bekalan makanan negara mencukupi. Untuk makluman, MOA sedang merangak kerangka sekuriti makanan negara yang berteraskan dasar-dasar baharu yang telah diumumkan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama, Dasar Agromakanan dan rancangan lima tahun Malaysia dengan mengambil kira faktor ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan bekalan bahan makanan bagi memenuhi keperluan penduduk Malaysia.

#### ■1930

Selain itu pengumuman kerajaan dalam PRIHATIN untuk mewujudkan Dana Jaminan Makanan juga adalah untuk memastikan kelangsungan bekalan makanan. Antara strategi yang telah dilaksanakan ialah kemudahan infrastruktur tempat penyimpanan, pengagihan makanan serta Program Integrasi Tanaman, dana khas antara RM100 ribu, hingga RM200 ribu akan disediakan kepada setiap pertubuhan peladang kawasan dan pertubuhan nelayan kawasan yang berdaya maju untuk membangunkan projek agromakanan jangka pendek.

Skim Pembiayaan Mikro Kredit di bawah Agrobank bagi usahawan agro ini termasuk usahawan industri komoditi bernilai RM350 juta dengan kadar faedah 3.5 peratus. Nilai pinjaman maksimum ialah untuk RM50 ribu untuk setiap usahawan. Tempoh pinjaman ialah sehingga lima tahun.

Kelima, insentif untuk memudah cara mobiliti tenaga kerja pertanian kepada syarikat perintis bagi melatih dan mengajar tenaga kerja untuk menceburi peluang dalam pertanian dan perladangan. Memberi sumbangan *in-kind* juga bagi menyokong pertanian bandar. Ini seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan. Ini bernilai RM500 bagi penerima individu dan RM50 ribu bagi setiap komuniti.

Isu berbangkit seterusnya ialah RM600 juta elauan khas kepada *front liners*. Adakah penyaluran bayaran ini rumit kerana mengalami kelewatan? Ini daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili juga. Selaras dengan keputusan kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi pada 27 Februari 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan garis

panduan dalaman bagi memaklumkan pelaksanaan pembayaran elaun khas COVID-19 kepada ketua jabatan di peringkat jabatan kesihatan negeri, hospital institusi, pejabat kesihatan dan klinik kesihatan di bawah KKM.

Seterusnya pada 21 April 2020, KKM telah menjelaskan penambahbaikan pelaksanaan pembayaran elaun khas COVID-19 berhubung tanggungjawab ketua jabatan untuk mempermudah proses tuntutan elaun khas COVID-19 di mana pegawai hanya perlu mengemukakan borang tuntutan sahaja tanpa perlu menyertakan sebarang dokumen tambahan seperti surat arahan dan jadual bertugas. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 11 September 2020, sebanyak RM268.2 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembayaran elaun khas kepada 832 ribu *front liners*.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeling. Isu berbangkit ialah penguncutan negatif 17.1 peratus. Ini berbanding Indonesia, Thailand dan Singapura di mana kita hanya berbuat peruntukan tiga peratus daripada KDNK sahaja. Soalan keduanya ialah Kementerian Kewangan juga perlu mempertimbangkan dan melipatgandakan suntikan fiskal ini.

Ekonomi Malaysia memang tidak terkecuali daripada krisis global akibat penularan COVID-19 di mana negara telah mencatat penguncutan negatif 17.1 peratus pada suku kedua tahun 2020. Ya, memang penguncutan suku kedua Malaysia adalah antara yang terbesar di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, ia perlu dilihat dalam konteks usaha-usaha yang diambil untuk memerangi COVID-19 dan meratakan lekuk sejak bulan Mac lalu. Secara umumnya, hubung kait kadar jangkitan dan pertumbuhan ekonomi adalah, dengan izin *inverse relationship*.

Dalam hal ini, Universiti Oxford telah membangunkan sebuah indeks yang mengukur tahap ketegasan kerajaan-kerajaan sedunia dalam mengawal penularan COVID-19 di negara masing-masing. Indeks ini mendapati bahawa tindak balas Kerajaan Malaysia merupakan salah satu kawalan yang paling ketat di rantau ini akan tetapi kita amat berjaya mengawal penularan COVID-19.

Di sini penting untuk kita mengambil kira bahawa negara-negara lain seluruh dunia turut juga mengalami penguncutan dalam KDNK suku kedua tahun 2020. Contohnya *United Kingdom* menguncup negatif 21.7 peratus, Perancis negatif 13.8 peratus dan sebagainya. Kita dapat lihat sekarang bahawa ekonomi negara kini beransur pulih.

Kadar pertumbuhan ekonomi bulan April adalah negatif 28.6 peratus tetapi kadar ini bertambah baik pada bulan Mei iaitu negatif 19.5 peratus dan bulan Jun pertumbuhan bertambah baik iaitu negatif 3.2 peratus. Ini menunjukkan penambahbaikan ekonomi daripada negatif 28.6 peratus pada puncak penguncutan ekonomi pada bulan April dan kini negatif 3.2 peratus pada bulan Jun. Ini adalah penambahbaikan 25.4 peratus.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Berkenaan jumlah sumbangan rangsangan kepada ekonomi, jika kita mengguna pakai kaedah pengiraan IMF, jumlah keseluruhan Pakej Rangsangan Ekonomi Malaysia adalah melebihi 10 peratus KDNK dan bukan tiga peratus KDNK seperti yang dinyatakan tadi. Saya perjelaskan juga bahawa pembentangan RUU ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal RM45 bilion kerana ia adalah sejumlah wang yang akan dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Namun, kita harus ingat bahawa keseluruhan rangsangan yang diperkenalkan kerajaan adalah RM290 bilion yang daripada jumlah ini, RM145 bilion merupakan suntikan daripada pelbagai sumber seperti pembiayaan inisiatif Bank Negara, GLC dan agensi kerajaan, skim-skim jaminan dan juga insentif percukaian.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi. Ini isu berbangkit mengenai bantuan kepada OKU. Selain bayaran *one-off* RM300 di bawah PENJANA, terdapat sekurang-kurangnya 86,000 golongan OKU yang menerima BSH dan BPN, iaitu Bantuan Sara Hidup dan Bantuan Prihatin Nasional serta menerima bantuan bulanan OKU sedia ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Program bantuan dari golongan mudah terjejas berjumlah RM61.7 juta telah disalurkan kepada 205,578 penerima yang terdiri daripada OKU yang berdaftar. Ini seramai 185,713 penerima, ibu tunggal 18,050 penerima, sukarelawan program khidmat bantu di rumah, ini 1,815 penerima.

Yang Berhormat Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi bertanya juga mengenai status pelaksana Program Hire Malaysia yang berapakah OKU yang dapat manfaat dan cadangan supaya program ini diteruskan sehingga tahun 2021. Program Hire Malaysia merupakan salah satu program diperkenalkan melalui inisiatif PENJANA. Hire Malaysia OKU menyediakan majikan dengan insentif sebanyak RM1,000 sebulan untuk tempoh enam bulan bagi setiap OKU yang diambil kerja. Program ini telah bermula sejak 15 Jun 2020 dan setakat 15 September 2020 seramai 300 pekerja OKU telah mendapat manfaat daripada program ini.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Isunya bolehkah kerajaan akan menambah rangsangan ini daripada RM45 bilion. Penambahan rangsangan saya pernah sebut kerajaan sentiasa bersedia untuk menambah rangsangan. Kerajaan melalui Unit LAKSANA di bawah Kementerian Kewangan sedang

mengumpul maklum balas daripada penerima-penerima bantuan dan juga turun padang untuk berjumpa dengan seramai golongan B40 dan M40.

Pakej rangsangan ini adalah pakej yang dinamik di mana kerajaan pernah menambah baik atau melanjut rangsangan sebelum ini. Pakej rangsangan kita sudah dinamik seperti yang saya sebut tadi. Contohnya, kerajaan menambah peruntukan RM1.2 bilion untuk Bantuan Prihatin Nasional daripada RM10 bilion kepada RM11.2 bilion. Program Subsidi Upah juga yang ditambah baik di bawah PENJANA termasuk pelanjutan tempoh PSU selama tiga bulan.

Diskaun bil elektrik yang diumumkan bawah PRIHATIN yang berjumlah RM530 juta daripada bulan April sehingga September telah dilanjutkan sehingga Disember 2020 untuk pengguna domestik termasuk di Sabah dan Sarawak. Selain itu kerajaan juga telah menambah baik bantuan melalui Bantuan Prihatin Elektrik. Ini menjadikan kos keseluruhan diskaun bil elektrik sebanyak RM2.6 bilion termasuk RM500 juta suntikan fiskal kerajaan dan selebihnya ditanggung entiti-entiti berkaitan.

Moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar pula diumumkan pada bulan Julai yang lalu bagi membantu mereka yang kehilangan pekerjaan dan mengalami pengurangan gaji atau masalah yang pelbagai. Oleh itu, kerajaan sentiasa memantau keadaan semasa dan bersedia untuk menambah rangsangan jika keperluan dikenal pasti.

Seterusnya soalan dari Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeling dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Adakah jumlah peruntukan RM45 bilion ini mencukupi? Kerajaan mengambil pandangan positif berkenaan dengan cadangan untuk meningkatkan suntikan langsung fiskal yang berjumlah RM45 bilion ini. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga membangkitkan bahawa suntikan fiskal hanya bersaiz tiga peratus daripada KDNK berbanding pakej negara lain.

Seperti yang sebut tadi, menurut IMF, angka ini merangkumi bukan sahaja suntikan fiskal langsung yang peratus daripada KDNK ini tetapi juga, dengan izin, *below the line measures* iaitu suntikan ekuiti, pinjaman pembelian aset dan lain-lain. Jika kita tidak mengambil kira *below the line measures* ini angka pakej rangsangan Australia tersebut adalah 8.8 peratus sahaja, Thailand 8.2 peratus bukannya 11.8 peratus manakala Filipina hanya 2.2 peratus dan bukan 3.1 peratus. Oleh itu, jika kita menggunakan pakai kaedah pengiraan yang sama, jumlah keseluruhan Pakej Rangsangan Ekonomi adalah melebihi 10 peratus KDNK, dan bukan 3 peratus seperti yang dinyatakan.

Pendirian kerajaan dalam isu ini adalah jelas dan konsisten. Saya pernah menyebut sebelum ini bahawa kerajaan sentiasa memantau situasi semasa dan kerajaan- seperti saya sebut tadi bersedia untuk menambah jumlah rangsangan jika ada keperluan. Malah, dalam Belanjawan 2021, kerajaan akan mengumumkan langkah yang sesuai. Dalam hal ini, kesemua Paket Rangsangan Ekonomi adalah dinamik dan kerajaan sentiasa bertindak proaktif. Kita tidak harus melihat kepada jumlah yang dibelanjakan semata-mata, tetapi lebih penting hasil dan kesan positif.

Di sini saya ingin menghuraikan beberapa secara ringkas. Pertama, jumlah suntikan fizikal langsung sebanyak RM45 bilion ini adalah hasil pemantauan sesi libat urus dan penambahbaikan yang berterusan. Kita sebelum ini ada PRE 2020, kemudian PRIHATIN yang diumumkan pada 27 Mac 2020 dengan nilai RM250 bilion. Selepas itu kerajaan telah menyusul PRIHATIN PKS Tambahan dalam masa 10 hari sahaja.

Kemudian pada 5 Jun 2020, kerajaan telah memperkenalkan PENJANA dengan rangsangan tambahan sebanyak RM35 bilion. Dalam masa tiga bulan, kerajaan telah memperkenalkan Paket-paket Rangsangan Ekonomi berjumlah RM295 bilion iaitu yang paling besar dalam sejarah negara.

Kedua, jumlah rangsangan yang diumumkan merangkumi peruntukan yang ditambah baik atau dilanjutkan. Seperti yang saya sebutkan tadi, kerajaan menambahkan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk BPN, mulanya sebanyak RM10 bilion, selepas itu dinaikkan kepada RM11.2 bilion. Program Subsidi Upah (PSU) juga ditambah baik, dilanjutkan sampai lagi tiga bulan dan juga diskauan bil elektrik seperti yang saya sebutkan tadi.

Isu berbangkit ialah mengenai lanjutan moratorium juga. Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan telah bersetuju melaksanakan moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar khusus untuk golongan yang benar-benar memerlukan. Pertamanya individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 dan masih belum lagi mendapatkan pekerjaan lain akan ditawarkan tempoh lanjutan moratorium pinjaman selama sekurang-kurangnya tiga bulan lagi oleh bank masing-masing.

Individu yang masih bekerja, tetapi gaji mereka terjejas akibat COVID-19 akan ditawarkan pengurangan ansuran pinjaman yang sepadan dengan pengurangan gaji mereka. Ini bergantung pada jenis pembiayaan. Institusi perbankan akan menawarkan tempoh fleksibiliti ini selama sekurang-kurangnya enam bulan. Institusi perbankan juga akan mempertimbangkan lanjutan pemberian fleksibiliti pada akhir tempoh tersebut dengan mengambil kira gaji peminjam pada ketika itu.

Selain itu, institusi perbankan juga komited untuk memberikan fleksibiliti pembayaran balik kepada individu lain dan semua peminjam PKS yang terjejas akibat COVID-19. Fleksibiliti yang ditawarkan oleh sesebuah bank akan mengambil kira keadaan spesifik setiap peminjam. Para peminjam hanya perlu memberi maklum balas kepada bank serta memberikan sedikit maklumat yang diperlukan untuk mengesahkan status mereka. Kebanyakan bank telah mula menerima permohonan moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar mulai 7 Ogos yang lalu. Sehingga 11 September 2020, sekitar dua juta peminjam individu dan perniagaan telah dihubungi bank untuk bertanya keperluan untuk bantuan pembayaran balik.

Daripada jumlah ini, pihak bank telah berbincang dengan 1.4 juta peminjam dan lebih 380,000 peminjam mengesahkan mereka benar-benar memerlukan bantuan pembayaran balik. Manakala masih ada yang sedang mempertimbangkan pilihan bantuan yang disediakan. Angka ini dijangka terus meningkat, daripada permohonan bantuan yang diterima dan diproses, sebanyak 98 peratus telah diluluskan. Selain itu, setakat 11 September juga, lebih 800 ribu orang peminjam yang mengambil moratorium secara automatik telah kembali meneruskan bayaran ansuran bulanan berbanding dengan 336 ribu orang peminjam, pada bulan April 2020.

Orang ramai juga tidak perlu bimbang kerana fleksibiliti yang diberikan kepada peminjam sepanjang tempoh ini tidak akan terpapar dalam laporan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CRIS) peminjam. Peminjam individu dan PKS yang permohonan bantuan bayaran balik pinjaman mereka ditolak, boleh meminta bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi menyemak semula permohonan mereka dan menyediakan pelan pinjaman yang sesuai dengan bank mereka.

Memandangkan bulan Oktober menjelang tidak lama lagi, Bank Negara Malaysia menggesa orang ramai dan PKS segera menghubungi bank-bank masing-masing untuk mengesahkan pakej bantuan bayaran balik pembiayaan yang ditawarkan. Ini penting terutamanya bagi peminjam yang masih memerlukan bantuan pasca moratorium untuk mengelakkan rekod kredit menjadi buruk selepas September 2020.

Jadi Bank Negara Malaysia terus memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dijalankan oleh institusi perbankan bagi membantu peminjam yang masih menghadapi kesulitan kewangan sementara. Bank Negara Malaysia juga akan terus menumpukan usaha bagi memastikan sistem perbankan terus menjalani fungsi perantaraannya dengan berkesan dalam penyokong pemulihan ekonomi.

Soalan seterusnya ialah Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad. Adakah kerajaan akan meneruskan program *MyBrain?* Program *MyBrain* telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan juga RMKe-11. Program ini telah berjaya menaja seramai 56,910 orang

pelajar mengikut program di peringkat pasca siswazah dan sehingga Jun 2020, seramai 34,207 orang pelajar berjaya menamatkan pengajian. Kerajaan pada masa kini komited untuk menyediakan peruntukan sehingga tamat kohot sedia ada. Mengenai sama ada program ini akan diteruskan atau tidak, adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan serta situasi semasa.

Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah juga bertanya mengenai *front liners* mendapat agihan sebanyak RM600. Nyatakan peratus penerima bantuan tersebut kerana ada yang masih tidak menerima bantuan tersebut. Sehingga kini sebanyak- seperti yang saya sebut tadi sebanyak RM267.4 juta telah disalurkan berdasarkan kepada 827,974 tuntutan daripada *front liners*. Tuntutan ini dibuat secara bulanan oleh *front liners* yang layak.

Untuk makluman- satu lagi soalan adalah cadangan supaya bayaran elaun Pingat Jasa Malaysia yang tertunggak kepada golongan veteran dan disenaraikan di bawah program undang-undang ini. Untuk makluman, bayaran Elaun Pingat Jasa Malaysia yang tertunggak telah dan sedang dibayar menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, isu yang berbangkit ialah hutang melebihi RM1 trilion. Ini- diharapkan kerajaan menimbulangkan langkah mengawal hutang. Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan tahap hutang dan pendedahan liabiliti dalam paras yang lebih terkawal. Langkah ini termasuk mengenal pasti hutang yang mempunyai kos pembiayaan tinggi yang dapat di struktur semula. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti yang berperanan merangka dasar pengurusan hutang yang mampan untuk mengurangkan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Kerajaan juga akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal bagi mengawal defisit kerajaan dengan tujuan mengurangkan keperluan membuat pinjaman. Kerajaan juga dalam proses merangka Akta Tanggungjawab Fiskal untuk mengukuhkan tadbir urus, ketulusan dan akauntabiliti dalam pengurangan fiskal. Dalam masa yang sama, kerajaan akan mengutamakan pinjaman dalam negeri bagi memastikan risiko tukaran wang asing dan kos pinjaman yang lebih rendah.

Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad juga bertanya mengenai kerajaan- adakah akan meneruskan program SL1M. Kerajaan menerima baik keprihatinan Yang Berhormat kepada golongan graduan dan mahasiswa baru yang menghadapi cabaran mendapat pekerjaan dalam keadaan ekonomi semasa. Walaupun kadar pengangguran secara keseluruhannya telah turun daripada 5.3 peratus pada bulan Mei kepada 4.7 peratus pada bulan Jun, kadar

pengangguran bagi golongan di bawah 25 tahun masih melebihi 10 peratus dan di kalangan graduan di bawah 25 tahun, hampir 20 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat, program *Portage* masih berjalan dan Pekeliling Kementerian Kewangan masih berkuat kuasa untuk mewajibkan syarikat yang menerima kontrak kerajaan untuk mengajikan graduan baharu. Tambahan di bawah Pakej Rangsangan PENJANA, kerajaan telah memperkenalkan insentif pengambilan pekerja ataupun, dengan izin, *Hiring Incentive* di bawah *MyApprentice*. Majikan diberikan insentif sebanyak RM600 sebulan untuk enam bulan untuk menyediakan peluang perantisan kepada graduan baharu dan lepasan sekolah.

Sehingga 15 September 2020, seramai 3,500 belia telah mendapat manfaat daripada *MyApprentice*. Di samping itu, di bawah *Hire Malaysia 40*, majikan diberi insentif sebanyak RM800 sebulan untuk enam bulan, untuk mengambil pekerja baru dibawa umur 40 tahun termasuk graduan dan mahasiswa baharu. Bagi membantu graduan baharu dalam meningkatkan kebolehpasaran di bawah PENJANA, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2 bilion untuk *reskilling* dan *upskilling*.

Daripada jumlah tersebut, Kementerian Kewangan telah meluluskan program berjumlah RM500 juta. Di antaranya Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melaksanakan program latihan di IPTA dalam kemahiran yang diperlukan industri. Di samping itu, sebanyak RM50 juta juga telah disediakan untuk program kebolehpasaran graduan yang dilaksanakan di universiti swasta dan IPTS. Tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan program latihan terutamanya bagi graduan yang menganggur.

#### ■1950

Ada isu juga oleh Yang Berhormat Puan Asmak mengenai PenjanaGig yang kurang dapat sambutan ini. Kerajaan maklum bahawa inisiatif PenjanaGig masih kurang mendapat sambutan. Antara sebabnya adalah disebabkan kurang kesedaran di kalangan pekerja *gig* berkaitan inisiatif ini selain pihak platform kurang memberi perhatian dalam keperluan membuat caruman kerana berpandangan bahawa pekerja gig ekonomi di bawah platform mereka adalah bukan pekerja tetap. Pihak PERKESO akan mempergiatkan lagi usaha mereka untuk memberi kesedaran kepada pekerja *gig* untuk mencarum bagi perlindungan diri mereka sendiri.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak juga bertanya mengenai pinjaman mikro kredit BSN di mana Yang Berhormat berkata islamik ini ia punya limit ialah RM50 ribu tetapi konvensional ialah RM75 ribu, dan bertanya, kenapakah jumlah islamik *micro lending* ini, mikro BSN ini, lebih kecil berbanding konvensional.

Saya difahamkan oleh pihak Bank Simpanan Nasional, sebenarnya tiada perbezaan antara islamik dengan konvensional kerana maksimum pinjaman di bawah skim ini adalah RM75 ribu untuk semua pinjaman oleh pinjaman mikro kredit BSN.

Soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Wira...

**Puan Asmak binti Husin:** Cuma satu ya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, cuma saya mohonlah mungkin kalau boleh dapat pengesahan. Sebab saya baru sahaja *check* dengan BSN di Kelantan- sebab Kelantan dia *fully Islamic*, memang RM50 ribu. Jadi saya mohon untuk mungkin penjelasan seterusnya. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, saya akan *check*. Akan tetapi, saya baru sahaja *check* lima minit sebelum saya masuk Dewan tadi, saya difahamkan oleh pihak BSN lebih kurang pukul 7.40 lebih tadi, semua pinjaman limit dia sama, tetapi saya akan *check* sekali lagi. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman, ini adalah berikutan isu berbangkit mengenai *multiplier effect*, dengan izin, untuk keseluruhan pakej *stimulus*. Secara keseluruhannya, peruntukan yang disalurkan melalui PRIHATIN dan PENJANA dijangka akan merangsang aktiviti ekonomi menyumbang kepada lebih kurang tiga mata peratusan kepada KDNK. So, dengan izin, *three percentage to GDP*.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman juga bertanya mengenai i-Lestari dan NPL dan unjuran KDNK. Inisiatif i-Lestari- ini untuk KWSP. Sehingga 4 September 2020, seramai 4.6 juta pencarum telah mengeluarkan caruman sebanyak RM8.2 bilion di bawah i-Lestari.

Berkenaan soalan NPL. Gross NPL kekal rendah dan stabil. Bank Negara tidak membuat unjuran untuk NPL.

Berkenaan jumlah syarikat dalam PN17. Menurut SC dan Bursa, terdapat 23 syarikat di Bursa.

Berkenaan dengan soalan unjuran KDNK tahun 2020. KDNK tahun 2020 kita yang diunjurkan oleh Bank Negara Malaysia ialah -3.5 peratus hinggalah ke -5.5 peratus.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman Aziz juga ada tanya mengenai perbezaan BSH dan BPN. Yang Berhormat Senator, untuk makluman Yang Berhormat, BSH telah disediakan di bawah belanjawan tahunan dengan bantuan kepada isi rumah B40 dan di bawah Belanjawan 2020 juga disediakan untuk golongan bujang 40 tahun dan ke atas. Bantuan BSH disediakan dengan kadar bantuan mengikut saiz isi rumah dengan kadar maksimum sebanyak RM1,480. Untuk tahun 2020, seramai 4.28 juta penerima BSH telah menerima bantuan berjumlah RM5 bilion.

Bantuan Prihatin Nasional pula telah disediakan di bawah Pakej PRIHATIN khas untuk membantu rakyat yang terjejas daripada krisis wabak COVID-19. Di antara perbezaan utama dengan BSH ataupun Bantuan Sara Hidup ialah Bantuan Prihatin Nasional disediakan untuk golongan B40 dan juga M40. Ini adalah kali pertama kerajaan menyediakan bantuan tunai bagi golongan M40. Kadar bantuan BPN atau Bantuan Prihatin Nasional adalah kadar yang lebih tinggi dengan isi rumah B40 menerima sebanyak RM1,600 berbanding dengan BSH yang menerima RM1,000.

Dengan itu, BPN ataupun Bantuan Prihatin Nasional ini diterima oleh lebih ramai rakyat berjumlah 10.6 juta penerima dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan setakat ini adalah berjumlah RM11.2 bilion.

Seterusnya ialah Yang Berhormat Senator Puan Susan dan yang lain ada bertanya juga macam Yang Berhormat Dato' Kesavadas dan juga Yang Berhormat Ras Adiba dan Yang Berhormat Mohamad Apandi. Ini mengenai langkah mengurangkan kadar pengangguran.

Izinkan saya menjawab sekali guslah beberapa persoalan yang terlepas tadi. Bagi mengurangkan kadar pengangguran, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan- *Hiring Incentive*, Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula serta Bantuan Mobiliti di bawah Pakej PRIHATIN dan PENJANA. Inisiatif tersebut dijangka dapat menstabilkan semula pasaran pekerjaan seterusnya mengurangkan kadar pemberhentian pekerja.

Justeru, sehingga Julai 2020, kadar pengangguran berjaya mencatat pengurangan kepada 4.7 peratus atau 745,100 orang berbanding dengan 5.3 peratus atau 826,100 orang pada Mei 2020.

Bagi meningkatkan kadar penggunaan dalam ekonomi, Bantuan Prihatin Nasional juga yang RM1,600 ini diberikan kepada empat juta isi rumah yang berpendapatan bulanannya RM4,000 dan ke bawah; bantuan RM1,000 kepada hampir 1.1 juta isi rumah berpendapatan RM4,000 hingga RM8,000; bantuan RM800 kepada 3 juta individu yang berusia 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan bulanan RM2,000 ke bawah; dan bayaran RM500 kepada 400 ribu orang individu bujang berusia 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan bulanan lebih RM2,000 hingga RM4,000.

Di samping itu, baki pemberian tunai di bawah program BSH dibayar pada Julai 2020 dengan peruntukan sebanyak RM3.2 bilion.

Akhir sekali, berkenaan dengan langkah-langkah memperkuat ekonomi. Langkah PRIHATIN dan PENJANA ialah sebanyak RM295 bilion. Ini juga kita memfokuskan kepada

menggalakkan pelaburan yang berkualiti. Langkah juga diambil dalam pakej PENJANA terutamanya untuk pendigitalan terutamanya di kalangan SME ke arah *industry revolution 4.0*.

Kerajaan akan melaksanakan pelbagai inisiatif, *insya-Allah*, melalui Belanjawan 2021 dengan memfokuskan kepada melindungi rakyat, memacu ekonomi, kelestarian hidup dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Selain itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas yang bakal dibentangkan pada tahun hadapan akan memastikan pertumbuhan jangka sederhana yang berkualiti. Memperkuuhkan pertumbuhan ekonomi seperti sumber tenaga yang mapan dan kesalinghubungan infrastruktur juga adalah penting dan akan dijadikan fokus dalam Bajet Belanjawan 2021.

Tuan Yang di-Pertua, kata pepatah Melayu ada menyebut, ‘seikat bak sirih, serumpun bak serai’. Dengan usaha seluruh lapisan rakyat di negara ini, kita berjaya mengekang penularan wabak COVID-19 ini dalam fasa pertama penularan. Namun begitu, kita masih belum menang. Dalam beberapa minggu kebelakangan ini, terdapat peningkatan jangkitan di negeri-negeri tertentu. Usaha-usaha membendung penularan berterusan dalam masa kita menanti vaksin dicipta.

Sehubungan itu, setiap daripada kita perlulah memainkan peranan dalam memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi. Sebolehnya kita tidak mahu jangkitan meningkat kerana ia bukan sahaja memberi kesan ke atas kehidupan rakyat malah ekonomi.

Dalam pada ini, kerajaan akan sentiasa memantau rapat situasi ekonomi global dan dalam negara. Sekiranya terdapat keperluan, satu tindakan tuntas akan diambil termasuklah meningkatkan peruntukan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi melalui rang undang-undang ini.

Ketahuilah bahawa kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan kemakmuran ekonomi merupakan agenda utama kerajaan ini. Rasulullah SAW pernah bersabda yang mafhumnya, “Kalian semua adalah seorang pemimpin, dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan terhadap orang-orang di bawah pimpinannya”.

Saya yakin setiap Ahli Yang Berhormat akan menggunakan kebijaksanaan dan pertimbangan sehabis baik untuk kita sama-sama menyokong rang undang-undang ini. Izinkan saya mengakhiri ucapan saya ini dengan dua rangkap pantun.

*Berpuput angin berarak gemawan;  
Mendung terlihat di petang kala;  
Kerajaan prihatin menghulur bantuan;  
Ekonomi dan rakyat sama-sama terbel... [Tepuk]*

*Hang Tuah perwira tiadalah tara;  
Di tanah Melaka legenda diangkat;  
Bersatulah kita menggulung suara;  
Di Dewan Negara mencapai sepakat... [Tepuk]*

Yang tinggal hanyalah keputusan sebulat suara Ahli-ahli Dewan ini untuk kita teruskan perjalanan ini. Moga diberkati Allah SWT. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan kita yang telah menjawab segala perkara yang dibangkitkan oleh keluarga kita seramai 14 orang tadi, tokoh-tokoh kita di Dewan ini dengan panjang lebar mencakupi tentang masalah pengangguran, kewangan dan macam-macam.

## ■2000

Kita berdoalah, ia melegakan hati kita dan *insya-Allah*. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]*

## USUL

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 15(3)**

**8.07 mlm.**

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mohon Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin untuk membacakan teks ucapannya.

**UCAPAN PENANGGUHAN**

**Penukaran Mata Pelajaran Umum Universiti- Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), dan Hubungan Etnik, Kepada Mata Pelajaran Baharu Berasaskan Falsafah**

**8.08 mlm.**

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya mengemukakan usul penangguhan di bawah tajuk “Penukaran Mata Pelajaran Umum Universiti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), dan Hubungan Etnik kepada Mata Pelajaran Baharu Berasaskan Falsafah”.

Saya mendapat makluman bermula September 2019, mata pelajaran “Falsafah dan Isu Semasa”, dan “Etika dan Peradaban” mula dilaksanakan secara berperingkat bagi menggantikan mata pelajaran TITAS, dan Hubungan Etnik yang secara asasnya berhasrat untuk memupuk nilai perpaduan dengan memahami sejarah dan isu etnik di Malaysia. Oleh itu saya ingin bertanya, apakah rasional utama di sebalik penukaran subjek ini? Apakah objektif yang diharapkan melalui kedua-dua subjek asal akan tercapai melalui penukaran subjek ini? Saya juga bersetuju subjek sebelum ini mungkin ada kelemahan tetapi adakah menukar subjek tersebut adalah langkah mengatasi kelemahan?

Selain itu, saya telah meneliti sukanan kedua-dua mata pelajaran baharu dan mendapati rungutan daripada pihak pensyarah yang terlibat ada kebenarannya. Antaranya, kedua-dua mata pelajaran ini banyak menekankan aspek falsafah *neomodenisme*, teori Barat dan berat, serta kurang sesuai bagi mata pelajaran yang melibatkan pelbagai fakulti dan kebanyakannya diajar dalam kumpulan yang besar atau *mass teaching*, dengan izin. Pensyarah dengan latar belakang akademik pelbagai juga kurang faham tujuan sebenar dan kandungan dan sukar memahami teori-teori falsafah serta membumikan mata pelajaran ini secara praktikal berbanding mata pelajaran asal yang lebih dekat dengan jiwa pelajar dan mudah diaplikasikan dalam masyarakat secara praktikal.

Selain itu, ia juga tiada kaitan langsung dengan Tamadun Asia dan nilai Islam juga tidak disentuh secara langsung dalam subjek ini. Saya juga dimaklumkan yang mata pelajaran ini dibangunkan secara tergesa-gesa dan bersifat separuh masak. Kita bimbang kesan pada generasi akan datang yang akan keliru dengan pelbagai teori dan falsafah, tidak jelas dengan sejarah negara, keliru antara falsafah Islam dan falsafah Barat dan yang paling penting, gagal memahami nilai perpaduan yang direncanakan oleh Malaysia sejak daripada merdeka lagi.

## ■2010

Oleh itu, saya memohon penjelasan berkaitan perkara ini. Saya juga ingin mencadangkan agar Pengerusi dan Jawatankuasa Hubungan Etnik dan TITAS sebelum ini dipanggil untuk perbincangan dan kursus baharu turut dibentangkan kepada Ahli-ahli Parlimen kerana ia melibatkan kepentingan masa hadapan generasi Malaysia. Sekian. *Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

### 8.10 mlm.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih juga Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang saya dapati cukup prihatin berkenaan dengan perkembangan pembangunan kurikulum khususnya yang di IPTA yang bukan sahaja untuk memperkasa UA, tetapi juga untuk menjamin kecemerlangan dan kualiti graduan yang dihasilkan dalam proses pembangunan negara khususnya yang berkait dengan isu-isu negara bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) atau dahulunya dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib merupakan mata pelajaran-mata pelajaran yang perlu diambil oleh semua pelajar institusi pendidikan tinggi (IPT) daripada peringkat sijil hingga ke peringkat Ijazah Sarjana Muda sebagai salah satu syarat pengijazahan.

Tujuan MPU diperkenalkan adalah untuk mengukuhkan jati diri, meningkatkan semangat perpaduan dan patriotisme, membentuk sistem nilai, meningkatkan kemahiran insaniah dan meningkatkan penghayatan terhadap elemen nilai ketamadunan kepada pelajar di IPT bagi menghayati dan menghargai sejarah.

MPU dibahagikan kepada empat kelompok iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah sebagai kelompok pertama; penguasaan kemahiran insaniah sebagai kelompok kedua; peluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia sebagai kelompok ketiga dan kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kurikulum sebagai kelompok yang keempat.

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan kursus Hubungan Etnik Kenegaraan dan Keusahawanan merupakan kursus-kursus yang terkandung dalam kelompok MPU- penghayatan falsafah, nilai dan sejarah dan telah ditawarkan sejak pengenalan MPU pada September 2013.

Namun demikian, pada tahun 2018, Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada masa itu telah mengarahkan agar satu modul baharu berkaitan moral dan etika diperkenalkan dengan mengambil kira bukan sekadar prinsip-prinsip moral dalam Islam, tetapi juga mengambil kira prinsip moral sejagat yang boleh difahami daripada falsafah dan juga agama lain. Justeru, kementerian telah membangunkan kursus Falsafah dan Isu Semasa dan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Kedua-dua kursus ini seterusnya telah dimasukkan ke dalam MPU bagi menggantikan kursus TITAS dan Hubungan Etnik Kenegaraan dan Keusahawanan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kursus Falsafah dan Isu Semasa ini diperkenalkan untuk memupuk penghayatan falsafah, nilai dan sejarah di kalangan pelajar. Silibus kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Topik-topik utama dalam pengajian falsafah seperti epistemologi, metafizik dan etika turut dibincangkan dalam konteks semasa melalui kursus ini. Penekanan untuk menjadikan falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya turut diberikan kepada pelajar.

Manakala kursus Penghayatan Etika dan Peradaban pula bertujuan untuk memperteguh pemikiran kritikal dan analitikal pelajar melalui penghayatan kepada etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagai etnik di Malaysia. Silibus kursus ini memberikan fokus kepada penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, objektif kedua-dua kursus ini dibangunkan adalah untuk memberi penghayatan kepada pelajar IPT berhubung etika, nilai

murni, pengetahuan berkenaan, dengan izin, *ethnic and philosophy of knowledge* dan perkara asas keilmuan tanpa mengira fahaman agama dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, konsisten dengan pandangan Yang Berhormat Senator berkenaan perkara ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang meneliti kandungan dan impak hasil pelaksanaan kedua-dua kursus tersebut yang telah ditawarkan mulai Sesi Akademik 2019 dan 2020. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Terima kasih atas jawapan ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak sampaikan penghargaan saya kepada keluarga saya yang masih tunggu di Dewan yang mulia ini. Baru pukul 8.30 malam, belum sampai lagi. Baru 8.16 malam. Saya tanya kepada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, kenapa dia tunggu? Dia kata, siapa depan itu? Orang tua dia kata. Yang tua dihormati, yang muda dikasihi. Dia kata budi bahasa. Dia mengenang budi bahasa. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Anak gadis pandai menari;  
Si teruna pula terlompat-lompat;  
Rupa cantik dapat dicari;  
Budi bahasa mana nak dapat... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Selasa, 22 September 2020.

Sekian. *Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.19 malam]**